

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 16

Isnin

16 April 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1): ■ Kanun Keseksaan (Pindaan) 2006 dan Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2006 Tidak Dikuatkuasakan - <i>Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)</i>	(Halaman 28)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2006) 2007	(Halaman 29)
USUL: Usul Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 2) 2006	(Halaman 33)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 16 April 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis memaklumkan bahawa sempena pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada hari Khamis, 26 April 2007, kerajaan telah memutuskan hari tersebut sebagai hari kelepasan bagi sektor awam dan juga memutuskan bahawa Dewan Rakyat tidak bersidang pada tarikh tersebut selaras dengan peruntukan Peraturan Mesyuarat 11(2), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Dengan demikian saya memerintahkan supaya pertanyaan-pertanyaan jawab lisan yang dijadualkan pada tarikh tersebut dijawab secara bertulis.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana tindakan kementerian dalam menangani masalah ubat tiruan dan ubat yang melepasi tarikh luput.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, pegawai penguat kuasa farmasi Kementerian Kesihatan sering menjalankan pemeriksaan di semua premis yang membekal atau menjual ubat-ubat bertujuan untuk memastikan hanya ubat yang berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah sahaja yang berada di pasaran. Ubat-ubat yang tidak berdaftar termasuk juga ubat tiruan yang ditemui akan dirampas oleh pihak pegawai penguat kuasa farmasi kementerian. Untuk tarikh luput produk juga disemak dari masa ke semasa dan statistik pengedaran ubat yang melepasi tarikh luput tidak didokumenkan di negara ini dan masalah ini masih dapat dibendung berdasarkan jumlah aduan yang diterima adalah kurang dari lima aduan dalam tempoh lima tahun. Itu dari sudut penguatkuasaan.

Walau bagaimanapun, kementerian juga mengambil langkah-langkah serta tindakan-tindakan proaktif bagi pencegahan. Pertama, mendaftarkan semua jenis ubat dalam bentuk dos

pharmaceutical oleh pihak berkuasa kawalan dadah dan setiap ubat yang diluluskan atau berdaftar akan diberi satu nombor pendaftaran. Orang awam boleh menyemak ketulenan nombor pendaftaran ini dari masa ke semasa dengan melayari laman web www.pbfk.gov.my. Kedua, melabelkan hologram *meditech* iaitu wajib bagi setiap ubat yang berdaftar. Dan hologram *meditech* ini mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi dan mulai bulan hadapan *labeling hologram meditech* baru akan digunakan dengan ciri-ciri keselamatan yang dipertingkatkan. Untuk permulaan,, setiap premis farmasi di seluruh negara akan dibekalkan dengan alat yang boleh mengesan ketulenan hologram *meditech* untuk kegunaan awam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Macam-macam benda palsu Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada palsu yang disukai, jam tangan palsu, kasut palsu, rambut palsu, gigi palsu, macam-macam benda palsu tetapi ada yang disukai kerana hendak cantik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, sekarang kita cerita tentang ubat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya lah, memang saya hendak menceritakan sedikit mengenai jawapan Timbalan Menteri. Ubat untuk menyembuhkan, bukan untuk menyakitkan. Ubat untuk menghidupkan Tuan Yang di-Pertua, bukan untuk membunuh. Saya berterima kasih kepada kementerian kerana tindakan-tindakan yang dilakukan oleh kementerian tetapi saya rasa masih kurang agaknya mendapat sambutan, seperti kurang aduan daripada rakyat kerana rakyat tidak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bererti Yang Berhormat bagi Sri Gading takutlah banyak ubat palsu, ubat tiruan ini boleh matikan orang?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, itu yang kita takut Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi bukan kasut, jam, itu tidak apalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu tidak apa kerana dia mahu cantik Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi Yang Berhormat bagi Sri Gading, ada orang sengaja pasang gigi tiruan, rambut tiruan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: gigi palsu..., dia mahu cantik Tuan Yang di-Pertua, itu tidak apa kerana ia tidak membunuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tapi ini soal ubat palsu, luput tarikh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi saya berharap supaya kalau kita hanya rampas, periksa rampas, apakah tidak ada hukuman yang lebih berat dalam melindungi

kesihatan rakyat. Kadang-kadang ubat palsu ini kesannya jangka panjang. Itu sebabnya pengguna-pengguna ubat palsu ini tidak dapat melaporkan kerana bukti-bukti yang sah tidak ada dalam tangan mereka.

■ 1010

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah. Apakah cadangan atau soalnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cadangan saya supaya dilipatgandakan kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana kita hendak melindungi rakyat. Rakyat kadang-kadang tidak tahu. Lainlah macam Yang Berhormat bagi Kepong, dia doktor, dia tahu, dia faham macam mana ubat yang palsu, tidak palsu.

Ini sekarang lelaki, Tuan Yang di-Pertua, banyak ambil ubat palsu, ubat-ubat kekuatan, ubat kuat. *[Ketawa]* Kadang-kadang ubat kuat ini, Tuan Yang di-Pertua, ia agaknya kuatlah, ubat itu kuat tetapi pinggang akan menjadi masalah, jangka panjang. Jadi, ubat ini masyhur, Tuan Yang di-Pertua, ubat kuat, ubat kepala, ubat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukuplah Yang Berhormat. Baiklah, baik. Hanya Yang Berhormat minta tindakan diambil. Cukuplah, kalau....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tindakan yang lebih tegas. Termasuk agaknya gubal undang-undang di dalam Parlimen ini menghukum dengan lebih berat lagi, bukan dirampas sahaja tetapi hukuman mungkin dengan penjara sekali, Tuan Yang di-Pertua, supaya kesihatan rakyat akan dapat benar-benar dijamin di dalam negara yang tercinta ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas kesabaran, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kenyataan Yang Berhormat bagi Sri Gading menyatakan bahawa tindakan yang diambil oleh penguatkuasaan daripada Kementerian Kesihatan tidak tegas rasanya kurang tepat. Kita mempunyai sistem sendiri.

- (i) kita ada lantik *intelligence* sendiri, Tuan Yang di-Pertua, untuk mendengar apa butiran-butiran dalam pasaran. Ubat-ubat yang mungkin menjadi terlalu laris. Ubat ini dikata untuk 'A' tetapi ia terlalu laris. Terutama ubat-ubat yang dipasarkan melalui *multi-level marketing*. Justeru itu, macam tahun lepas...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf, kadang-kadang Panadol pun palsu, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tahu. Doktor pun agaknya tidak tahu mana palsu, mana tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik. Yang Berhormat Menteri, soalan.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, mencelah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan dia hanya doktor tahu ubat itu tiruan, bukan orang awam.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, doktor pun tertipu juga. Sebab itu dalam rampasan yang kita buat tahun lepas sahaja, kita membuat 12,362 *raid*. Kalau mengikut Akta Racun dan juga Akta Dadah, kalau kita tangkap orang yang menjual, orang yang menjadi *distributor*, orang yang mempunyai premis itu juga diambil tindakan, boleh didenda dan dipenjarakan atau kedua-duanya sekali, ia serius. Tetapi isunya sekarang, selain daripada kerajaan mengadakan rampasan-rampasan, kita juga minta supaya rasa ke pertanggungjawaban pengguna perlu ada sebab itu kita ada kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan memberitahu dan mengadakan klinik-klinik penerangan kepada pengguna tetapi akhirnya pengguna juga harus menggunakan kebijaksanaan mereka untuk membeli seperti;

- (i) membeli ubat di premis yang betul, jangan membeli ubat di kaki lima; atau antara
- (ii) dia kata dia sudah cuba ubat ini, dia bisik-bisik dengan kawan dia, pakailah ubat ini, tanpa mengetahui sama ada ubat itu berdaftar atau tidak.
- (iii) pihak syarikat yang mengeluarkan ubat, umpamanya Yang Berhormat bagi Sri Gading kata tadi Panadol. Memang betul, memang ada Panadol tiruan. Panadol baru merayakan 50 tahun *anniversarynya*, sama dengan *anniversary* negara kita. Ia juga mempunyai ciri-ciri keselamatan yang dikeluarkan untuk memberitahu pengguna bahawa Panadol yang ada 6 visi itu boleh didapati di kedai mamak. Ia original. Syarikat itu sendiri juga menggunakan kaedah-kaedah tertentu bagi memastikan produknya tidak ditiru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Yang Berhormat bagi Santubong, sila.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah saya dimaklumkan ada orang menyatakan ubat-ubat yang diguna ke atas penyakit-penyakit kritikal, umpamanya menahan daripada lemah jantung, pengaliran darah dan sebagainya mempunyai bahan yang haram iaitu daging babi ataupun bahagian daripada daging babi digunakan di dalam ubat demikian. Jadi, soalan saya adakah maklumat yang saya terima ini betul dan kalau betul, apakah tindakan kerajaan untuk mencari adunan alternatif supaya tidak menggunakan adunan yang haram diguna dalam ubat yang diberi kepada masyarakat umum. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat. Saya tidak pasti sama ada buat masa ini ubat-ubat yang digunakan adalah halal atau kebanyakannya tidak mengandungi elemen-elemen produk daripada khinzir. Tetapi kadang-kadang mungkin Yang Berhormat terkeliru kapsul, dengan izin, yang menyaluti *ingredient* ubat itu adalah gelatin dan gelatin mungkin mengandungi bahan-bahan yang tidak halal. Dari sudut perubatan saya kira fatwa telah dikeluarkan bahawa jika ubat itu perlu dan sangat perlu untuk kehidupan walaupun ubat tersebut mempunyai unsur-unsur haram, ia menjadi harus. Terima kasih.

2. Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian dalam usaha menangani dan memahami gejala bunuh diri dan bunuh ahli keluarga yang dikatakan berpunca dari tekanan jiwa yang teruk (*depression*).

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah bagi meningkatkan kesedaran awam tentang gejala bunuh diri melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan seperti kempen, pendidikan kesihatan, seminar dan latihan pencegahan bunuh diri bagi meningkatkan modal insan. Bagi membantu individu-individu yang mempunyai masalah kemurungan atau dengan izin, *depression*, kementerian telah menyediakan sebanyak 27 buah hospital di seluruh negara yang memberikan perkhidmatan pakar psikiatri dengan sejumlah 85 orang pakar psikiatri, 2 orang pakar psikologi klinikal dan 56 kaunselor.

Di samping itu juga terdapat 763 buah klinik kesihatan yang menjalankan program kesihatan mental komuniti. Pakar perubatan keluarga juga telah diberikan tempat di klinik-klinik kesihatan untuk mengesan dan memberi rawatan awal kepada penyakit dan pesakit yang mempunyai masalah kesihatan mental. Dari segi latihan, anggota-anggota kesihatan dari pelbagai kategori seperti pakar perubatan keluarga, pembantu perubatan dan jururawat diberi latihan pengurusan kemurungan secara berterusan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir [Sungai Petani]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapannya cukup baik sekali, Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuma apa yang saya hendak sarankan di sini ialah bahawa kempen kesedaran amat berkurangan. Kalau kita lihat di dalam *advertisement*, kalau boleh saya katakan dalam televisyen telah pun dilancarkan oleh pihak kementerian Yang Berhormat tetapi malangnya kebelakangan ini tidak begitu rancak dalam kempen-kempennya sehingga ramai daripada kita tidak tahu di mana untuk mendapatkan bantuan khas.

Misalnya kita mengambil contoh kes *Yin* baru-baru ini, yang mana anak muda ini hilang kerana dia begitu *hyper* dan ibu bapanya tidak tahu di mana hendak mendapat nasihat awal mengenai dengan keadaan mental anak itu. Begitu juga saya lihat di sini, Yang Berhormat sebut

tadi bahawa katanya ramai psikologi klinikal, kaunselor dan sebagainya pada tiap-tiap pusat tadi tetapi masyarakat masih terkebelakang dalam hal memahami masalah-masalah ini.

■ 1020

Jadi apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Yang Berhormat, kementerian Yang Berhormat untuk mempertingkatkan kesedaran kesihatan mental ini di kalangan masyarakat kita. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff Bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada kenyataan Yang Berhormat saya setuju dan ada juga tidak setuju. Dalam kempen Gaya Hidup Sihat, kita menyediakan tak silap saya RM5 juta untuk kempen dan sebahagian daripada kempen hidup sihat itu adalah untuk mengurangkan *stress*. Ini kerana *stress*lah sebenarnya mengakibatkan seseorang ataupun sekumpulan manusia itu tertekan dan jika dia tidak boleh menguruskan diri dia sendiri boleh bergerak daripada *stress* kepada kemurungan, dan daripada kemurungan boleh pergi kepada proses, akhirnya membunuh diri.

Masalahnya, Tuan Yang di-Pertua ramai orang tak berapa perasan kalau dia sakit jantung, dia sakit kaki, dia sakit kepala dia jumpa doktor. Tapi kalau dia sakit mental ini jarang dia jumpa doktor, dan dia pun tak berapa perasan yang dia ada mempunyai tekanan dan *mental stress* terutama Yang Berhormat daripada sebelah sana. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya berandaian bahawa kadar *suicide* ataupun bunuh diri agak rendah di Malaysia jika kita bandingkan dengan negara-negara lain. Namun begitu, saya inginkan penjelasan adakah fenomena bunuh diri ini tertumpu kepada kelompok sosial tertentu saja, kelas rendah ataupun atas? Dan yang keduanya adakah ianya juga tertumpu kepada etnik tertentu saja dalam konteks Malaysia? Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff Bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Saya tak dapat data-data *detail*, saya akan bagi data tersebut secara bertulis. Tetapi memang betul kenyataan Yang Berhormat bagi Gerik mengatakan bahawa fenomena membunuh diri bukanlah satu fenomena yang gejalanya amat membimbangkan, kerana kita punya dengan izin *social fabric* masih kukuh kita masih lagi menggunakan masyarakat dan keluarga adalah sebahagian daripada masyarakat dan kita punya kekuatan *extended family* masih kukuh.

Justeru itu, oleh kerana *social fabric* dengan izin masih kuat dan mantap dalam pembangunan negara kes-kes bunuh diri ini tidak ketara seperti negara-negara maju.

3. **Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) mengapakah terdapat tanggapan bahawa kekurangan keterbukaan integriti dan kualiti dalam perlantikan hakim; dan
- (b) apakah nisbah terkini di antara seorang hakim dengan jumlah penduduk dan adakah perlantikan hakim yang lebih akan dijalankan untuk mengatasi kes-kes yang tertunda.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, perlantikan hakim-hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi adalah termaktub di bawah perkara 122B(1) Perlembagaan Persekutuan. Yang memperuntukkan dengan izin;

“The Chief Justice of the Federal Court, the President of the Court of Appeal and the Chief Judges of the High Courts and (subject to Article 122c), the other judges of the Federal Court of the Court of Appeal and of the High Courts shall be appointed by the Yang di-Pertuan Agong, acting on the advice of the Prime Minister, after consulting the Conference of Rules.”

Perlembagaan Persekutuan juga memerlukan Perdana Menteri berunding dengan Ketua Hakim Negara sebelum menasihati Yang di-Pertuan Agong. Bagi perlantikan Hakim Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Tinggi, Perdana Menteri juga diperlukan berunding dengan Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Malaya selain dengan Ketua Hakim Negara.

Pada ketika ini, walaupun tiada satu badan yang tetap dalam pemilihan calon-calon yang sesuai, Ketua Hakim Negara sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak yang tertentu. Perlantikan dan kenaikan pangkat hakim-hakim adalah dibuat berasaskan prinsip-prinsip yang termaktub di dalam prinsip-prinsip asas kebebasan kehakiman, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dengan izin *the basic principles on the independent of the judiciary*.

Prinsip sepuluh telah menggariskan beberapa prinsip berhubung dengan teras amalan perlantikan hakim-hakim sebagai panduan, di mana telah diperuntukkan dengan izin;

“Person selected for judicial office, shall be individual, sort integrity and ability with appropriate training or qualification in law. Any method or judicial selection shall safeguards against appointment for improper motives. The selection in judges, there should be no discriminations against the person of the ground of race, colour, sex, religion, political or the other opinion, national, social origin, property, birth or status except the acquirement that candidates for judicial office must be a national or the country concern and shall not be considered discriminatory.”

Di Malaysia pada ketika ini perlantikan dan kenaikan pangkat hakim-hakim dibuat berasaskan kepada prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas:

- (a) Ketara proses yang diamalkan sekarang adalah cukup telus dan bertanggungjawab adalah amat jelas bahawa sistem yang telah sedia ada semenjak 50 tahun yang lalu adalah sesuai dan berkesan; dan

- (b) Badan Kehakiman sedang dan akan menambah bilangan hakim yang terdapat di negara ini bagi menangani masalah jumlah kes yang bertambah yang difailkan di mahkamah.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pihak kerajaan telah meluluskan penambahan bilangan hakim di mana sebanyak 16 jawatan orang Hakim Mahkamah Tinggi, dan tujuh jawatan Hakim Mahkamah Persekutuan yang baru akan dilantik dalam masa terdekat. Bagi menangani masalah kekurangan hakim. Buat masa ini dalam nisbah terkini di antara seorang hakim dengan jumlah penduduk adalah seperti berikut:

(i)	Mahkamah Persekutuan	-	1 : 2,385,455 orang;
(ii)	Mahkamah Rayuan	-	1 : 1,749,334 orang;
(iii)	Mahkamah Tinggi	-	1 : 403,693 orang;
(iv)	Mahkamah Seksyen	-	1 : 320,000 orang; dan
(v)	Mahkamah Majistret	-	1 : 180,966 orang.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua persepsi yang saya mengemukakan soalan adalah seperti yang dikatakan oleh seorang hakim dengan izin;

“While there are judges whose integrity and impartiality have never wavered. The public perception is that the judiciary as a whole can no longer be trusted to honour their oath of office. I would not like to be taken to today’s judiciary especially if I am innocent.”

Ini menunjukkan bahawa persepsi yang dikatakan oleh hakim tersebut sangat ketara di negara ini, kebelakangan ini. Jika kita baca satu report yang dikemukakan oleh *International Bar Association*. Report ini padan dengan *title Justice in Jeopardy*. Beberapa perkara yang berkaitan dengan kekurangan kecacatan di kehakiman telah dicadangkan dan hingga hari ini tidak ada apa-apa yang serius telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

Kita telah merdeka lebih kurang 50 tahun, apakah sebab lagi kita perlu, kita tidak ada sistem di mana perlantikan hakim itu bukan saja telus tapi *accountable* dan kita tahu macam mana sistem itu boleh berlaku dan *judicial commission* yang dicadangkan di negara ini bukan satu perkara yang baru tetapi satu perkara yang patut diimplementasikan oleh kerajaan.

Adakah kerajaan dalam keadaan yang sangat ketara, sangat kebimbangan masyarakat kepada kehakiman. Kerajaan ingin atau sedia untuk mengadakan Suruhanjaya Diraja, *specific* untuk mengatasi atau *to do the necessary investigation* dan membuat rekomendasi yang tertentu supaya kita dapat satu *first world class*...

Dato’ Seri Mohamed Nazri Bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya Yang Berhormat sebut pandangan itu, pandangan seorang hakim saja. Saya telah menjawab iaitu kalau sekiranya orang tidak berkeyakinan dengan perbicaraan dilakukan di mahkamah. Sudah tentu kes-kes yang dibawa ke mahkamah itu akan berkurangan. Tapi seperti yang kita semua

maklum statistik menunjukkan iaitu di semua mahkamah ada berlaku pertambahan pendaftaran kes-kes baru. Ini menunjukkan secara rambang bahawa orang ramai masih lagi berkeyakinan bahawa mahkamah-mahkamah boleh dipercayai untuk memberi keadilan.

■ 1030

Keduanya saya sebut kita tidak ada sistem yang lain oleh kerana kita merasakan bahawa sistem yang ada sekarang ini selama 50 tahun adalah masih lagi boleh digunakan. Sebab itu kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan suruhanjaya untuk pemilihan hakim-hakim ini.

Ketiganya *judicial system* ini kalau Yang Berhormat, saya tidak ada masalah kerana saya tidak ada kepentingan sama ada cara-cara ini perlu ditukar ataupun tidak, kalau tukar pun tidak ada masalah kepada saya sebagai menteri. Cuma kita mengamalkan kebebasan iaitu *separation of powers* atau pemisahan kuasa, *judiciary*, *legislative* dan *executive* kita harus memainkan peranan untuk meyakinkan kepada pihak *judiciary* di atas keperluannya ada *judicial commission*.

Kalau mereka bersetuju, bagi pihak eksekutif, kita tidak ada apa-apa masalah untuk melaksanakan apa yang dimaksudkan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mengenai pesuruhjaya diraja, adakah kerajaan tak perlu.

4. Tan Sri Dato' Hew See Tong [Kampar] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah untuk membasmi kemiskinan di bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih keadaan Ahli Parlimen daripada Kampar kerana membangkitkan soalan berkenaan dengan usaha-usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan di bandar.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengadakan beberapa program semenjak RMK9 untuk membantu golongan miskin memperbaiki kualiti hidup dan meningkatkan pendapatan keluarga di bandar dan daripada program-program itu:

- (i) bantuan perumahan - keluarga miskin dengan tujuan membiayai sewa rumah sejumlah RM124 sebulan dan bantuan sewa bilik sebanyak RM70 sebulan ataupun kadar sebenar yang terendah meliputi semua jenis rumah kecuali setinggan dan rumah di bawah program sewa beli milik kerajaan;
- (ii) bantuan pengurangan beban tanggungan keluarga - bantuan ini merangkumi perbelanjaan persiapan kemasukan ke sekolah-sekolah dan IPT, bantuan kos jagaan kanak-kanak dan bantuan kos dialisis;

- (iii) pendidikan dan latihan – bantuan latihan kemahiran di institusi awam meliputi yuran latihan dan elaun RM150 sebulan diberikan kepada ahli keluarga yang berpotensi memulakan peniagaan atau pekerjaan;
- (iv) mengenal pasti peluang pekerjaan untuk orang miskin melalui jaringan pihak berkuasa tempatan dengan pihak majikan tempatan untuk mendapat peluang pekerjaan untuk golongan miskin;
- (v) bantuan ihsan penduduk miskin di bandar. Bantuan ihsan berbentuk kewangan diberikan kepada keluarga miskin yang ditimpa kesusahan dan kadar maksimum ialah RM2,000 untuk keluarga miskin dan RM3,000 untuk keluarga miskin tegar.

Selain daripada itu kerajaan menggalakkan penubuhan pusat sejahtera di setiap PBT yang dianggap akan berfungsi sebagai suatu *one stop centre* untuk pendaftaran keluarga miskin sebagai pusat maklumat dan sebagai pusat untuk aktiviti kumpulan miskin. Selain daripada itu kita telah mengusahakan suatu program untuk mendapat pangkalan data *the urban poverty information system* yang dibangunkan bagi mendaftarkan semua keluarga miskin dan RM10 dikenakan bagi diberi kepada sesiapa yang membantu mengisi borang-borang berkenaan.

Inilah program-program yang didapatkan setelah dilaksanakan semenjak tahun lalu dan beberapa orang telah mendapat bantuan daripada program ini. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila kita sebut soal kemiskinan, kadar kemiskinan, siapakah yang di dalam golongan papa kedana. Persepsi orang ramai ini selalu tertumpu kepada golongan di luar bandar. Tetapi kita kena mengambil perhatian bahawa ada juga golongan besar yang bermastautin di bandar yang juga merupakan golongan yang miskin dan tergolong dalam golongan papa kedana.

Tadi saya dengar ada juga program-program yang dianjurkan oleh pihak kementerian. Tetapi saya rasa kecewa sedikit ialah walau pun program-program dan dana-dana hendak membantu golongan miskin telah pun dianjurkan semenjak tahun lepas. Tetapi sehingga ke hari ini, saya tidak dapat melihat kesannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat macam mana kita hendak memberi lebih banyak kesan kepada program-program yang dianjurkan oleh pihak kementerian. Mungkin melalui wakil-wakil rakyat sebab dalam kawasan saya ini memang kita tidak tahu siapa-siapa yang telah menerima bantuan. Tidak tahu siapakah yang telah diberikan pekerjaan melalui jaring-jaring yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat.

Sedangkan saya pun membantu satu dua kumpulan menyediakan *soup* dengan izin di bandar Alor Setar supaya orang miskin betul ini tak kira Melayu, Cina, India datang *queue up* minta *soup*. Sila berikan penjelasan dalam perkara itu. Terima kasih.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat dan tahniah diucapkan kepada Yang Berhormat di atas langkah-langkah yang telah diambil untuk menderma dan membantu golongan miskin di Alor Setar.

Untuk maklumat Yang Berhormat, semenjak program ini telah dimulakan, kementerian telah membuat bayaran kepada 668 orang dengan jumlah wang sebanyak RM790,000 untuk pelbagai jenis bantuan di bawah program ini dan baru-baru ini kementerian telah meluluskan bantuan kepada 546 orang berjumlah RM433,000 dan kita sedang memproses permohonan lagi 1,300 daripada pihak berkuasa tempatan. Sistem yang digunakan untuk melaksanakan program ini ialah melalui pihak berkuasa tempatan.

Tiap-tiap pihak berkuasa tempatan diwajibkan mewujudkan suatu *posting* yang dipanggil Pegawai Penyelaras yang bertempat di pihak berkuasa tempatan dan kita telah memberi taklimat kepada semua Ahli Majlis dan semua pihak berkuasa tempatan di seluruh negara. Saya sendiri telah turun ke Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan, Negeri Sembilan dan Johor manakala Timbalan-timbalan Menteri di kementerian saya seorang telah menjaga Sarawak dan yang seorang lagi ditugaskan untuk menjaga negeri Sabah.

Melalui taklimat ini semua bantuan telah dihebahkan kepada Ahli-ahli Majlis supaya mereka boleh mengambil satu peranan yang proaktif untuk mendaftarkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masalah Yang Berhormat, Ahli Parlimen tidak tahu. Dia tidak tahu usaha yang dijalankan. Ahli Yang Berhormat bagi Alor Setar tadi yang membangkitkan.

Dr. S. Subramaniam: Program ini sudah dibawa ke akar umbi. Ada peluang untuk orang-orang yang miskin di kawasan Alor Setar pun melalui Ahli-ahli Majlis di kawasan Alor Setar untuk mendapat bantuan-bantuan ini. Mereka akan memberi segala bantuan untuk mendaftarkan mereka dan mendapat bantuan yang telah disediakan oleh kerajaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] : Batu Kawan. Minta maaf, ini Bukit Gantang.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang kita tak dapat nafikan bahawa kerajaan telah memberi banyak program-program untuk membantu orang-orang miskin. Tetapi masalahnya, orang yang sebenarnya orang-orang miskin terutama di kampung tidak mengetahui apa yang ditawarkan oleh pihak kerajaan dan apa lagi kalau sekiranya Setiausaha Parlimen mengatakan taklimat telah diberi kepada Ahli-ahli Majlis, kenapa tidak diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen?

Sebab sebenarnya orang-orang kampung, orang yang miskin datang jumpa kita. Mereka tidak berjumpa dengan Ahli-ahli Majlis. Minta penjelasan.

Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat. Semasa kita mengadakan taklimat, kita telah minta semua pihak yang berkenaan termasuk Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Hah! Ini tipulah. Mana betul.

Dato' Tan Lian Hoe [Bukit Gantang]: Tidak Betul [*Dewan riuh*] [*Disorak*]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Hai! Tak betul. Tak betul.

Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, ada kawasan di mana Ahli-ahli Parlimen ada turun, ada kawasan yang mereka mungkin tidak diberitahu. Tetapi ini bukan menjadi suatu masalah yang besar, kita sudi mengadakan satu taklimat untuk Ahli-ahli Parlimen mungkin di dalam sesi parlimen supaya Ahli-ahli Parlimen

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Sesi parlimen sudah mahu habislah.

Dr. S. Subramaniam: mengambil bahagian di dalam program itu. Terima kasih.

■ 1040

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [*Bangun*] [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini bukan boleh tawar minta sana sini. Cukuplah. [*Disampuk*] Baiklah, cukuplah.

5. **Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan kejayaan MDeC dalam menggalakkan penyertaan usahawan Melayu melalui program MSC Technopreneurship Centre (MSC-TeC) yang memberikan tumpuan kepada pembinaan kapasiti latihan perniagaan, akses kepada jaringan perniagaan dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Batu Pahat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan pelbagai program untuk menambah penyertaan bumiputera dalam bidang ICT, khasnya dalam pembangunan MSC Malaysia. MOSTI memang amat prihatin tentang perkara ini. Sejajar itu MOSTI melalui agensinya, MDeC telah menyediakan satu unit khas *Bumiputera ICT Entrepreneur Development* (BITE) untuk pembangunan usahawan-usahawan *techno*.

Unit ini menyediakan program-program untuk pembangunan usahawan-usahawan ICT bumiputera di samping meningkatkan bilangan penyertaan syarikat bumiputera dalam bidang ICT. BITE juga berperanan untuk mengenal pasti bakat dan bakal ICT daripada graduan untuk dilatih menjadi usahawan K-SME. Untuk mempertingkatkan bilangan penyertaan bumiputera dalam bidang ICT dan MSC Malaysia pula beberapa program telah diusahakan bersama.

Beberapa agensi seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, pihak kerajaan negeri dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Sebagai contoh, MDeC telah menyediakan *Technopreneur Academy Program* (TAP), satu program usahawan dengan Kementerian

Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri untuk melahirkan dan menggalakkan pertumbuhan usahawan-usahawan ICT bumiputera.

Dari tahun 2005 sehingga kini, MDeC telah berjaya mengadakan program tersebut di Perak, Johor, Melaka, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Program ini akan diteruskan dan dijalankan di Pulau Pinang, Kedah, Pahang, Perlis, Negeri Sembilan dan Kelantan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, MDeC mensasarkan sebanyak 750 syarikat MSC Malaysia adalah milik bumiputera. MDeC juga menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak industri untuk memastikan objektif ini tercapai. Program ini ditaja oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk bersedia bersaing, usahawan-usahawan teknologi tadi mestilah juga mempunyai kualiti pada peringkat sama ada dari segi global, dari segi keinginan, semangat dan kesungguhan untuk berdaya saing. Mereka juga sebenarnya perlu kepada *fuel*, dengan izin, sebagai modal asas permulaan dan juga sebagai modal pasaran bagi mencapai kehendak *end user*.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini MDeC telah melancarkan dua inisiatif bagi meningkatkan potensi negara sebagai peneraju hab teknologi dari segi maklumat dan komunikasi dalam peringkat Asia. Saya difahamkan dana telah diperuntukkan sebanyak RM80 juta untuk bumiputera. Jadi soalan saya, adakah pihak kementerian ataupun kerajaan mencadangkan supaya bangunan InventQJaya yang ada di Cyberjaya dapat dijadikan sebagai pusat kecemerlangan teknologi bumiputera sebagai satu *flagship* bagi bumiputera di Cyberjaya dan dapat diperuntukkan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti R&D dengan bantuan yang teratur daripada pihak MDeC?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kemudahan-kemudahan kita di Cyberjaya adalah banyak. Masih ada lagi ruang-ruang kosong yang boleh digunakan sebagai pusat inkubator dan sebagainya. Jadi kita tidak semestinya terikat atau menggunakan kemudahan dan bangunan InventQJaya sebab seperti makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, proses mahkamah saya ingat masih belum dapat diselesaikan berkaitan dengan InventQjaya ini.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Sudah selesai.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Sudah selesai? Ya. Saya rasa dia selesaikan di luar mahkamah. Sebenarnya RM80 juta ini memanglah sebahagiannya akan digunakan untuk membantu bumiputera supaya mereka boleh menjadi *entrepreneur* di peringkat antarabangsa tetapi sebelum itu kita mesti melihat bahawa bumiputera-bumiputera yang ingin menjadi *entrepreneur* ini perlu melalui satu proses seperti menjalani kerjasama dengan MARA, program MiTECH iaitu melalui pusat kompetensi, dengan izin, *technopreneur competency* iaitu di mana syarikat-syarikat ini perlu berada di dalam satu sistem ataupun di dalam satu latihan yang boleh meningkatkan keupayaan mereka.

Sebagai contohnya kita ada program *Start Your Own Business* (SYB) yang mana program-program ini perlu dilalui oleh mana-mana syarikat *entrepreneur* bumiputera yang ingin mencebur diri di dalam bidang ICT dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya dapat jugalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau dapat peluang, kita suka. Tidak dapat, jangan marah. *[Ketawa]*

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya telah meneliti jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai bagaimana kita boleh mempertingkatkan lagi *technopreneurship* bumiputera dan untuk negara kita ini. Tetapi sedarkah Yang Berhormat, bagi saya yang penting sekali dalam era ICT ini, yang paling penting sekali ialah kita mesti mewujudkan satu situasi di mana semua potensi *entrepreneur* ini mempunyai satu tempat di mana mereka inovatif dan juga kreativiti itu sangat penting.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di *Silicon Valley* di mana syarikat-syarikat yang terunggul dari segi perisian, *software company*. Sebagai contoh *Informix*, *Oracle*, semua ini adalah bermula dengan satu keadaan di mana mereka mempunyai satu situasi bebas berfikir untuk inovatif dan juga kreativiti. Yang paling penting sekali ialah mereka mempunyai satu *venture capital fund* iaitu tabung *venture* kapital.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah kementerian melihat situasi ini adakah sangat penting atau tidak penting? Kalau penting, berapakah *venture capital fund* yang telah disediakan untuk potensi-potensi *entrepreneur* ini untuk mengembangkan diri dalam bahagian ICT, khasnya dalam pewujudan perisian yang bertaraf antarabangsa dan juga berkesan untuk pembangunan negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Saya merasakan apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat tidaklah tepat. Itu sebab kita membangunkan MSC dan juga Cyberjaya. Kita telah menyediakan satu infrastruktur ICT yang terbaik, *world class*. Itu menunjukkan kita telah menyediakan satu *conducive environment* bukan sahaja untuk meningkatkan *knowledge* tetapi juga untuk meningkatkan perniagaan.

Berkaitan dengan *venture capital*, untuk makluman Yang Berhormat, dalam bidang ICT kita tidak memerlukan satu kapital *investment* yang tinggi untuk melahirkan satu syarikat ICT. Ini berbanding dengan syarikat-syarikat yang ingin menjalankan kajian di dalam bidang bioteknologi dan setakat ini, sebelum ini pun kita telah ada MTDC yang boleh membantu syarikat-syarikat terutama dalam bidang ICT atau dalam bidang-bidang lain untuk *commercialize*kan produk-produk yang mereka hasilkan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita ada *techofund* dan juga *enofund* adalah merupakan sebahagian bentuk dalam kata lain, bentuk *venture capital* yang kerajaan sediakan

untuk membantu mana-mana syarikat dalam apa-apa bidang, sama ada ICT ataupun bioteknologi ataupun teknologi-teknologi lain untuk merealisasikan perniagaan mereka.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tetapi adakah kementerian ada *study* mengapa kejayaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini bukan...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...syarikat-syarikat macam *Microsoft, Oracle*..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...soalan tambahan ke atas soalan tambahan. Cukuplah.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: ...ataupun *Google* ataupun *Yahoo*? Adakah *study* itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, baik

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Kita hendak tahu ini.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Apa yang kita rangkakan, apa yang kita *design* dalam melahirkan Cyberjaya dan MSC adalah berdasarkan juga kajian-kajian yang kita dapat daripada kejayaan kerajaan, *Silicon Valley* dan sebagainya. Tetapi kita tidak mestilah semuanya menggunakan apa kaedah-kaedah yang mereka laksanakan.

■ 1050

Oleh kerana pembangunan di *Silicon Valley* mungkin tidak sama dengan di Cyberjaya dan sebagainya. Oleh kerana kita memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat tempatan untuk menjadi syarikat antarabangsa. Pada masa yang sama kita juga menjemput syarikat antarabangsa sebagai pembimbing kepada syarikat-syarikat tempatan dan sebagainya.

Bagi *Silicon Valley* kebanyakan mereka adalah syarikat yang membangun adalah syarikat yang telah multinasional dan yang telah terkenal. Jadi kita tidak boleh membuat proses macam itu. Oleh kerana kita hendak membangunkan teknologi kita sendiri. Terima kasih.

6. Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kementerian akan menimbang kenaikan pangkat Pentadbir Cemerlang Pendidikan dicadangkan Jabatan Pelajaran Negeri agar mereka boleh menyebarluaskan pengalaman kejayaan mereka kepada rakan pentadbir sekolah yang lain dan seterusnya menaikkan imej Pejabat Pelajaran Daerah dan Jabatan Pelajaran Negeri.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Yang di-Pertua, laluan kenaikan pangkat bagi pentadbir-pentadbir di Jabatan Pelajaran Daerah (PPD) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) adalah mengikut laluan biasa berdasarkan kepada kekosongan jawatan-jawatan dan naik pangkat .

Setakat ini belum ada lagi proses naik pangkat secara khas untuk menyandang atau KUP bagi pentadbir-pentadbir di JPN atau PPD. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran Malaysia sedang mengkaji bagi melihat kesesuaian untuk melaksanakan konsep laluan secara KUP di kalangan pentadbir di JPN ,PPD dan di Kementerian Pelajaran. Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kalau mengikut peringkatnya, daripada sekolah dia sepatutnya naik pangkat ke PPD, naik pangkat ke JPN dan naik pangkat ke kementerian. Sewajarnya sedemikian. Jadi oleh kerana itu, Sabak Bernam ingin meminta pandangan. Cadangan ini telah dikemukakan supaya struktur kenaikan pangkat itu dibuat sedemikian kerana yang penting kalau kita lihat daripada akhbar ini, isu ponteng pelajar dan melanggar disiplin semakin banyak.

Jadi guru-guru cemerlang ini yang berjaya dalam konteks ini, wajar dinaikkan ke PPD atau ke JPN supaya mereka ini boleh menyebarkan profesionalisme mereka. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri agar dapat disegerakan?

Dato' Hon Choon Kim: Saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sentiasa mengemukakan cadangan yang baik. Saya memang setuju bahawa untuk menangani masalah yang dihadapi dari segi masalah disiplin dan sebagainya, pengurusan sekolah hendaklah dipertingkatkan lagi.

Seperti yang saya sebut tadi, memang Kementerian Pelajaran sedang mengkaji sama ada sesuai atau tidak dan sebenarnya kita pun telah adakan satu bengkel untuk mendapat input daripada pihak-pihak yang akan memberikan pandangan supaya kita akan mengkaji. Kalau sesuai, kita akan mengemukakan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya kita dapat melaksanakan apa jua yang kita lakukan adalah dengan tujuan supaya menjadikan pentadbiran sekolah yang lebih baik.

Pada masa yang sama, peluang untuk latihan kepada pegawai-pegawai sama ada di JPN dan juga PPD sentiasa diberikan supaya latihan untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai pentadbir sentiasa diadakan. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam perkhidmatan pendidikan ini ada dua saluran untuk kenaikan pangkat. Satu, bagi mereka yang suka menjadi guru dan terus mengajar, kualitinya baik dalam mengajar. Mereka akan menjadi guru-guru cemerlang dan sebagainya. Sekarang ini terima kasih kepada kerajaan kerana telah mewujudkan jawatan gred naik pangkat sehingga ke JUSA C.

Bagaimanapun, ada satu lagi jurusan bagi mereka yang ada kualiti atau baik dalam bidang pengurusan pendidikan. Mereka ini diberi peluang kenaikan pangkat dalam bidang pengurusan pendidikan. Ini yang menjadi pentadbir, guru penolong kanan, pengetua, pegawai pendidikan daerah dan mungkin penolong pengarah di jabatan pelajaran, kementerian dan sebagainya.

Jadi di sini, dengan penstrukturan baru yang ada ini nampaknya telah menghadkan sedikit peluang kenaikan pangkat bagi golongan yang menjadi pengurus-pengurus pendidikan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalan pendidikan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman: Jadi persoalan saya, sejauh manakah kajian dibuat untuk memastikan peluang kenaikan pangkat ini tidak tersekat dan kenapa berlaku

perbezaan yang ketara dari segi tempoh kenaikan pangkat daripada perkhidmatan perguruan dan jabatan lain.

Sebagai contohnya dalam perkhidmatan perguruan, kadang-kadang terpaksa mengambil masa sepuluh atau mungkin lebih untuk naik daripada gred 41 kepada gred 44 atau 48. Tapi ada perkhidmatan yang dalam masa lima tahun boleh sampai kepada gred 41 dan gred 44.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Yang Berhormat, cukup.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap kebajikan para guru yang berkhidmat di Kementerian Pelajaran.

Kalau mengikut apa yang terkandung dalam PIPP, memang bulan depan iaitu bulan lima ialah bulan untuk kita memperkasakan atau memartabatkan profesion keguruan. Pada bulan itulah Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan mengumumkan dan juga akan memberitahu kepada masyarakat dan juga kepada para guru bahawa sebaliknya bulan untuk kenaikan pangkat memang sentiasa wujud.

Walaupun ada beberapa jawatan akan disandang oleh pentadbir atau PPD *officer* tetapi di samping itu, banyak peluang telah diwujudkan. Jadi saya memang pekalah terhadap perkara ini untuk setakat ini pada masa sekarang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, memang Kementerian Pelajaran sentiasa memberikan dan meletakkan kebajikan guru-guru di tempat yang cukup penting. Jadi sabarlah Yang Berhormat, nanti menteri akan umumkan caranya dan jumlah bilangan guru yang akan diberi peluang untuk naik pangkat. Terima kasih.

7. Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta Menteri Kewangan menyatakan bolehkah kerajaan menetapkan bank-bank komersial beroperasi pada hari Sabtu kerana ia masih diperlukan untuk kemudahan perbankan para peniaga termasuk pihak individu dan juga dapat mengaktifkan pasaran tempatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rasah. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan lima hari bekerja seminggu bagi kakitangan sektor perbankan adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan perkembangan perindustrian pelancongan tempatan.

Perlaksanaan lima hari bekerja seminggu untuk sektor perbankan juga diamalkan di kebanyakan negara. Oleh itu, banyak urusan niaga dilaksanakan pada hari Sabtu. Walau bagaimanapun, sesetengah cawangan institusi perbankan dibuka pada hari Sabtu bagi memastikan pengguna terus dapat akses perkhidmatan perbankan di mana lebih 190 buah cawangan perbankan di Malaysia dibuka pada hari Sabtu iaitu 10% daripada jumlah institusi perbankan di negara ini.

Para pengguna juga masih boleh mendapatkan perkhidmatan di luar waktu perbankan melalui pelbagai saluran penghantaran elektronik yang telah disediakan untuk pelanggan seperti perbankan internet, perbankan telefon, kios bank, mesin layan diri dan sebagainya. Sehingga bulan Januari 2007, institusi perbankan telah menyediakan 8,064 terminal layan diri yang terdiri dari 4,900 mesin ATM dan 3,164 terminal layan diri yang lain seperti mesin deposit cek dan tunai. Pelanggan bank boleh melakukan transaksi seperti pertanyaan baki, pemindahan dana, pembayaran bil, pembayaran pinjaman dan kad kredit serta permohonan pembelian saham dari mesin ATM dan terminal tersebut.

Tambahan pula dengan adanya rangkaian perkongsian ATM iaitu MEPS untuk institusi perbankan domestik dan *HOUSE* untuk institusi perbankan asing. Para pelanggan perbankan tersebut boleh mendapatkan akses kepada perkhidmatan perbankan yang lebih meluas melalui mesin ATM bagi 18 institusi perbankan dan institusi kewangan pembangunan yang menyertai rangkaian ATM MEPS dan *HOUSE* .

■ 1100

Di samping itu terdapat 16 institusi perbankan internet yang beroperasi 24 jam sehari dan tujuh hari seminggu. Melalui perbankan internet, pengguna bukan sahaja boleh melakukan transaksi yang sama seperti di mesin ATM malah mereka juga boleh melakukan transaksi lain seperti pengeluaran akaun tetap, permohonan cek baru, membuat arahan tetap dan sebagainya. Sehingga bulan Disember 2006 terdapat 3.2 juta pengguna telah menggunakan perbankan internet.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rasah.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Tahun yang lepas kita telah panjang lebar membahaskan isu bank *service charge* di Dewan yang mulia ini. Saya masih boleh ingatlah Yang Berhormat bagi Bintulu telah mengambil berat meminta supaya dapat dikecualikan bank *service charge* ini. Setakat ini saya dapati Public bank sudah menghentikan caj ini tetapi bank RHB masih caj RM5.00 sebulan kepada akaun.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Rasah. Ini tidak berkaitan dengan hari Sabtu?

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Ada, *banking*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada ke?

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: **Banking, banking.** Tetapi bank RHB masih caj RM5.00 sebulan kepada akaun yang bakinya kurang daripada RM1,000 setiap hari.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Maybank pun ada caj.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Maybank pun ada juga. Dan cek-cek tempatan yang dimasukkan ke bank mengambil masa tiga hari barulah dapat digunakan wang itu. Ini

menjadikan perniagaan dan ekonomi kita tidak aktif. Bolehkah Kementerian Kewangan mengambil tindakan segera supaya menghapuskan *service charge* ini dan beri perkhidmatan yang lebih sempurna.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua seperti yang Tuan Yang di-Pertua sebut tadi, ini terkeluar sedikit daripada soalan asal dan saya fahamlah bahawa perkara ini iaitu *service bank charge* ini memang perkara yang banyak diperkatakan dan telah dibincangkan di dalam Dewan ini. Dan saya masih ingat bahawa Menteri Kewangan Kedua telah pun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sungguhpun terkeluar tetapi kerana perkara ini telah diputuskan patutlah kita ambil tindakan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya rasa cukuplah.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Ya, baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini kena dengan hari Sabtu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya hari Sabtu.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Semalam ya, semalam hari Ahad bukan hari Sabtu, saya pergi ke Bank Islam Alor Star untuk masuk *cash* melalui *electronic banking*. Dan saya mendapat keluhan daripada ramai pelanggan mengatakan setiap hujung minggu begitulah jadinya di bank-bank yang menggunakan perkhidmatan elektronik ini. Kita tidak risau tentang kerja lima hari seminggu kerana menggalakkan pelancongan tetapi adakah bank-bank komersial ini meletakkan pegawai-pegawai untuk menjalankan *service* terutama sekali pada hujung minggu dan juga cuti yang panjang di hujung-hujung minggu dan cuti tambahan sampai tiga hari setiap minggu kerana pada hari yang hujung itu, sistem elektronik itu menjadi rosak, *fault* dan tidak ada orang yang membaiki. Ini menjadi masalah kepada pelanggan bank kerana pada hari itu sahajalah mereka boleh menggunakan khidmat elektronik tersebut. Minta pohon jawapan daripada kementerian, apakah tindakan kementerian terhadap bank-bank supaya mereka ini melakukan tindakan segera dalam memperbaiki sistem perbankan elektronik terutama pada hari Sabtu dan Ahad.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang saya sebut tadi dalam jawapan tadi bahawa memang ada bank-bank, hampir semua bank mempunyai cawangan yang dibuka pada hari Sabtu. Contohnya Maybank 26 cawangan, Public Bank 34 cawangan dan lain-lain Tuan Yang di-Pertua. Ada 190 cawangan semuanya. Memang telah dijalankan, cuma masalah yang disebut tadi masalah teknikal saya yakin, maknanya masalah elektronik sistem dan bila sudah ada sistem itu memanglah akan berlaku *break down* dan sebagainya. Ini ada kena mengena dengan *maintenance* sistem itu Tuan Yang di-Pertua, jadi

saya harap Maybank akan pastikan untuk memperkemas sistem mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Indera Mahkota.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran Pemuda dan Puteri dari Kuala Selangor.

8. Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan setakat ini berapakah jumlah persatuan dan badan sukarela yang telah dibatalkan pendaftaran mereka dan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap pengurusan persatuan dan badan tersebut untuk menghalang mereka daripada kembali menerajui persatuan dan badan lain pula.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Dato' Liow Tiong Lai]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kuasa-kuasa yang diberi di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997(Akta 576), Pejabat Pesuruhjaya Sukan telah mendaftar 2,450 persatuan pelbagai peringkat. Pecahannya adalah seperti berikut:

- (i) Peringkat Kebangsaan, 100
- (ii) Peringkat Negeri, 689
- (iii) Peringkat Daerah, 782 dan
- (iv) Peringkat Kelab, 879.

Daripada jumlah ini, 27 persatuan pelbagai peringkat telah dibatalkan pendaftarannya di atas sebab-sebab tertentu. Berikut adalah pecahannya:

- (i) Peringkat Kebangsaan, 2
- (ii) Peringkat Negeri, 24 dan
- (iii) Peringkat Daerah, 1

Bagi jawapan bahagian dua, pendekatan yang diambil oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan bagi memastikan semua pemegang jawatan utama semasa badan sukan itu dibatalkan pendaftarannya adalah supaya mereka ini tidak terlibat secara langsung dalam proses permohonan pendaftaran semula badan sukan atau pendaftaran mana-mana badan sukan. Mereka ini akan dinasihatkan supaya tidak memegang apa-apa jawatan dan jika berbuat demikian, badan pendaftaran yang baru itu tidak akan didaftarkan oleh Pejabat Pesuruhjaya Sukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Indera Mahkota.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat [Indera Mahkota]: Terima kasih kepada Timbalan Menteri Belia dan Sukan. Apakah pemantauan atau tindakan yang diambil oleh kementerian agar pemimpin persatuan atau pun badan sukarela ini yang bermasalah tidak lagi memimpin

walaupun diberitahu tadi tidak akan diterima, adakah tindakan atau pun undang-undang yang melarang mereka daripada memegang jawatan terhadap persatuan-persatuan yang lain? terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Indera Mahkota. Memang mengikut Akta, kita mempunyai kuasa untuk memastikan bahawa badan-badan yang telah pun dimansuhkan itu tidak lagi wujud dan termasuk Ahli-ahli Jawatankuasanya, terutamanya yang memegang jawatan utama dinasihatkan untuk tidak mendaftar semula. Seperti yang saya tegaskan tadi kita memang memantau setiap permohonan yang dirujuk kepada Pesuruhjaya Sukan dan akan menasihatkan pemohon-pemohon tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Selangor.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi mengatasi masalah belia dan membangunkan belia di kampung-kampung, taman perumahan dan juga di ladang-ladang, adakah kerajaan atau kementerian berhasrat untuk memasukkan satu klausa dalam Akta Pembangunan Belia agar mewajibkan setiap kampung, taman perumahan, ladang menubuhkan persatuan belia masing-masing. Terima kasih.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Selangor. Walaupun ia bukan berhubung dengan badan sukan. Berhubung dengan persatuan belia memang di bawah Akta Pembangunan Belia yang akan dibentangkan. Rang Undang-undang ini akan dibentangkan dalam sesi ini juga dan memang kita akan menggalakkan setiap kampung, taman-taman supaya diwujudkan persatuan-persatuan belia kerana melalui penubuhan persatuan-persatuan belia ini kita dapat menggalakkan belia kita aktif di peringkat akar umbi. Dan di bawah Rang Undang-undang yang akan dibentangkan dalam Dewan ini juga kita harap dapat memberi bantuan dan sumber yang lebih banyak kepada persatuan-persatuan belia tersebut untuk mereka aktif di peringkat...sekian, terima kasih.

9. **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah strategi segera dan jangka panjang di bawah Pembangunan Lestari. Apakah tindakan Kementerian untuk memastikan kejadian air bertakung akibat banjir seperti yang berlaku di Batu Pahat tidak berulang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, Pembangunan Lestari akan dapat dicapai apabila pembangunan sumber air dapat diuruskan dengan baik dari aspek kuantiti dan kualiti dengan mengambil kira sosioekonomi dan alam sekitar. Strategi jangka panjang kementerian ialah dengan pelaksanaan pengurusan lembangan sungai bersepadu dan penguatkuasaan Manual Saliran Alam atau MASMA.

■ 1110

Manakala strategi jangka pendek dan sederhana yang dilaksanakan adalah menerusi program tebatan banjir dan pada masa yang sama Jabatan pengairan dan Saliran turut mencadangkan kepada pihak berkuasa tempatan supaya konsep MASMA diguna pakai untuk kerja-kerja pembangunan tanah. Berikutan banjir di Batu Pahat khususnya dan di Johor amnya pada Disember 2006 dan Januari 2007, satu kajian sedang dijalankan dan peruntukan akan dipohon daripada kerajaan persekutuan untuk mengatasi banjir secara menyeluruh. Antara cadangan penyelesaian yang dipertimbangkan termasuklah melebar dan mendalamkan sungai, pembinaan rumah-rumah pam dan pembinaan lencongan banjir untuk menyalurkan lebih air banjir dari empangan-empangan yang sedia ada terus ke laut. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih. Saya mendengar jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ialah mengemukakan cadangan-cadangan. Ini adalah merupakan sindrom *advocates*. Kita juga harus lihat bagaimanakah pelaksanaannya daripada pelbagai agensi yang lain terutamanya PBT dan juga agensi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kementerian pembangunan yang lain. Setakat manakah cadangan-cadangan ini menerima sahutan dan setakat manakah kerjasama dan tindakan bersepadu itu telah dapat disempurnakan dalam usaha kita mencegah di antaranya peristiwa yang berlaku di Batu Pahat ini.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu. Sebenarnya kertas cadangan ini telah diambil alih oleh pihak EPU di Jabatan Perdana Menteri dan kami di pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hanya adalah salah satu daripada cabang kepada penyediaan kertas kerja yang menyeluruh. Ini termasuklah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, penguat kuasa pihak berkuasa tempatan dan sebagainya. Jadi apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu memang telah pun diambil kira.

Datuk Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Pembangunan Lestari namanya memang sedap dan saya rasa mempunyai makna yang cukup menyeluruh. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, komen tentang media kita ini yang membuat liputan mana-mana kawasan yang selain daripada bencana. Di Johor banjirnya bencana. Ada sesetengah tempat misal kata di Selangor media membuat kesimpulan kerana parit itu tidak cukup besar atau kerana parit itu tersumbat. Adakah Yang Berhormat rasa banjir yang rata-rata banyak berlaku ini kerana sistem perparitan, kerana kalau itu halnya negara seperti Amerika pun yang ada beribu PhD pun dilanda banjir.

Maka adakah Yang Berhormat juga bersetuju kalau saya katakan punca banjir di tempat kita ini berlaku kerana banyak sistem tidak disediakan oleh kerana kekangan peruntukan Yang Berhormat. Kita tak ada peruntukan yang secukupnya untuk mengatasi masalah banjir ini.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pontian. Serba salah saya hendak jawab Yang Berhormat. Berkenaan peruntukan, sememangnya kita mempunyai peruntukan terhad di dalam tebatan banjir, masalah pencemaran sungai dan sebagainya. Pernah dijawab di Dewan ini kos untuk membaik pulih satu lembangan sungai termasuklah banjir dan pencemaran adalah lebih daripada RM2 bilion. Jadi kadang-kadang kerajaan terpaksa mengagih-agihkan duit tersebut untuk projek-projek sosial yang lain untuk orang miskin dan sebagainya. Jadi ini di antara kekangan yang kita ada.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan tidak melihat ia sebagai menganaktirikan dari segi menyelesaikan masalah banjir. Sebab itulah untuk Johor ini oleh kerana salah satu punca atau sebab banjir ialah kekurangan wang untuk mengatasi dari segi peruntukan tebatan dan sebagainya kita ada memohon peruntukan tambahan untuk menyelesaikan masalah ini secara jangka panjang. Jangka pendek ini saya rasa peruntukan yang sedia ada telah mencukupi. Terima kasih.

10. Dato' Chua Jui Meng [Bakri] minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah rizab asing Malaysia kini dan apakah komponen-komponen rizab ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bakri. Tuan Yang di-Pertua, perangkaan terkini menunjukkan rizab antarabangsa Malaysia bertambah kukuh sebanyak RM305.9 bilion ataupun USD88.6 bilion pada 30 Mac 2007 berbanding dengan RM290.4 bilion atau USD82.5 bilion pada akhir tahun 2006. Kedudukan rizab terkini adalah jauh mencukupi untuk membiayai 81 bulan import tertanggung dan jumlah ini juga adalah sembilan kali daripada hutang luar negara jangka pendek. Ini berikutan hasil eksport yang menggalakkan serta pengaliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) dan dana portfolio yang berterusan.

Dari segi komponen rizab antarabangsa perangkaan terkini ialah pada 28 Februari 2007. Rizab mata wang asing US\$83 bilion iaitu berbentuk sekuriti RM66.4 bilion dan deposit mata wang asing RM16.5 bilion. Kedudukan rizab dengan IMF USD0.2 bilion, hak pengeluaran khas ataupun *special drawing right* USD0.2 bilion, emas USD0.3 bilion dan aset-aset lain USD3.2 bilion Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Chua Jui Meng: Terima kasih Setiausaha Parlimen atas jawapan tadi dan saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan kerana mata wang asing sudah meningkat sampai USD88 bilion. Tapi bila kita bandingkan dengan negara-negara di dalam tahun 70 an dan 80 an malahan 90 an yang lebih miskin daripada kita pada masa itu umpamanya Rusia, Taiwan, sekarang rizab mereka pada penghujung tahun lalu sudah hampir USD300 bilion, Korea Selatan USD230 bilion, India juga sudah naik hampir USD200 bilion. Walhal Republik China telah meningkat melebihi USD1 trilion.

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang telah disenaraikan tadi oleh Yang Berhormat termasuk FDI, bursa saham kita sudah naik dengan begitu ketara bermakna seperti yang dijelaskan tadi mata wang asing daripada tabung-tabung antarabangsa sudah mengalir ke dalam Malaysia. Perdagangan Malaysia antarabangsa yang sudah menembusi satu trilion itu adalah satu keadaan yang amat menggalakkan dan juga kelebihan kita di dalam akaun perdagangan antarabangsa. Pada saya walaupun kita sudah mencapai USD88 bilion tetapi kalau dibanding dengan negara-negara yang saya senaraikan tadi patut kita sudah sampai RM100 sampai RM150 bilion. Saya hendak tahu daripada Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan pandangan saya dan kalau tidak kenapa.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bakri angka-angka itu memang tepat. Memang begitulah keadaannya. Ini Tuan Yang di-Pertua bergantung kepada saiz ekonomi negara masing-masing. Macam negara China saiznya begitu besar. Mereka begitu agresif maka mereka telah meningkatkan rizab mereka sehingga lebih daripada Jepun. Itu memang berlakulah dan negara-negara lain yang disebut seperti Korea, Taiwan dan sebagainya memang saiz ekonomi mereka lebih besar dan saiz ekonomi Malaysia adalah lebih kecil. Maka dalam hal peningkatan ini memang nampaknya kebelakangan ini makin laju Tuan Yang di-Pertua. Sebab itu baru-baru ini kita telah mencapai perdagangan lebih daripada RM1 trilion. Saya yakin dengan pertumbuhan yang begitu pesat saya yakin kita akan menjadi lebih laju lagilah. Maknanya rizab kita akan makin bertambah meningkat Tuan Yang di-Pertua.

11. Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta Menteri Pelancongan menyatakan adakah sewaan RM30 juta "Eye On Malaysia" mampu menjana pulangan balik kepada sektor pelancongan negara.

Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan kejayaan Tahun Melawat Malaysia 2007 Kementerian Pelancongan telah merancang untuk mengadakan lebih dari 240 acara sepanjang tahun 2007 sempena Tahun Melawat Malaysia. 'Eye On Malaysia' adalah merupakan salah satu cara dan tarikan baru yang dibawa khas oleh Kementerian Pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2007. Dengan kos sewaan sebanyak RM30 juta bagi tempoh satu tahun jumlah ini telah dianggap berbaloi kerana sektor pelancongan negara hanya akan mampu berkembang dengan adanya produk-produk pelancongan yang mampu menarik minat para pelancong asing datang ke Malaysia, sudah pasti terdapat penambahan peluang-peluang pekerjaan dalam bidang-bidang berkaitan pelancongan dan sekali gus membantu menjana ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, 'Eye On Malaysia' yang telah bermula beroperasi pada 7 Januari 2007 dan akan diteruskan sehingga akhir tahun 2007 telah menerima purata pengunjung seramai 1,500 hingga 3,000 orang pada setiap hari Isnin hingga Jumaat dan jumlah ini boleh mencecah

melebihi 7,000 orang pada hujung minggu dan juga cuti umum. Jumlah keseluruhan sehingga 26 Mac 2007 adalah seramai 326,393 orang.

■ 1120

Daripada jumlah tersebut adalah dianggarkan sebanyak 20% merupakan pelancong asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kuala Pilah

Dato' Haji Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Saya berasa begitu seronoklah mendengar laporan dan memang kita lihat begitulah keadaannya kejayaan kerajaan Malaysia khususnya Kementerian Pelancongan menganjurkan *Visit Malaysia Year* ini kerana telah mengaturkan lebih daripada 240 acara dan salah satu daripadanya yang saya sebut ialah Eye On Malaysia ini yang sewaan lebih kurang RM30 juta, jadi saya ucapkan tahniahlah.

Jadi pulangan balik untuk negara kita itu banyak bergantung kepada berapa lama pelawat-pelawat ini akan tinggal di sini. Lagi lama dia tinggal di sini dia akan membabitkan perbelanjaan hotel, makanan dan sebagainya. Jadi ada atau tidak statistik daripada pihak kementerian yang menunjukkan tentang jangkaan ini. Maknanya dia mula berhajat hendak tinggal di Malaysia lima hari. Tetapi oleh kerana banyak acara dengan Eye On Malaysia ini pula mereka membuat keputusan baru untuk tinggal lagi lama. Ada atau tidak kajian ini? kalau ada, adakah ini nanti akan memberi pulangan baik yang akan melonjakkan sedikit ekonomi negara kita. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Pilah. Untuk makluman Yang Berhormat memang terdapat pelancong asing yang datang ke Malaysia ini. Mereka telah duduk di negara kita dan peningkatannya itu dari 6.2 hari ke 7 hari 7 malam untuk tahun 2006 dan kita harap angka ini boleh dinaikkan lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelancong asing yang datang ke negara kita pada bulan Januari dan Februari untuk tahun ini adalah berjumlah 3,101,691 orang kalau dibandingkan dengan masa yang sama pada tahun 2006 terdapat peningkatan 9.3% sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Kepong tiada soalan? Bangun tapi tidak pandang sini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Pandang, tapi kita mesti pelbagaikan pandangan kerana... [ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu sebab Yang Berhormat suka gunakan perkataan pusing. Bangun tapi muka pandang sana. Mata tengok sana.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang sokong kerana saya ada dua lambang sini pun sokong Tahun Melawat Malaysia 2007 di sini kerana ini satu yang cantik sekalilah. Bolehkah daripada RM30 juta sewaan ini purata saya kira

lebih 2 ribu pengunjung setiap hari. Daripada ini adakah pada akhir tahun ini kita akan dapat RM30 juta untuk sewaan.

Walaupun ada Eye On Malaysia dan sebagainya bukannya ini berkaitan dengan pelancongan. Saya nampak di Johor, usaha untuk mempertingkatkan bilangan pengunjung dari Singapura itu tidak begitu hebat. Sekarang adakah kita akan ada feri, laluan kedua nampaknya masih tidak banyak menggunakan laluan kedua dan sebagainya dan termasuk pintu-pintu masuk di situ. Saya ingat masa dan kemudahan untuk mempercepatkan proses imigrasi dan sebagainya itu perlu dipertingkatkan kerana di situlah kita dapat lebih ramai pelancong bukan di mana-mana tempat.

Eye On Malaysia - 20% sahaja pengunjung, daripada 2 ribu hanya 200 orang sahaja setiap hari. Jadi bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah usaha yang lebih berkesan untuk mempertingkatkan usaha di pintu-pintu masuk ke Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jika panjang jawapan boleh buat secara bertulis.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, selalu pertanyaan pun pusing-pusing. Untuk maklumat Yang Berhormat, tahun lepas tahun 2006 kita dapat kunjungan pelawat asing sejumlah 17.5 juta pelancong asing dan jumlah pendapatan wang asing sejumlah RM36.2 bilion dan sasaran tahun ini ialah kita ingin mendapat pelancong asing sejumlah 20.1 juta dan wang asing itu kita harap dapat RM40.5 bilion. Jumlah ini besar dan kita memang jalankan promosi dan kempen supaya pelancong asing boleh datang ke Malaysia.

Memang kita jalankan program-program dan promosi kita, tetapi juga kita pun menghadapi masalah-masalah seperti banjir di Johor, bom-bom yang berlaku di Selatan Thailand dan juga laporan-laporan yang negatif kadang-kadang datang dari Kepong yang kurang baik untuk kita dipromosikan pelancongan kita.

Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tiada laporan daripada Yang Berhormat bagi Kepong. Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, sila.

12. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bilangan pesakit baru ginjal (buah pinggang) setiap tahun dan punca penyakit serta langkah-langkah yang perlu diambil oleh rakyat. Apakah kos yang ditanggung oleh kerajaan dan bajet yang disediakan setiap tahun untuk peralatan rawatan serta ubatan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee Kah Choon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat terdapat banyak penyakit ginjal. Tetapi penyakit yang utama ialah mengenai kegagalan ginjal atau *end-stage renal disease*. Di Malaysia bilangan pesakit baru kegagalan ginjal atau pesakit baru *end-stage renal disease* dianggarkan sebanyak 2,700 orang setahun.

Punca utama penyakit *end-stage renal disease* ialah penyakit kencing manis dan darah tinggi yang tidak di kawal. Keadaan ini boleh menyebabkan komplikasi di beberapa organ termasuk buah pinggang. Antara langkah-langkah yang perlu diambil termasuk pengawal baik penyakit kencing manis dan darah tinggi serta diagnosis awal penyakit-penyakit tersebut dan rawatan awal untuk mengelakkan komplikasi.

Sehingga akhir tahun 2006, Kementerian Kesihatan telah membelanjakan sebanyak RM79 juta di bawah peruntukan belanja mengurus untuk aktiviti nefrologi yang termasuk rawatan dialisis. Manakala bantuan kewangan yang diberikan kepada badan-badan bukan kerajaan atau NGO untuk rawatan dialisis adalah lebih daripada RM19 juta, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Nampaknya kebanyakan pesakit buah pinggang ini adalah daripada golongan berpendapatan rendah dan mereka terpaksa menjalankan rawatan hemodialisis satu minggu dua hingga tiga kali dan setiap kali mengambil masa satu jam hingga dua jam lebih.

■ 1130

Oleh itu saya hendak minta penjelasan adakah pihak kementerian bersedia untuk membantu golongan berpendapatan rendah ini kerana pusat-pusat rawatan hemodialisis ini tidak banyak di dalam negara kita. Kita mempunyai hospital, pusat kesihatan di setiap pelosok negara. Maka boleh tidak pihak kementerian mewujudkan rawatan hemodialisis ini di setiap hospital yang ada dalam negara kita supaya menyenangkan golongan berpendapatan rendah untuk mencari tempat rawatan hemodialisis, minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choan: Terima kasih Yang Berhormat. Anggapan bahawa penyakit ini menyerang orang yang berpendapatan rendah ini adalah satu tanggapan yang tidak berapa tepat kerana penyakit ini dia akan serang selagi kita mengambil gula yang banyak, yang pentinglah aspeknya. Berkaitan dengan rawatan yang kita bagi, setiap kali adalah empat jam dan bagi *end-stage renal failure* ini mereka memerlukan tiga sesi satu minggu. Ini bermakna 12 sesi satu bulan dan jikalau satu kali RM200 bermakna satu bulan kita perlu lebih daripada RM2,000 hanya untuk dialisis sahaja dan kerajaan telah mengambil banyak langkah untuk mengatasi penyakit ini cuma kita rasa kita jangan lupa pula iaitu bagaimana kita cari jalan untuk mencegah penyakit ini daripada rawatan yang kita sudah bagi.

Kerajaan memang sudah mengadakan pusat rawatan hemodialisis di semua hospital kerajaan yang sedia ada iaitu lebih kurang 137 pusat di negara kita iaitu untuk kerajaan sahaja. Tetapi kita juga jalankan kerja-kerja pencegahan iaitu pendidikan dan sebagainya dan kita harap semua pertubuhan bukan kerajaan juga akan ambil langkah untuk mempertingkatkan lagi penyedaran orang ramai berkaitan dengan penyakit ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat masa cukup, selesailah sesi soal jawab.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 18 (1)

**KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2006 DAN KANUN TATACARA
JENAYAH (PINDAAN) 2006 TIDAK DIKUATKUASAKAN**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh, sila.

11.32 pagi

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memberi notis mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (2) untuk membawa usul di bawah. Bahawa di bawah Peraturan Mesyuarat 18 Dewan ini memberi laluan kepada Ahli Parlimen kawasan Seputeh, Yang Berhormat Teresa Kok Suh Sim menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membawa satu usul yang mengenai perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu berkenaan Kanun Keseksaan Pindaan 2006 dan Kanun Tatacara Jenayah Pindaan 2006 yang telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong dan diwartakan pada tahun 2006 tetapi tidak dikuatkuasakan sehingga hari ini.

Dalam ucapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri di Dewan Rakyat dalam sidang lepas, beliau berkata bahawa kedua-dua rang undang-undang ini akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2007. Tetapi mengikut warta kerajaan Seri Paduka, bertarikh 5 Mac 2007, apa yang dikuatkuasakan hanyalah bahagian berkenaan dengan keganasan ataupun *terrorism* dalam Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2003 dan Akta Kanun Tatacara Jenayah Pindaan (2006) sahaja. Tetapi kesemua pindaan dalam Akta Kanun Keseksaan 2006 dan pindaan lain dalam Kanun Tatacara Jenayah 2006 langsung diketepikan.

Dengan jawapan Yang Berhormat Menteri pada 10 April 2007, beliau berkata pihak berkenaan akan membuat pindaan yang lebih lanjut ke atas kedua-dua akta tersebut. Ini menunjukkan pihak agensi kerajaan berkenaan langsung tidak menghormati cadangan dan hasil kajian Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang telah memakan masa selama dua tahun sehingga pihak berkenaan enggan menguatkuasakan undang-undang tersebut dan ingin membuat pindaan yang lebih lanjut terhadap akta berkenaan. Ini merupakan satu penghinaan ke atas tugas Ahli Parlimen sebagai penggubal undang-undang.

Memandangkan pindaan terhadap kedua-dua akta tersebut mengandungi banyak cadangan yang menambahbaikkan undang-undang tersebut, khususnya berkenaan dengan hak asasi tahanan di lokap polis dan mangsa rogol. Pindaan tersebut memang telah lama dinantikan oleh banyak pihak dan berkepentingan orang ramai. Oleh itu adalah penting bagi Dewan Rakyat untuk mengadakan perbahasan tergempar untuk membincangkan tindakan sesetengah pihak yang sengaja mengetepikan peranan dan usaha Ahli Parlimen. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) daripada Yang Berhormat Ahli kawasan Seputeh pada hari Khamis, 12 April 2007 lalu. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini tertentu dan ia adalah bagi kepentingan orang ramai, walau bagaimanapun, perkara ini tidak perlu disegerakan kerana saya difahamkan bahawa Jabatan Peguam Negara sedang memuktamadkan pindaan akta-akta tersebut untuk membolehkan pelaksanaan dengan selengkap dan sebaiknya peruntukan yang terkandung dalam kedua-dua akta itu.

Oleh yang demikian saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2).

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2006) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, sila.

11.37 pagi

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2006 dan bagi memperuntukkan jumlah wang

itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, tuntutan tambahan perbelanjaan mengurus kedua tahun 2006 ini dibentangkan mengikut Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan iaitu bagi memperoleh kelulusan terhadap perbelanjaan yang tidak diperuntukkan atau terkurang diperuntukkan dalam Bajet 2006 yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2006 yang dibentangkan adalah berjumlah RM11,693.3 juta iaitu sebanyak RM571.4 juta adalah tambahan perbelanjaan tanggungan dan sebanyak RM19,081.9 juta adalah untuk membiayai perbelanjaan bekalan dan sebanyak RM1,071.7 juga daripada jumlah tersebut telah didahulukan daripada kumpulan wang luar jangka.

Bagi perbelanjaan tanggungan, tambahan terbesar adalah sebanyak RM412.5 juta untuk Maksud T.14, pencen, elaun bersara dan ganjaran bagi membiayai bayaran faedah bersara kepada para pesara. Lain-lain tambahan perbelanjaan tanggungan adalah untuk Maksud T.12 Perbendaharaan sebanyak RM127.9 juta bagi Maksud T.9 Suruhanjaya Pengangkutan Awam dan sebanyak RM0.8 juta dan untuk Maksud T.3 Ketua Hakim, Hakim Besar dan Hakim sebanyak RM0.2 juta.

Anggaran tambahan perbelanjaan perbekalan tambahan yang dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang yang dibentangkan ialah sebanyak RM19,081.9 juta iaitu sebanyak RM15,851.5 juta adalah pindahan lebih daripada Akaun Hasil Disatukan 2006 kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Pindahan ini dicaj sebahagian daripada perbelanjaan di bawah Maksud B.12 peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun dan sebanyak RM3,230.4 juta adalah bagi menampung tambahan perbelanjaan bekalan bagi kementerian-kementerian.

■ 1130

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar tambahan perbelanjaan bekalan yang diperlukan oleh kementerian-kementerian iaitu sebanyak RM2.848 bilion bagi menampung pertambahan bayaran emolumen. Kementerian yang terlibat adalah Kementerian Pelajaran sebanyak RM803 juta, Kementerian Pertahanan sebanyak RM662.2 juta, Kementerian Kesihatan sebanyak RM487 juta, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sebanyak RM123 juta, Kementerian Sumber Manusia sebanyak RM4.5 juta, Kementerian Belia dan Sukan sebanyak RM3 juta, Parlimen sebanyak RM1.2 juta, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam RM0.4 juta, Badan Pencegah Rasuah sebanyak RM0.4 juta, Kementerian Tenaga Air Dan Komunikasi sebanyak RM0.06 juta.

Lain-lain tambahan perbelanjaan bekalan yang diperlukan oleh kementerian-kementerian adalah seperti berikut:

Sebanyak RM252.8 juta untuk maksud B7, Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu sebanyak RM155.1 juta untuk bayaran istimewa pencen kali kelima.

Sebanyak RM92.1 juta untuk membiayai perbelanjaan tajaan pelajar-pelajar Jabatan Perkhidmatan Awam dalam dan luar negara, serta kos rawatan perubatan pesara dan sebanyak RM5.6 juta untuk lain-lain perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan.

Sebanyak RM270 juta bagi Maksud B.12, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun iaitu sebanyak RM220 juta untuk Kumpulan Pinjaman kepada Badan-badan Berkanun dan RM50 juta untuk Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam bagi pinjaman berkaitan penambahbaikan sistem pengangkutan awam negara.

Sebanyak RM256.4 juta untuk Maksud B.21, Kementerian Pertanian dan Asas Tani, menampung kadar kenaikan subsidi dan sebanyak RM20 juta untuk bayaran sewa ruang pejabat dan lain-lain kos perkhidmatan dan bekalan serta RM17.4 juta untuk peruntukan perbelanjaan mengurus badan-badan berkanunnya dan RM3.6 juta untuk membiayai perbelanjaan penganjuran MAHA.

Sebanyak RM165.8 juta untuk Maksud B.60 Kementerian Pertahanan untuk menampung pelbagai keperluan Program Latihan Khidmat Negara. Kenaikan harga bahan api dan kekerapan penerbangan pesawat TUDM serta kenaikan perbelanjaan rangsum tentera darat berikutan kenaikan kadar dan tambahan skala.

Sebanyak RM131.6 juta untuk Maksud B.62 Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk membiayai perbelanjaan bagi urusan perolehan 2,000 unit kenderaan Proton sebagai kereta peronda polis dan alat-alat kelengkapan serta kos penyelenggaraan bagi kenderaan tersebut.

Sebanyak RM17.7 juta untuk Maksud B.13, Kementerian Luar Negeri bagi membiayai penganjuran mesyuarat peringkat menteri-menteri luar Biro Penyelarasan Gerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Sebanyak RM12.8 juta untuk Maksud B.20, Kementerian Perusahaan, Perladangan Dan Komoditi untuk menampung perbelanjaan sewa bangunan dan bantuan perbelanjaan mengurus badan-badan berkanunnya.

Sebanyak RM12.7 juta untuk Maksud B.24, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, untuk bantuan perbelanjaan mengurus Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia ataupun MATRADE.

Sebanyak RM11.5 juta untuk Maksud B.1, Parlimen untuk membiayai pengubahsuaian ruang pejabat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara serta perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan.

Sebanyak RM6.5 juta untuk Maksud B.44, Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan untuk membiayai perbelanjaan pengeluaran filem dokumentari tempatan.

Sebanyak RM4.4 juta untuk Maksud B.22, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah untuk membiayai perbelanjaan mengurus KEMAS; dan

Sebanyak RM3.3 juta untuk Maksud B.5, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi membiayai emolumen ahli-ahli Suruhanjaya dan perbelanjaan perjalanan kerana urusan temu duga pengambilan kakitangan awam.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2006 adalah seperti dalam Penyata Anggaran Tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4 Tahun 2007 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 4A 2007.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2006 –

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya untuk mengemukakan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2006.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2006 yang dipohon adalah berjumlah RM1,977.9 bilion yang telah didahulukan daripada simpanan luar jangka.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran tambahan diperlukan bagi membiayai pembangunan bagi maksud-maksud berikut:

Sebanyak RM1,000 juta ataupun RM1 bilion untuk maksud P.10, Perbendaharaan bagi membiayai penyediaan geran kepada Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera bagi melaksanakan operasi pembelian hartanah-hartanah berpotensi di lokasi-lokasi strategik yang telah dikenal pasti.

Sebanyak RM767.9 juta untuk Maksud P.28, Kementerian Pengangkutan iaitu sebanyak RM341.2 juta bagi meningkatkan keupayaan perkhidmatan kereta api dan RM325.3 juta untuk meningkatkan keupayaan lapangan-lapangan terbang dan RM96.3 juta untuk meningkatkan keupayaan jeti-jeti kecil dan pelabuhan-pelabuhan dan RM5.1 juta untuk membiayai bayaran kemajuan kerja bagi pelbagai projek pembinaan Jabatan Pengangkutan Jalan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Sebanyak RM65 juta bagi Maksud P.6, Jabatan Perdana Menteri iaitu RM60 juta bagi membiayai penyeliaan tapak infrastruktur, pembinaan kilang dan bekalan elektrik bagi Projek Taman Perindustrian Kota Kinabalu. Penyediaan tapak dan infrastruktur asas bagi projek kelompok industri berasaskan kelapa sawit di Lahad Datu Sabah dan RM5 juta untuk membiayai kerja-kerja awalan bagi projek zon perindustrian bebas Samajaya di Sarawak.

Sebanyak RM55 juta untuk Maksud P.21, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani untuk membiayai pelaksanaan skim usahawan tani komersial siswazah dan skim pembiayaan bot perikanan.

Sebanyak RM20 juta untuk Maksud P.24, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri untuk membiayai dana pembangunan automotif untuk membantu vendor komponen dan peralatan automotif tempatan; dan sebanyak RM40 juta bagi Maksud P.23, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk membiayai projek pembersihan dan pengindahan Sungai Melaka, Fasa 3.

Selain daripada itu anggaran tambahan ini juga mengandungi permohonan peruntukan tanda ataupun token iaitu bagi Jabatan Perdana Menteri RM70.00, Perbendaharaan RM30.00, Kementerian Luar Negeri RM10.00, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi RM130.00, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar RM110.00, Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi RM10.00, Kementerian Kerja Raya RM40.00, Kementerian Tenaga Air Dan Komunikasi RM60.00, Kementerian Pelancongan RM10.00, Kementerian Pelajaran RM10.00, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat RM10.00 dan Kementerian Pertahanan RM10.00.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua Tahun 2006 adalah seperti yang dinyatakan di dalam Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5, Tahun 2007 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5A tahun 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengemukakan usul mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua 2006, selepas ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila.

USUL

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAMBAHAN KEDUA 2006

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa usul yang dikemukakan atas nama Menteri Kewangan dalam Aturan Urusan Mesyuarat yang berbunyi;

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak satu bilion sembilan ratus tujuh puluh juta sembilan ratus tiga puluh empat ribu tiga ratus ringgit (RM1,977,934,300) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2006, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan

Kedua, 2006 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 5 Tahun 2007 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan kedua belas penyata tersebut”,

Diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2006, dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu dan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada jawatankuasa sebuah-buah Majlis sekarang, kedua-dua masalah tersebut dibuka untuk dibahas.

■ 1150

Ramai juga. Ahli-ahli Yang Berhormat, pembahasan atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru kita selesaikan. Jadi, saya ingin meminta supaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap tidak akan mengambil masa yang begitu panjang. Itu adalah permintaan saya. Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sila.

11.51 pagi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Barisan Nasional oleh kerana menang di Pilihan Raya Kecil Machap. Sungguhpun untuk orang yang bermaruah tidak ada sebab rasa bangga oleh kerana kemenangan ini *dishonorable* melalui cara-cara yang tidak adil, yang melanggar segala undang-undang dan peraturan-peraturan *abuse of money politics* di mana segala *resources* kerajaan sentral disalahgunakan sehingga ada menteri-menteri pun ponteng daripada Dewan yang mulia ini.

Beberapa Ahli-ahli: [*Bersorak*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Menteri Sumber Manusia ponteng...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, berikan ucapan tahniah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tahniah, saya ucapkan tahniah tetapi....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingat Yang Berhormat akan memberi sokongan ke atas segala-galanya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: apa yang kita perlu ambil perhatian pun perlu diberikan. Ada menteri-menteri ponteng, mana boleh? Ponteng daripada Dewan, timbalan menteri-pun tidak ada, masa soal jawab seorang pun langsung tidak ada, dan lain-lain

menteri pun pergi, Timbalan Perdana Menteri pun pergi. Nampaknya satu pilihan raya kecil di peringkat negeri sahaja mahu menumpukan segala *resources*. Malulah. Sungguhpun menang, tahniah. Tetapi, malu.

[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nampaknya tidak ada orang yang mahu lawan, mereka semua bersetuju. Mereka semua rasa malu, mereka sekurang-kurangnya ada perasaan malu.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Yang kalah itu malulah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tidak ada beri kekayaan itu. Ialah *at least there was a sense of shame, a sense of shame*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak apalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang pergi pun termasuk Ketua Pembangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya pun ada pergi, tetapi bukan ponteng dari Dewan. Mana boleh menteri ponteng? Gaji dari mana? Gaji daripada *National Treasury* bukan untuk berbelanja berjuta-juta ringgit. Tengok apa? RM1.2 juta untuk *recreation area* di Durian Tunggal dan RM3.7 juta di FELDA Machap, RM3 juta *upgrading water pipe*, RM600,000 untuk pembinaan *multipurpose hall*, RM100,000 untuk *repair* masjid, berpuluh-puluh juta ringgit walhal undang-undang kata belanja limit had ialah RM100,000 sahaja.

Langgar 20 kali, 30 kali bukankah ini malu? Sebab itu betul-betul malu. Yang Berhormat bagi Sri Gading pun setuju, dia masuk pun setuju sangat malu. Langgar peraturan, langgar undang-undang tidak ada *morality*, tidak ada *legitimacy*. *Want win, win honorably*lah. Jangan salah guna kuasa, salah guna wang dan salah guna peraturan. Bukan *sour grapes*, ini *dishonorable victory*. *Victory*, saya ucap tahniah, tetapi *dishonorable victory* patut rasa malu. *Bicycle* pun bagi, kenapa sekarang tidak mahu bagi? Sebab itu dalam pilihan raya kecil Tuan Yang di-Pertua, mereka faham sekarang apakah konsep 24-7. 24 jam satu hari, tujuh hari setiap minggu barulah untuk pilihan raya kecil. Malam sebelum undi, saya ada *supper* di sana.

Pukul 1.00 pagi masih tidak jalan. Pukul 1.30 pagi *still tarring*. Sekarang mana itu *tractor*? Dan *tarring* pun tidak baik, mungkin hujan turun, semua rosak lubang-lubang. Mahu cari siapa untuk isikan? Mahu lagi letak juta-juta ringgit. Adakah rakyat harap kalau mahu pembangunan, wakil rakyat Barisan Nasional mati baru ada pembangunan? Adakah ini satu cara supaya ada pembangunan? Wakil rakyat Barisan Nasional mati baru ada pembangunan. Apa cara demokrasi ini? Biasa tidak ada harapan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, pembangunan negara berterusan, bukan soal wakil rakyat mati ataupun tidak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan, barulah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita ada Rancangan Lima Tahun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita tengok Ijok...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi kita berterusan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: 24-7...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...Jangan marahlah rakyat dapat pembangunan, kenapa mahu marah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sekarang sudah mahu traktor dari Machap pergi Ijok.

[Ketawa]

Apabila wakil rakyat Barisan Nasional mati...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, *you don't have the right to...*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini pembangunan orang mati sahaja.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: ...*undermine the intelligence of the people in* Machap. Kenapa perkecilkan? Orang Machap sudah undi Barisan Nasional apa lagi *you* hendak cakap di sini? Hendak perkecilkan *intelligence* orang Machap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Memperkecilkan rakyat itu adalah Barisan Nasional.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Bukan, keputusan sudah dibuat, apa *you* bising di sini?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu? Bising apa?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Keputusan Machap orang Barisan Nasional...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You* berdiri bising.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *You are undermine the intelligence of the people of Machap.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *You* berdiri bising tidak ada moral, *you* bising tidak ada prinsip.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat duduklah, duduklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Sampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ijok pun ada rancangan pembangunan. Kita akan buat satu pembangunan untuk Ijok, untuk rakyat. Apa pasal DAP mahu marah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Biarlah rakyat dapat pembangunan, biarlah rakyat dapat. Apa salahnya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Baik, kita tidak kisah...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... tidak salahkan pengundi-pengundi....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi kerajaan buat ikut rancanganlah, apa hendak marah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apabila menikmati pembangunan, sesiapa pun ada hak untuk menikmati. Kita tidak salahkan pengundi-pengundi. Kita salahkan fikiran sempit dan kotor Barisan Nasional yang membenarkan pembangunan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Masalahnya Yang Berhormat, tengoklah Bukit Bintang sudah maju, Cheras sudah maju, Seputeh sudah maju.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dapat undi, undi sahaja.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini semua kawasan pembangkang. Tetapi kerajaan bersifat adil, dia bagi juga pembangunan. Bukan macam Yang Berhormat bagi Ipoh Timor kata.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau kita tidak boleh membezakan benar dan silap....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat bagi Sri Gading, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ... *right and wrong, black and white*, itulah kenapa negara begitu ada krisis *legitimacy*. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam pilihan raya kecil ada seorang pemuda hilang nyawa. Ho Chee Yong. Kenapa? Dia adalah *motorcyclist* dan mengalami kemalangan. Apabila panggil ambulans, ambulans tidak ada drebar. Di Kepala Batas kawasan Yang Berhormat Perdana Menteri, panggil ambulans dan ambulans tidak ada petrol.

Beberapa Ahli: [Bersorak]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Di Machap panggil ambulans, ambulans tidak ada drebar. Orang hilang nyawa. Itulah perkhidmatan, kita mahu 24-7 perkhidmatan yang sebenarnya, bukan yang palsu. Mana? Nyawa pun hilang. Tuan Yang di-Pertua, apabila saya tengok perbelanjaan *supplementary* ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini semua tidak berkaitan dengan Perbekalan Tambahan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Berkaitan, *service*. Perkhidmatan *public service delivery intermently involved*. Apa guna *parliamentary extremist* apabila kita tidak ada *public service delivery* yang cekap? Apabila kita baru, *public service delivery* nampaknya lebih cekap apabila ada wakil rakyat Barisan Nasional mati, ada pilihan raya kecil. Tidak guna, kita mahu sentiasa 24-7-12 *around the year* bukan masa sahaja. Apabila saya lihat *supplementary*

extremist, saya anggap mungkin saya cari satu peruntukan oleh kerana tidak ada dalam bajet lalu.

Satu pengumuman yang ada dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sehari sebelum Perhimpunan Agung UMNO mengumumkan bahawa RM600 juta diberi kepada Ketua Bahagian UMNO untuk belanja kontrak-kontrak yang pembangunannya kecil. Kita Dewan yang mulia ini apabila meluluskan Bajet 2007, tidak memberi kelulusan dan apabila ada *supplementary extremist* saya cari, nampaknya tidak ada? Mana itu pergi? Dari mana RM600 juta yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan dalam Parlimen, bukan dalam UMNO *General Assembly* pun tetapi dalam Mesyuarat Ketua-ketua Bahagian UMNO untuk memberi sokongan mereka. Untuk Presiden UMNO memberi sokongan kepada Ketua-ketua UMNO dalam perhimpunan UMNO, mana?

■ 1200

Saya tidak cari, tidak boleh dapat. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan yang mulia ini, dari mana? Atau satu *secret fund*, satu tabung khas yang sulit, tiada orang yang tahu. Dan bukankah setiap sen daripada Perbendaharaan sepatutnya diluluskan oleh Parlimen? Kenapa ini tidak diluluskan? Dan yang kedua, dalam *circular* yang dikeluarkan, yang saya ada sebut dalam Dewan yang mulia ini, yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya, memaklumkan kepada semua bahagian-bahagian UMNO mengenai keputusan itu bahawa semua perlu dibelanjakan, diselesaikan akhir tahun lalu dalam masa lima minggu. Kenapa sampai sekarang? Apa keadaan sampai sekarang?

Saya ada tanya soalan ini semasa soal jawab dan jawapan yang saya dapat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada 2 April ialah perkara ini dilakukan melalui ICU dan RM3 juta ini juga diagihkan mengikut projek-projek yang biasanya disalurkan kepada setiap kawasan Parlimen. Dan ianya sudah pun dalam pelaksanaan, yang biasanya. Mana boleh kata biasanya ini? *Over and above*, kalau bukan *over and above*, Yang Berhormat Menteri sudah menipu ketua-ketua bahagian. Ini *over and above*. Sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menipu ketua-ketua bahagian atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan datang ke Parlimen untuk menipu Parlimen. *Cannot be* sebahagian, *over and above*. Dan kebanyakan tempat sudah pun membuat pengundian, dalam proses pelaksanaan, jadi saya kira dalam masa yang singkat semua akan selesai.

Tetapi satu jawapan yang diberi kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pada 28 Mac memberi jawapan yang tidak sama. Yang kata bahawa sehingga 15 Mac 2007, sebanyak 10,744 projek bernilai RM537 juta telah dikenal pasti untuk dilaksanakan. Dan 2,444 projek bernilai RM108 juta telah ditawarkan kepada kontraktor. Kita mahu satu laporan yang terperinci, yang lengkap, asas pembayaran ini dan kedudukan perkara ini. Kenapa kawasan-kawasan parti pembangkang dikecualikan, diketepikan? Inilah diskriminasi.

Inilah diskriminasi dasar Barisan Nasional yang akhirnya memecahbelahkan rakyat jelata di sini. Dan saya harap bahawa perkara ini boleh diambil perhatian dan boleh dihentikan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah mempunyai satu krisis politik yang sangat kritikal. Sungguhpun dinafikan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan Barisan Nasional sama ada di peringkat negeri atau di peringkat nasional. Nampaknya ada banyak mengenai peletakan jawatan, begitu terperanjat dibuat oleh bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah selaku Menteri Pelancongan, Tan Sri Datuk Chong Kah Kiat pada harii Jumaat dengan komen, ulasan yang diberi oleh Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Musa Haji Aman yang berkata bahawa *resignation* Tan Sri Datuk Chong Kah Kiat bukanlah satu kehilangan, *was not really a lost* oleh sebab tidak akan melemahkan kerajaan negeri Barisan Nasional di Sabah. Dan ini bererti bahawa Tan Sri Datuk Chong Kah Kiat yang sebenarnya boleh disifatkan sebagai *key digit* dalam konspirasi, strategi untuk membentuk *hegemony* UMNO di Sabah pada awal 90an.. Sekarang dilihat sebagai *irrelevant* dan *expandable*.

Dan ini bukanlah satu *surprise* sekiranya Tan Sri Datuk Chong Kah Kiat melahirkan rasa sakit hati terhadap komen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan beritahu kepada *Oriental Daily* bahawa ulasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja menyakitkan maruah beliau tetapi dengan izin *offended* rakyat Sabah dan rakyat *Chinese*. Dan beliau masih mengekalkan pendirian bahawa beliau meletak jawatan atas prinsip, atas perkara prinsip yang bererti bahawa terdapat perbezaan yang besar di antara beliau dan Ketua Menteri Sabah. Dan sungguh pun *mass-media* ada membuat laporan bahawa pertalian dan hubungan kedua-duanya sangat tegang di antara beliau dan Ketua Menteri oleh sebab beberapa isu termasuk rancangan-rancangan Ketua Menteri mahu membangunkan Pulau Sipadan. Dan Malaysia Kini menyebut sebagai *the final straw*, perbezaan mereka mengenai cadangan Tan Sri Datuk Chong Kah Kiat untuk membina satu *huge statue, goddess of mercy* di Kudat sebagai satu daya penarik pelancong.

Tetapi apa yang jelas kepada semua pemerhati-pemerhati politik yang *astute* ialah *resignation* Tan Sri Datuk Chong Kah Kiat sebenarnya dengan izin *tip of the iceberg* mengenai apa yang salah. Sebenarnya apa yang sangat *rotten* di Sabah selepas kemasukan UMNO ke Sabah dan pemerintahan UMNO dan Barisan Nasional di Sabah selama 13 tahun. Isu-isu yang terlibat lebih besar daripada Tan Sri Datuk Chong Kah Kiat secara peribadi atau perbezaan antara kedua-dua orang sama ada prinsip atau perkara-perkara yang lain. Apakah yang menyebabkan berlakunya krisis di Sabah? Itu sangat mustahak oleh sebab dalam peruntukan, kita ada peruntukan untuk Sabah. UMNO sudah berjaya membentuk *its foray* masuk Sabah. Dan sedang membentuk *hegemony* yang tidak boleh disoal di Sabah dalam masa kurang daripada satu dekad.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Beluran bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti saya habiskan ini dulu.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tadi dia main Machap, *now you ask undermining the intelligent of the people in Sabah, you know.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *No, your intelligent is not very high.*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *You got nothing to do.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Your intelligent is not very high, ok, no time yet. I'm not giving you way yet, I will give way, when I give way.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Otherwise you are not intelligent.* Dalam proses 13 tahun ini, UMNO yang mengambil teraju pemerintahan Sabah sudah mencabuli setiap janji yang telah dibuat apabila memasuki Sabah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan UMNO lah Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Barisan Nasional.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: UMNO dan Barisan Nasional Sabah. Ok, sekarang Yang Berhormat bagi Beluran mahu tanya apa, saya bagi jalan.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *Ok, what is the point?*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *What is the point?*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, kenapa seseorang berhenti daripada kerajaan menjadikan isu besar untuk pembangkang? Apa masalah dia? Orang hendak berhenti, dia beritahu hendak berhenti fasal hendak berehat. Komen-komen Perdana Menteri untuk menerima alasan berehat pun dipertikaikan oleh pihak pembangkang. Apa yang pembangkang mahu *mileage* daripada pemberhentian seseorang yang berhenti secara sukarela? Dia bukan keluar parti, dia bukan menghentam Barisan Nasional, dia hendak berehat. Kerajaan, Perdana Menteri menerima alasan dan juga faktor pemberhentian seseorang. Kenapa pembangkang tidak suka ini? Itu hak seseorang. Kenapa pembangkang, kenapa Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tidak suka?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tentu dia menerima, dia mahu menghalau Tan Sri Datuk Chong Kah Kiat daripada Kabinet. Lebih awal lebih baik, dia sangat seronok, bukan dia terima, dia sangat seronok, dia *celebrate*, saya tahu dia *celebrate*.. Dan Yang Berhormat bagi Beluran

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: ..., DAP pun ada berhenti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Masalah ialah apa masalah akar umbi? *What are the root causes* yang kita perlu tahu kalau kita mahu faham kestabilan Sabah,, kestabilan Malaysia sama ada kita boleh dapat menarik FDI. Kalau tidak ada *stability*, kalau apa yang

berlaku di Sabah tidak memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur luar, ini tidak baik bukan sahaja untuk Sabah, tetapi juga untuk Malaysia.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tan Sri Datuk Chong Kah Kiat cuma berhenti jawatan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya akan

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: You punya ahli Dewan Rakyat Negeri Sembilan keluar daripada DAP, ADUN daripada Negeri Sembilan keluar DAP, lagii serius.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu? Sabar ..., tidak perlu panggil hulubalang. Ketua Menteri patut ada kewibawaan untuk menjawab sendiri, tidak perlu ada hulubalang di Dewan ini atau ada jurucakap.....

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: dan apa sebab, saya datang, dengar dulu, lepas itu saya bagi jalan.

■ 1210

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan, saya bagi jalan tetapi dengar dahulu apa sebab saya kata bahawa selepas pembentukan *political hegemony*, UMNO mewujudkan *political hegemony* dalam 13 tahun sudah mencabuli semua jaminan yang ada dibuat apabila masuk Sabah. Apa UMNO kata apabila masuk Sabah? Mahu Sabah Baru bukan. Mana Sabah baru? [Disampuk] Dan, apa ciri-ciri Sabah Baru yang dilaung-laungkan oleh UMNO. Semua sudah lupa. [Disampuk] Apa itu ciri-ciri Sabah Baru?

- (i) untuk mengurangkan tahap kemiskinan di Sabah daripada 33% masa itu, 1994 kepada sifar(zero) tahun 2000. [Disorak] Hah, itu Sabah Baru pertama, supaya mengurangkan kemiskinan daripada 33% tahun 1994 kepada *zero level* tahun 2000. Hah, itu Sabah Baru satu. Sabah Baru kedua! [Disampuk] Benar! Setuju? Kalau saya bercakap tidak benar, berdiri. Saya bagi jalan. Adakah benar? [Disampuk] Bukan! Benar tidak benar dahulu? Benar? [Disampuk] Bukan! Benar tidak benar dahulu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagi jalanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey, bagi jalan. Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, pembangkang ini seolah-olah hilang akal. [Ketawa] Mana ada krisis. Soal orang hendak berhenti, dia punya sukalah. Ketua Pembangkang pun boleh berhenti. Berhenti hari ini pun kita terima. Lain pembangkang, Yang Berhormat bagi Ipoh Barat boleh ganti.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: DAP Negeri Sembilan pun berhenti.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: DAP Negeri Sembilan pun berhenti, masuk MCA pun ada.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Itu krisis, kah?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini krisis, kah? Mana ada krisis. Semua orang ada hak sama ada mahu *service* atau pun dia mahu berhenti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu lain hal, nanti saya bagi jalan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Oh! Ini mungkin dia marah pasal Machap kalah. Ada lagi ljok, cuba lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Menyeleweng daripada janji untuk jawab.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak ada menyeleweng. UMNO tidak pernah demoralisasi rakyat Sabah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Betul.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Rakyat Sabah menerima kemasukan UMNO dan banyak perubahan. Yang Berhormat yang saya kira gagal.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu penyelewengan. Yang Berhormat, jangan jadi orang liarlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia yang liar, dia binatang liar, dia kata kami liar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya bagi jalan atas benar, tidak benar, dia tidak mahu jawab, itu hak beliau. Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa mahu dijawab, saya sudah jawab tetapi Yang Berhormat tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya tanya adakah benar, tidak benar bahawa satu ciri pertama.....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bahawa apa? Apa Yang Berhormat cakap ini? Cakap anginkah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Inilah, tunjuk bahawa lari daripada kenyataan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa lagi, saya mahu jawab ini. Yang Berhormat duduklah, saya mahu jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey, nanti, nanti. Saya akan bagi jalan. Dengar dulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya jawab dahulu, Yang Berhormat duduklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sabar, jangan takut. Jangan takut suara kenyataan, kebenaran, suara kebenaran. Jangan takut....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kebenarannya, Sabah sudah berubah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Duduklah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di bawah kepimpinan Barisan Nasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, duduklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Duduklah, duduklah, okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa tidak marah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Duduklah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kenapa mahu duduk?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Belum jadi Menteri Besar lagi, duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Duduklah, apa ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kenapa Yang Berhormat, orang cakap boleh, saya tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Jangan takut, Yang Berhormat....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa macam, ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bagi laluanlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...atau Timbalan Menteri dengan Ketua Menteri boleh datang sini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa Kenapa mahu tarik balik. Bagi saya penjelasan dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, bagi laluan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okeylah, okeylah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagi saya laluan dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu diskaun, nanti boleh jawab. Kalau berani nanti boleh jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Beranilah ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau berani, nanti boleh jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Beranilah ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana ada takut, memang berani punya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita bukan takut pembangkang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa takut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa hendak tanya?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya mahu teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Soalanlah. Keluarkan soalan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Soalan, okey. Soalan terus.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak nampak, Tuan Yang di-Pertua, dari mana ukuran pembangkang melihat Sabah tidak membangun. Di kawasan saya membangun, banyak pembangunan.

Ahli Pembangkang: *[Bersorak]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Airport* sudah baru. Memang ada Yang Berhormat tetapi

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu nanti boleh jawab.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bank tidak ada.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa yang Yang Berhormat mahu cakap lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ini? *No need to score points in Sabah*, okey.

[Dewan gamat]

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang pertama, tadi saya ada tanya benar, tidak benar? Tidak ada orang yang berani berdiri apa yang saya kata tidak benar. Yang Berhormat bagi Kinabatangan pun tidak berani. Yang pertama ialah Sabah Baru untuk mengurangkan *poverty level in Sabah* daripada 33% tahun 1994 kepada zero tahap tahun 2000. Betul, itu janji. Janji yang kedua Sabah Baru, apa itu? Untuk menghapuskan *illiteracy* kepada sifar pada tahun 2000. *[Disorak]* Wah! *Illiteracy, total elimination*.

Ketiga, untuk menghapuskan rasuah. *[Disorak]* Wah! *Eradicate corruption in Sabah*. Wah! Itu Sabah Barulah, itu apa yang dijanjikan apabila UMNO masuk Sabah. *[Disampuk]*

Keempat, bagi kepada setiap rakyat di Sabah sebuah rumah. Wah! Mana? Ada? Adakah? *[Disorak]* *To give every Sabahan a house by the year 2000*. *[Disampuk]* Kalau mahu kata tidak benar, boleh. Mahu *argue* boleh tunggu? Kata betul, tidak betul dahulu.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Bukan soal betul, tidak betul.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kelima. Nanti, apa itu kelima Sabah Baru. Apa itu? Selesaikan masalah *illegal immigrant*. *[Disorak]* Wah! Selesaikan semua sekali *illegal immigrant*. Kosonglah. *Hollow*, semua itu janji-janji mengenai Sabah Baru boleh dilihat.....

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Pembangkang baru hari ini cakap fasal *illegal immigrant*. *All the Sabah MP's* sudah spoke atas these issue.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nantilah.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Kita cakap semua lain boleh, *you* jangan ambil *mileage* hari ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh dilihat dalam apa yang berlaku baru-baru ini.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Kita bukan hari ini cakap, pembangkang baru hari ini cakap pasal isu ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nantilah, nanti.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: MP dari Sabah sudah lama bawa isu ini, *you* jangan cakap isu ini hari ini sahaja.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]:tata tertib, apa yang berlaku baru-baru ini, dua minggu dahulu. Apa yang berlaku. Seorang berumur 11 tahun, darjah 5. Seorang budak, namanya Donni John Dui daripada Sekolah Kebangsaan Kinarut. Budak dusun apa dia buat? Dia bunuh diri. Gantung diri oleh kerana kemiskinan keluarga, beliau tidak boleh tahan lagi. *11 years old, standard 5, Dusun boy*. Ada kata Sabah Baru.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini Malaysia, kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Malaysia, kita mahu *celebrate* 50 tahun kemerdekaan. Bangun, *model state* tetapi 11 tahun, *standard five Dusun boy* terpaksa menggantung diri, bunuh diri oleh kerana *depression*, kemiskinan yang dihadapi keluarga beliau. Bukankah kita semua malu. Kenapa anak ini, ini pembangunan - malu kita.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: [Menyampuk]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan sahaja Barisan Nasional malu, kita pun malu, negara pun malu. Sehingga *11 years old boy* perlu membunuh diri. Kita tahu sekarang UMNO Papar, oleh kerana ini berlaku di kawasan Papar, UMNO Papar sangat bekerja rajin, bantu keluarga beliau, emak beliau dan lima orang - dan 5 orang *siblings* beliau. Tetapi orang sudah mati, dia sudah meninggal dunia. Bukankah ini menunjukkan betapa kosong janji-janji UMNO apabila masuk Sabah dengan cogan kata, Sabah Baru'. Sabah Baru nampaknya lebih dahsyat, lebih *terrible* daripada Sabah Lama.

Sabah Lama, korupsi lebih bermaharajalela apabila dibandingkan dengan masa yang lampau, masalah parti lebih teruk apabila dengan masa yang lampau. Apa Sabah Baru? Ini Sabah mundur. Korupsi parti yang lebih teruk.

■1220

Boleh kata akhirnya 13 tahun, apa yang wujud di Sabah ialah satu *under class* yang baru di Sabah, siapa? Siapa *under class* yang baru? KDM – Kadazan Dusun dan Murut. Kadazan Dusun dan Murut merupakan suatu *under class* yang baru di Sabah semacam *under class* yang baru di Semenanjung Malaysia orang India. *The new under class*. Oleh kerana mereka dipinggirkan, *conflict marginalization* oleh dasar-dasar Barisan Nasional dan UMNO. Siapa mahu minta jalan, saya bagi. Siapa mahu ambil jalan? Yang Berhormat bagi Beluran?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Beluran lari. Yang Berhormat bagi Kinabatangan mahu mengambil jalan, saya bagi.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Seorang Ketua Menteri dahulu. Satu daripada tujuh orang Ketua Menteri dalam Sabah yang baru ini.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Ingin saya jelaskan di sini bahawa sebenarnya kata-kata Yang Berhormat tadi bahawa di mana pada ketika Sabah lebih mundur daripada dahulu. Itu pandangan Yang Berhormat. Tetapi pandangan umum rakyat Sabah sudah tentu perubahan begitu banyak yang telah dibuat di negeri Sabah pada ketika ini.

Kita menjanjikan Sabah baru pada ketika itu, kita membawa harapan baru kepada rakyat negeri Sabah dan kita lihat jelas perubahan-perubahan itu ketara. Mungkin dari segi perangkaannya, dari segi perangkaan Yang Berhormat telah menyatakan bahawa ia tidak tercapai. Tetapi ia tidak bererti bahawa tidak ada usaha ke arah itu di mana jelas sekarang juga bahawa kita telah menjanjikan bahawa dalam negara Malaysia sendiri kita akan menentukan bahawa miskin sifar, miskin tegar sifar juga akan dijadikan objektif kita pada tahun 2010.

Masalahnya Yang Berhormat, Yang Berhormat lihat perkara ini daripada satu sudut semata-mata. Tetapi pada kita, kita tidak boleh melihat perkara itu daripada satu sudut. Kita kena melihat keseluruhan apa yang berlaku di Sabah pada ketika ini. Apabila kita mengatakan pada ketika itu pada tahun 2004, bahawa kita akan wujudkan Sabah baru, jelas pilihan raya selepas itu rakyat Sabah menyokong kita. Bererti kita telah tunaikan janji kita dan majoritinya bersama kita. Walaupun mungkin seperti kata Yang Berhormat ada yang tidak bersetuju dan itu perkara biasa dalam sistem demokrasi kita.

Yang Berhormat tadi mengatakan ada satu kes bahawa seorang anak telah membunuh diri hasil daripada kemiskinan. Kita sendiri pun bersimpati dan sedih dalam kes yang berlaku. Tetapi ini tidak bererti pun hanya kerana satu kes itu, tidak ada usaha untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di Sabah.

Jelas seperti mana yang telah saya katakan tadi, di mana-mana kawasan pun ada sahaja kes seperti ini. Tetapi ia tidak boleh kita katakan bahawa hanya kerana kes itu tidak ada usaha ke arah menyelesaikan kemiskinan di Sabah. Yang Berhormat juga mengatakan bahawa kita pingirkan masyarakat Kadazan Dusun dan Murut di Sabah. Perkara ini tidak berlaku. Saya lihat pada ketika ini semua rakyat atau golongan masyarakat dilibatkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh ringkaskanlah.

Datuk Salleh bin Tun Said [kota Belud]: Ya sekejap. Dalam proses untuk membangunkan negeri Sabah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia boleh jawablah, boleh jawab.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa pandangan Yang Berhormat itu tidak semestinya mencerminkan pandangan rakyat Sabah keseluruhannya. Walau pun mungkin ada yang bersependapat dengan Yang Berhormat tetapi

apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa ia tidak semestinya. Kalau kita mengukur pandangan itu, kita kena ukur berdasarkan kepada keputusan pilihan raya-pilihan raya yang diadakan di negeri Sabah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bukan memberi simpati dan *empathy* dan apa-apa 'ti' kepada keluarga yang menderita. Kenapa boleh berlaku, bukan selepas ada orang hilang nyawa barulah *empathy, sympathy* ini percuma, *free of charge*. Kenapa tidak ada perubahan *institutional change* supaya perkara ini tidak boleh berlaku dan Yang Berhormat kata ini perkara ini berlaku di lain-lain tempat di negara kita.

Saya mahu cabar Yang Berhormat, bagi contoh kalau betul di mana-mana lain-lain tempat di Malaysia ada anak-anak 11 tahun terpaksa bunuh diri oleh kerana *desperation*, putus asas oleh kerana kepapaan, kemiskinan keluarga mereka. Kalau ada benar ini membayangkan kegagalan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kita perlu mengutuk kerajaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri oleh kerana cakap besar dan cakap bohong sehingga bukan sahaja di Papar, Sabah ada budak-budak terpaksa bunuh diri tetapi di Semenanjung pun ada, di Sarawak pun ada budak-budak yang membunuh diri.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: [Bangun]

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: [Bangun]

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: [Bangun]

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya rasa *defamation*.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor saya tahu ini budak, bagi saya jalan untuk penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya belum habis. Boleh berdiri. Kalau mahu, saya belum habis.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi tak ada orang berani. Tengok bekas Ketua Menteri bangun, telah berdiri, semua bangun.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, bagi saya jalan.

Beberapa Ahli: [Menyampuk] [Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okay, nantilah, nantilah.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Bagi saya jalan sebab saya kenal budak ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu *point* apa guna, apa guna.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya kenal keluarga budak ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa guna kita di parlimen ini ...

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, bagi jalan, saya bagi penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: .. diperuntukkan berbilion-bilion ringgit, nanti-nanti. Berbilion-bilion ringgit ...

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Bagi jalan, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, *you don't* desak *me when I give way, you see* apa?

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Saya tahu famili budak ini, saya tahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Chief Minister in Sabah to me is nothing, okay? To me are nothing at all.*

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, beri saya peluang untuk memberi penjelasan kerana saya tahu keluarga, asal usul budak ini, bagi saya penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya akan beri jalan. Tetapi saya rasa saya perlu mempertahankan membela maruah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila bekas Ketua Menteri berdiri di sini berkata perkara semacam ini pun ada berlaku di lain-lain di Malaysia kita tetapi tidak diheboh-hebohkan di surat khabar.

Saya rasa ini *defamation* yang ...

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Yang Berhormat, saya tidak katakan berlaku ... saya katakan ...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Salah fahamlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti, nanti.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Masalah kemiskinan ini berlaku di mana-mana tempat. Yang Berhormat tidak dengan apa yang saya hendak cakapkan

Hanya satu kes seperti yang telah saya katakan, bahawa ini untuk menyelesaikan masalah kemiskinan.

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Untuk contoh di mana di Semenanjung Malaysia ada budak-budak semacam...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya boleh bagi. Saya boleh bagi. Saya boleh bagi contoh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat, semacam 'Dhony' terpaksa membunuh diri.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, bagi saya peluang, bagi jalan kepada saya untuk memberi penjelasan. Jangan mengelirukan Dewan Yang Mulia ini. Ada orang yang tahu soal keluarga budak ini, yang tahu adalah saya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya akan beri jalan.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Berilah peluang untuk saya memberi penjelasan

[Dewan riuh]

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat semua duduk dahulu. Duduk dulu. Duduk dulu. Jangan bising Yang Berhormat

[Dewan riuh]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bekas Ketua Menteri perlu ikut tertib. Bukan bekas Ketua Menteri Sabah boleh buat apa-apa di sini, boleh buat apa-apa, tak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, balik kepada perbahasan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Sini got rules. Sabah no rules. Here got rules.* Itu mustahak, itu perbezaan besar. Sabah *free for all* khasnya untuk Barisan Nasional. Saya terperanjat kenapa itu *counter argument*. Ini biasalah, di Malaysia kita pun ada. Saya tolak. Saya tolak sekeras-kerasnya sungguhpun saya tidak bersetuju banyak perkara dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional di peringkat persekutuan, tetapi saya ini satu penghinaan, satu *defamation* kepada rekod Barisan Nasional bahawa perkara 'Dhony' pun biasa di negara kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sudah putar belitkan itu perkara. Bagilah ...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini kita perlu anggap sebagai luar biasa....

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor jangan sentuh lagi soal Dhony. Kalau minta bagi penjelasan, saya akan bagi penjelasan dan kerana saya tahu latar belakang keluarga ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh berucap nanti.

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]: Saya minta jalan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tak bagi. Dia tak bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kalau *you* terus macam ini, langsung tak mahu bagi jalan. Langsung tahu mahu bagi jalan. Saya bagi jalan kepada Yang Berhormat bagi Kota Belud.

■ 1230

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya telah katakan tadi saya tidak katakan ia berlaku di setiap tempat. Saya katakan kemiskinan itu berlaku di mana-mana tempat, ia kes berbeza. Tetapi hanya kerana kes itu berlaku, kita tidak boleh mengatakan bahawa kita tidak menyelesaikan masalah kemiskinan di negeri Sabah ataupun di negara Malaysia ini. Adalah tidak adil apabila Yang Berhormat katakan kes berlaku sedemikian bahawa semua yang berlaku bertambah kemiskinan di Sabah.

Kedua, Yang Berhormat tadi, saya juga ingin minta penjelasan tadi, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa saya tidak tolak pandangan Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat mengenai dengan Sabah tadi apakah itu bererti pandangan golongan kecil sahaja kerana peranan golongan besar ini biasanya ditunjukkan dalam keputusan pilihan raya umum di mana jelas rakyat bersama kita. Itu penjelasan saya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita tidak mahu buat syak wasangka terhadap dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa, Yang Berhormat. Yang Berhormat teruskan ucapanlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey, saya akan teruskan tetapi saya mahu sebut satu, dua isu. Yang kedua ialah ini tidak bererti bahawa masalah kemiskinan yang berleluasa di Sabah. Yang Berhormat seorang bekas Ketua Menteri, bolehkah Yang Berhormat beritahu sekarang apa tahap kemiskinan di Sabah? Tahukah? Tahukah? Bekas Ketua Menteri, beritahu. Dia kata bukan serius, beritahulah. Boleh jawab?

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Berapa peratus? Bukan, berapa peratus?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya fikir...

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Yang Berhormat kena beri peluang juga. Yang saya boleh beri jelas...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, boleh? Bagi ya.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Dia tanya saya ingin jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Belud, saya fikir tidak ada Peraturan Mesyuarat...

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Kerana dia ingin syor *figure*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau tidak ada Peraturan Mesyuarat membenarkan Ahli Yang Berhormat yang lain memberikan penjelasan dalam Dewan yang mulia ini. Bahkan menteri akan jawab nanti. Jadi saya fikir...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya faham. Bukan cabaran dengan cara ini. Saya tidak bersetujulah. Yang Berhormat, kerajaan akan jawab. Menteri akan jawab.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya fikir tidak adil.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu, tidak perlu. Saya tidak kata Yang Berhormat tidak tahu. Jawapan di sini...

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Bukan tidak tahu. Tidak perlu jawab.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu, tidak perlu.

[Dewan riuh]

Seorang Ahli: Bagilah dia jawab. Bagilah dia jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tadi kata Yang Berhormat bagi Ipoh Timor suruh Yang Berhormat bagi Kota Belud jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nanti kerajaan jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia hendak jawablah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Bagi angka.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tidak ada *figures* sedemikian. Dalam ucapan saya, jelas saya katakan sedemikian juga...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah, tidak perlulah.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Saya akur, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak akan habis dengan cara ini.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Diselamatkan!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Isu ini tidak akan habis.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nasib baik Tuan Yang di-Pertua hati baik mahu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan itu. Saya secara ikhlas menjalankan tugas dengan adil.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya tahu, saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak mahu lagi perkara ini diputarbelitkan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua mahu selamatkan Yang Berhormat bagi Kota Belud, Barisan Nasional yang *in a fix, in a real fix*, bukan? Tidak tahu angka pun atau tidak berani bagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Lawan pilihan rayalah. Jangan banyak cakap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Katalah tidak berani bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pilihan raya, DAP kalah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Angka ialah 23%.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Rakyat tetap sokong kerajaan. Pilihan raya kalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: 23%.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau DAP betul, rakyat sudah sokong.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini kemiskinan tegar relatif, boleh beritahu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itu menunjukkan apa status...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tengok banyak kekalahan akan datang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, saya..

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, saya akan teruskan iaitu yang tadi..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlu, tidak perlu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab DAP akan kalah nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang perlu yang mencabar lagi Yang Berhormat bagi Kota Belud.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pindah ke tajuk baru.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey. Mengenai Sabah baru, akhirnya apa? Akhirnya wujudkan *under class* yang baru, Kadazan Dusun-Murut. Apa yang lain ada cipta?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini ucapan menghasut. Ini menghasut!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Sebab itu sebenarnya *hardcore poor*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagi bukti!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Hardcore poor!*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini menghasut!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa maksud sebenarnya *hardcore poor*? *Hardcore poor at the end* lebih dahsyat daripada PTI.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Bigfoot diam!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana satu Kerajaan Dusun Murut yang dia sebut?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Daripada PTI dan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ucapan menghasut!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...boleh dapat layanan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, ini ucapan menghasut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...yang lebih baik daripada pihak-pihak yang berkuasa sama ada...

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *You don't be racist in Parliament.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...mengenai semua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Satu ucapan dia, nampaknya mahu *certify*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tarik balik!

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Siapa tarik balik?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Certify* apa ini? Apa itu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di mana Kerajaan Dusun Murut yang diseksa oleh kerajaan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa itu?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ada bukti? Apa itu? Bukti mana? Siapa, siapa?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *What is he saying?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *No, you are saying that Kadazan Dusun kena tinas.* Mana ada Kadazan Dusun kena tinas!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *That's mean you are stupid!*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, buktikan di mana Kadazan Dusun kena tinas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukup, cukup.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana Kerajaan Dusun Murut yang kena tinas?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Kadazan Dusun tidak terpinggir.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya teruskanlah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bila? Di mana?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya tidak mahu layan orang-orang liar.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tidak ada kualitilah ini.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Orang-orang liar semacam itulah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau bilang dia, cakap tidak tentu arah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kita mahu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana? Saya mahu bukti. Mana Kerajaan Dusun Murut yang ditindas?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okey. *Control him. Please control him.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Limit* dia punya ucapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *At the end...*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya mahu tanya dia, mana satu bangsa Kadazan Murut ditindas oleh UMNO? Mana?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *At the end...*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *At the end, hardcore*, nampaknya lebih teruk dan dahsyat..

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ketara!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya mahu tahu!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ketara apabila banding dengan keadaan PTI sama ada kemudahan-kemudahan pendidikan, kesihatan ataupun kita tahu mengeluarkan IC yang palsu pun menjadi *phantom voter* untuk mempengaruhi *political destiny* di Sabah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Projek M.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Projek M. Projek M yang sangat ketara. Kita boleh satu *check off* mengenai ciri-ciri utama, bukan semua mengenai Sabah baru, mengenai kemiskinan tadi yang saya ada sebut. Janji jaminan ialah mengurangkan kemiskinan ke tahap sifar tahun 2000 tetapi untuk tahun 2004, apa kedudukan? Ini adalah dari *Ninth Malaysia Plan*, Johor 2%, Melaka 1.8%, Negeri Sembilan 1.4%, Perak 9.5%, Pulau Pinang 0.3%, Selangor 1.0%, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1.5%, Kedah 7% dan di sini Kelantan 10.6% – oh ya, tinggilah, 10.6% – Pahang 4.0%, Perlis 6.3%, Sabah 23%.... *[Disampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sangat tinggilah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: 23%! Sarawak 7.5%, Terengganu 15.4%, lebih tinggi juga. Dari segi *hardcore poverty incidents* pun, Sabah teruk sekali di seluruh Malaysia

ialah 6.5% *hardcore poverty* apabila banding dengan Terengganu 4.4% dan juga Kedah dan Kelantan, dua-dua sama, 1.3%.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: *[Keluar Dewan]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha, itu bekas Ketua Menteri sudah lari. Inilah fakta. Fakta bukan daripada saya. Ini daripada Rancangan Malaysia Kesembilan (*Ninth Malaysia Plan*). Empat tahun dahulu pada Februari 2003, bekas Menteri Kewangan yang kedua dan sekarang Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Mustapa bin Mohamed, apabila ada dalam satu seminar di Sabah, masa itu dia kata apa? Dia kata bahawa pembangunan di Sabah teruk sekali, kegagalan yang teruk sekali dalam satu *public dialog* dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sabah dan masa itu beliau ialah *Executive Director, National Economic Action Council* dan juga Ketua Penerangan UMNO, dia mengakui bahawa salah urusan, *mismanagement* mengenai dengan izin, *Sabah Resources Civil Service, political situation were among the factors contributing to the states lack-lustre economic performance reducing the once wealthy state to a point of no return* dan lebih dahsyat, lebih *cutting verdict*, beliau kata, Sabah was now in the same economic league as his native Kelantan."

Now lebih teruk daripada Kelantan. Siapa cakap itu? Bukan saya. Menteri Persekutuan dan empat tahun selepas itu kita lihatlah sebenarnya keadaan lebih teruk sehingga boleh berlaku...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh berlaku...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Banyak lagi, ya. Ini mustahak. Sabah crying...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...crying for justice.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kawasan Ipoh Timor tidak ada masalah ya?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti, pergi Sabah dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, saya cadangkan supaya Yang Berhormat selesaikan ucapan pada pukul 1.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, okey, saya cuba. Dengan kegagalan ini sehingga boleh berlaku tragedi Donny, 11 tahun. Inilah contoh yang sangat ketara mengenai kegagalan UMNO dalam membangunkan...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, bagi saya sekejap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti, nanti, nanti.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bagi jalan untuk penjelasan oleh kerana Yang Berhormat bagi Ipoh Timor selalu menyentuh soal Donny, patut diberi penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mahu belajar *a virtue*? Sabar dahulu sebelum boleh mewakili Sabah. Ini lebih sangat tidak boleh diterima di mana ada kemiskinan yang lebih ketara bila kontras dengan *obscene wealth* yang dikumpulkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, *obscene wealth*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat cakap terus, saya keluar dahulu ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Rakyat bunuh diri, tetapi pemimpin-pemimpin Barisan Nasional semua kaya-raya, *obscene wealth*.

Tuan Tan Kok Wai [Cheras]: Dia takut *obscene wealth*nya dibangkang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apabila UMNO masuk Sabah...

Beberapa Ahli: [*Keluar Dewan*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ha, keluarlah, keluarlah. Oleh kerana mereka tidak tahan lagi, tidak boleh belajar *virtue* sabar untuk mewakili Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya fikir bukanlah. Mungkin kerana telinga mereka sakitlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yalah, sakit.

Beberapa Ahli: Hati pun sakitlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Conscience*, saya harap pun boleh sakitlah. Saya harap mereka ada *conscience*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tetapi mungkin mereka sudah hilang *conscience*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita jimatkan masalah. Ramai hendak berucap.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, apabila UMNO masuk Sabah, pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan kerajaan masa itu UMNO ada buat janji bahawa budaya UMNO yang dibawa ke Sabah akan memberi satu perbezaan daripada budaya politik apabila banding dengan politik-politik Sabah yang lampau.

■ 1240

Apa itu perbezaan bahawa akan membasmi rasuah di Sabah bukan di Malaysialah, di Sabah dan mereka menggesa rakyat Sabah untuk menolak pemimpin-pemimpin di Sabah yang *corrupt*, bukan jalan yang tepat, di Sabah yang *corrupt*. Inilah mengenai kerajaan pada masa itu PBS yang di ketuai oleh Datuk Joseph Pairin Kitingan. Tetapi dalam 13 tahun ini, di mana UMNO dan Barisan Nasional sudah memerintah bukan sahaja mereka dalam kerajaan lama yang ada di kutuk sebagai kerajaan yang *corrupt* semua, *one after another* sudah menyertai Barisan Nasional bukan sahaja mereka tidak ditolak oleh Barisan Nasional tetapi peristiwa yang telah berlaku di mana korupsi yang lebih bermaharajalela di semua peringkat sehingga lima

tahun dahulu adalah ini *cynicism* yang ada keluar dalam surat khabar perdana dengan izin *two paragraph* "Ask politicians and journalists about the rotation system, and they will jokingly say: 'One CM took the hills, one gave away the sea, one signed off the valleys and another bet on watery deals.'

They cannot help but compare what veteran politicians say about the Usno-Berjaya-PBS governments: 'Usno took the meat of the timber, Berjaya the bones and PBS the crumbs with Barisan looking at leftovers.' Itulah lima tahun dahulu lah.

Yang Berhormat bekas ketua menteri pun tahu apa ertinya, semua orang tau tapi ACA sahaja tidak tahu. Semua rakyat Sabah tahu tapi BPR tidak tahulah. *No understand* lah. BPR *they no IQ* tidak boleh faham apa inilah. Itu lima tahun dahulu. Sekarang di bawah pemerintahan Musa Aman sebagai ketua menteri lebih dahsyat lebih teruk lebih *rotten* sehingga ada laporan 25 tuduhan korupsi ada dibuat oleh Jeffry Kitingan satu masa seorang menteri di peringkat negeri dan timbalan menteri di peringkat Persekutuan terhadap ketua menteri. 25 *serious allegation of corruption* dan kalau kita *add all the allegations* berbilion-bilion ringgit yang terlibat, tetapi apa ketua menteri kata. Dia kata, "*I'm not border, no time*". Yalah, ketua menteri "*not border no time*". *ACA no time, BPR no time*, kalau *no time close shop* lah, tidak guna, *close shop*.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Ini Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, seperti mana Yang Berhormat bagi Ipoh Timur sedia maklum bahawa perkara ini telah di kemukakan kepada pihak yang berkenaan. Saya tidak pernah dengan Yang Amat Ketua Menteri mengatakan dia tidak ada masa. Tidak pernah saya dengar yang saya dengar komennya mengenai perkara-perkara yang dibangkit sebarang fitnah dalam *internet*. Tetapi Yang Amat Berhormat Ketua Menteri tidak pernah khusus untuk merujuk bahawa jika ada laporan maka kita *ignore* sedemikian, tidak pernah. Jadi saya cuma ingin tahu di mana Yang Berhormat mendapat maklumat tersebutlah? Kerana pada saya tidak adil perkara ini telah pun ada pihak yang membuat tuduhan, membuat laporan. Terserahlah kepada pihak berkenaan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk bersikap adil kepada sesuatu pihak. Kita tidak boleh katakan bahawa sudah ada tuduhan semua betul. Belum ada lagi keputusan yang dibuat oleh pihak yang berkenaan. Jadi tidak adil kepada pihak yang dituduh.

Jadi pada saya Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, saya tidak pernah dengar komen daripada Yang Berhormat Ketua Menteri *ignore* semua sebarang tuduhan. Jadi kalau boleh Yang Berhormat janganlah merujuk perkara tersebut kerana yang saya tahu dia hanya komen mengenai dengan soal-soal fitnah dalam *internet* tidak khusus dalam soal tuduhan-tuduhan sedemikian.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya akan bagi laporan kemudian, saya ada di sini tapi saya tidak boleh dapat sekarang. Jika ketua menteri tidak kisah, tidak kisahlah. Masalah bukan tidak kisah tapi apakah tindakan yang sudah diambil oleh BPR, apa Perdana Menteri

sudah pendirian sudah ambil, bagaimana, bagaimana perkara seperti ini boleh terus berlaku. 25 tuduhan bukan kecil, berbilion ringgit. Semacam apa yang di laporkan mengenai Ketua Menteri Sarawak apabila Perdana Menteri ada ditanya mengenai *Japan Times*, dia kata tidak tahu belum ada laporan dibuat. Sungguh pun saya ada tulis surat yang segera kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minggu lalu supaya datang ke Dewan yang mulia ini untuk memberi satu kenyataan, dia kata dia tidak tahu dan sangat jelas dia tidak baca surat yang hantar kepada dia. Kalau surat Ketua Pembangkang dia pun tidak baca, orang biasa apabila menulis kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mana boleh harap dia baca. Mana dia *public service system*, yang pertama.

Yang kedua kenapa perkara yang begitu serius yang menjadikan laporan *Japan Times* mengenai keputusan *Income Tax Department* di Jepun untuk menolakan peruntukkan RM32 juta sebagai *kickback* syarikat-syarikat yang melibatkan Ketua Menteri Sarawak kenapa boleh kata "*Inilah ambil satu sikap yang tidak serius di Sarawak dan Sabah*". Nampaknya sekarang negeri yang sangat *problem state* mengenai korupsi ialah Sabah dan Sarawak. Adakah BPR rela untuk siasat kekayaan Ketua Menteri Sarawak, Ketua Menteri Sabah, beranikah? Dan kalau Ketua Menteri Sabah dan Ketua Menteri Sarawak dapat imuniti dan BPR tidak ada hak untuk siasat mereka, apa guna kata mengenai *work out, work against corruption* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *[Menggunakan Bahasa Cina]*. Ini semua cakap kosong sahaja tidak ada *substance*. Dan di sini Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri apabila menjawab apa hasil siasatan BPR terhadap Datuk Osu Sukam yang boleh berjudi beratus bilion, juta ringgit, duit dari mana? *Access declaration, compare...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada 15 minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey. *Compare*, kenapa? Dan Datuk Osu Sukam ialah satu antara tujuh yang menjadi ketua menteri bersama-sama dengan Kota Belud, tujuh orang yang menjadi Ketua Menteri Sabah Baru sahaja. Antaranya Datuk Osu Sukam kawan baik kepada Yang Berhormat bagi Kota Belud dan kalau itulah contoh bukankah hak untuk semua rakyat Sabah dan rakyat Malaysia untuk meluahkan integriti kesemua tujuh ketua menteri ini. Adakah Yang Berhormat rela umumkan aset yang menunjukkan sekurang-kurangnya daripada tujuh orang ketua menteri Yang Berhormat bersih. *Declare your assets, declare your assets to show that you are clean and all out dirty, are you prepared.*

Cabar oleh kerana Sabah baru, tujuh ketua menteri, itulah perkara ketiga ialah satu Sabah baru supaya ada *equal partnership, multiracial partnership* di mana adalah satu jaminan bahawa jawatan ketua menteri, giliran di antara ketiga-tiga kaum 2:2:2, tetapi apa sudah berlaku. Ada tujuh orang ketua menteri, UMNO sekarang sudah ada empat orang menjadi ketua menteri semenjak UMNO masuk dan ambil teraju pucuk pimpinan kerajaan. Tujuh, empat orang menjadi ketua menteri. Cina dua orang, dua tahun, dua tahun. Kadazandusun-Murut (KDM) mana? Tan Sri Bernard Dompok 10 bulan sahaja. Lagi satu contoh *marginalization* Kadazandusun-Murut *the*

new under class in Sabah. Lagi satu contoh, mahu contoh banyak. Ini lagi satu contoh *the new under class political board marginalization, economic marginalization, social marginalization, religious marginalization*, bukan? Kenapa, adakah itu adil? Kenapa janji kepada rakyat Sabah, *equal* peluang supaya bergilir-gilir memegang jawatan Ketua Menteri.

■ 1250

Kenapa UMNO *monopolize*? Kenapa ia dimonopoli oleh UMNO? Itulah contoh dan yang keempat ialah mengenai PATI - menghapuskan PATI. Kita tahulah ada antara Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional di Sabah tahu. Sekarang lebih dahsyat dan lebih teruk! Sebelum UMNO masuk ke Sabah, semasa UMNO buat satu jaminan akan menghapuskan dan menyelesaikan masalah PATI, UMNO sebenarnya dalam proses menciptakan projek IC. Projek IC! Membawa PATI-PATI, *illegal immigrants* masuk menjadi *illegal immigrant*, menjadi *illegal voters* semasa kata mahu menghapuskan *illegal immigrants*...

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Belud bangun.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *...they were in the very process of manufacturing...*

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Yang Berhormat....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Nanti. *Manufacturing dan registering illegal immigrants legitimizing* sehingga daripada 70an. Mungkin pada masa itu ada 100,000 ke 200,000 PATI. Sekarang ada 1.5 juta. Tak ada orang yang kata mungkin pun dalam Sabah sekarang *illegal immigrants* lebih daripada *native* Sabahan. *That the native Sabahan are strangers in their own land*. Kenapa? Boleh jawab?

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat terlalu melulu yang mengaitkan UMNO untuk mengeluarkan IC palsu. Tidak boleh berkata sedemikian. Apa bukti Yang Berhormat yang mengatakan bahawa UMNO terlibat dalam hal ini? Pendirian kita juga jelas. Kita memang menentang PATI. Jadi amatlah tidak adil bagi Yang Berhormat untuk membuat tuduhan seperti itu mengaitkan PATI untuk mengeluarkan IC palsu itu adalah satu tuduhan yang begitu serius. Saya harap Yang Berhormat tarik balik perkataan sedemikian kerana adalah tidak adil. Jikalau ada individu-individu yang terlibat, kita tidak boleh mengaitkan dengan parti keseluruhannya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Baca *Hansard*. Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional pun mereka yang berani, yang ada *conscious*,...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang jujur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: ...yang jujur ada sedikitlah...

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya tidak pernah dengar...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ada sedikit. Bercakap dalam Parlimen. Boleh *check Hansard*. Kenapa sekarang baru mahu marah? Kenapa? Oleh kerana kes yang saya sudah kemukakan bahawa Sabah Baru yang dianjurkan dan yang dikemukakan oleh UMNO apabila masuk Sabah ialah satu penipuan kepada rakyat Sabah yang akhirnya mengakibatkan *new underclass the Kadazan Dusun and the Murut*. Bukan? Oleh kerana *the case is establish* dan itulah latar belakang. Inilah latar belakang, kenapa boleh berlaku? Sekarang gelora politik krisis di Sabah. Ahli-ahli Barisan Nasional daripada Sabah boleh datang ke sini dan kata, "Mana ada krisis". Mereka tak rasa dan mereka kata tidak tetapi saya di sini boleh rasai. *We are more in touch with the ground* bukan seperti Yang Berhormat bagi Beluran, *they are completely cut-off from the ground. They are having completely cut-off on the ground, they don't belong to the ground anymore.*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *No, it's very difficult because you are talking in politics. We are talking about the fact. You are seeking political mileage. That is difficult.* Susahlah Tuan Yang di-Pertua, dia cakap politik. Isu kemiskinan dia gunakan untuk politik DAP. Isu ketua menteri dia gunakan untuk politik DAP. Inilah masalah dia! Untuk kepentingan DAP. *You just stop!*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat bagi Beluran, apabila berucap dalam perbahasan Titah Diraja, kita pun tahu dia suara UMNO Sabah. Dia sudah lupa Kadazan Dusun dan Murut.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kacang lupakan kulit.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Dia sudah lupa. Dia tidak boleh mewakili lagi KDM dan inilah yang kita harap....

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ...kami sudah pun membawa hal-hal ini kepada pihak-pihak berkenaan. Tidak usahlah membangkitkan perkara ini sebagai bahan pembangkang untuk pilihan raya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya sebut di sini ialah suara rakyat Sabah. Suara rakyat Sabah. Dengarlah. *Listen!* Dengar suara isi hati. Boleh terus, boleh terus. Tak mahu dengar tak apa.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Syok sendirilah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Itulah menunjukkan sama ada Sabah baru atau tipu Sabah sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulunglah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Okay, saya boleh gulung. Di sini saya berharap bahawa kita mempunyai *public service delivery system* yang lebih baik, kita mahu contoh yang lebih baik. Bukan sahaja Perdana Menteri yang memberi satu contoh yang lebih baik, bukan

sahaja membaca semua surat-surat yang dihantar kepada beliau tetapi juga datang ke Parlimen. Kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hilang daripada Parlimen? Kita ada menteri-menteri yang ponteng daripada Parlimen, sekarang ada Perdana Menteri pun ponteng daripada Parlimen.

Saya rasa ini tidak baik dan saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh ambil perhatian dalam perkara ini. Baru-baru ini, satu contoh yang berlaku mengenai perselisihan di antara Yang Berhormat Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri dengan polis mengenai *crime index* di Sentul pun tidak memberi satu contoh yang baik. Reaksi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah *stop bickering*. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) antara pengerusi dan *management directed*, ketua pengarahnya ialah Dato' Annas Khatib Jaafar di mana ada laporan-laporan dibuat masing-masing terhadap *each other* bahawa ada rasuah dan laporan dibuat kepada ACA. Satu mengenai RM55 juta yang dibelanjakan tanpa *open tender* untuk kompleks di Kuala Kedah. Tuduhan yang lain ialah mengenai *euro loan* bernilai RM46 juta yang dibuat tanpa kaedah yang baik. Kedua-dua *chairman* mendakwa ketua pengarah korup dan ketua pengarah dakwa *chairman* korup. Perdana Menteri kata *stop bickering*, jangan bising lagi. Mana boleh! Ini patut disiasat oleh ACA sama ada korup atau tidak korup. Mana Perdana Menteri kata boleh kata *stop bickering*.

Patutlah dua-dua digantung. *Suspend both the chairman and* ketua pengarah. Itulah bukan *stop bickering* antara Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri dengan polis. *Stop bickering!* Apa *stop bickering?* Rakyat ingin tahu apa keadaan kedudukan sebenar mengenai *crime index* di Sentul atau di negara kita oleh kerana kita tidak lagi ada rasa selamat nyawa kita dan harta benda kita dalam negara kita. Ini juga akan menakutkan pelabur-pelabur asing bukan untuk jangan bising tetapi selesai dan sebagai *Internal Security Minister* sendiri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patutlah ambil keputusan untuk mengumumkan apa sebenarnya. *He is the minister in charge* dan kalau dia tak ada masa dia patut *relinquish* jawatan *Internal Security Minister* supaya ada seorang yang ada kebolehan dan ada masa *hands on, hands on* dan bertanggungjawab mengenai *law and security*.

Kita tak mahu seorang yang *hands off, mind off. Hands off, mind off*. Sekarang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai *Internal Security Ministry hands off, mind off*. Tak bolehlah. Kita mahu *hands on, mind on*. Selain daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh *hands on, mind on* dan *take full responsibility* untuk memulihkan *law and order* serta kepercayaan orang ramai terhadap polis. Sudah sampai masanya dia *relinquish* jawatan itu dan *appoint* (lantik) seorang untuk menjadi *full minister*. Kalau Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri tidak boleh dapat kepercayaan dan keyakinan pihak polis, sudah sampai masanya juga untuk melantik seorang timbalan menteri yang baru. Ini mustahak supaya jentera kerajaan boleh berjalan dengan licin, *public service delivery* boleh memuaskan oleh kerana sampai

sekarang *we have a lot...* Tengok apa yang berlaku di Putrajaya di Imigresen. Paip boleh bocor. Ini tak pernah berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Akhirnya bulan lalu, Perdana Menteri kata Putrajaya *landslide* mana boleh berlaku. Sekarang, bulan ini kata bocor, Imigresen *flooding*, bagaimana berlaku? Inilah *a sign not of a good times*. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Yang Berhormat bagi Beluran.

12.59 tgh.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk membahaskan usul...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh berucap nantilah.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari

■ 1430

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Saya Jemput Yang Berhormat bagi Beluran.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kemiskinan di Sabah tidak boleh dilihat daripada perspektif race. Ianya berlaku di kalangan masyarakat Kadazandusun, Murut, berlaku di kalangan kaum Bajau, kaum Orang Sungai dan banyak lagi masyarakat bumiputera minoriti yang berada di Sabah.

Kita melihat bahawa kerajaan Barisan Nasional merupakan harapan bagi komuniti ini, bumiputera di Sabah untuk keluar daripada belunggu kemiskinan yang dihadapi oleh mereka. Kenyataan bahawa kemiskinan pada 12 tahun lalu pada peringkat 35% telah diturunkan kepada 25% ketika ini merupakan satu tindakan berkesan yang telah dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional di Sabah.

Walaupun hakikatnya kita masih mengharapkan agar kemiskinan tersebut dapat diturunkan lebih jauh lagi. Tetapi kita yakin kepada proses dan tindakan dan pelaksanaan dasar-dasar yang dilunaskan oleh kerajaan Barisan Nasional akan membawa kemiskinan ini kepada

satu tahap yang lebih rendah seperti yang termaktub dalam Sabah Baru dalam Manifesto Sabah pada pilihan raya pada tahun 1994.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Beluran, saya hairan dan ajaib ucapan daripada ketua pembangkang satu setengah jam berhubung dengan Sabah saja. Saya tidak tahu apa agenda dia, kalau mungkin motif dia mahu DAP menang pilihan raya di Sabah saya tengok peluang tidak ada langsung. Kalau dia betul-betul ikhlas menyuarakan bahawa memang berlaku kemiskinan di Sabah saya akui. Memang tidak ada siapa yang menafikan bahawa kemiskinan berlaku di mana-mana dan Sabah adalah salah satu negeri yang dikategorikan memiliki kadar kemiskinan yang tinggi.

Tetapi apakah Yang Berhormat bagi Beluran setuju bahawa kemiskinan menjelang 2020, menjadi wawasan negara akan dapat kita capai iaitu kepada kemiskinan sifar dengan usaha kerajaan Barisan Nasional. Kalau DAP, saya tengok orang akan bertambah miskin lagilah. Bersetujukah Yang Berhormat bagi Beluran?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan. Kita melihat kemiskinan sebagai satu perkara yang harus diambil kira oleh kerajaan. Ramai di kalangan Ahli Parlimen Barisan Nasional daripada Sabah di Dewan ini yang menyuarakan soal kemiskinan, soal isu-isu yang dibawa oleh pembangkang tadi juga dibawa dan sering dibawa sejak bertahun lamanya di Dewan ini mengharapkan agar kerajaan mengambil tindakan yang lebih drastik untuk mengaddress masalah yang dihadapi oleh masyarakat di Sabah.

Tetapi kita tidak melihat itu sebagai satu isu ras, kita tidak melihat ia sebagai satu isu untuk mendapatkan *political mileage* daripada isu itu. Begitu juga kita melihat kemiskinan, *suicide* (bunuh diri) yang berlaku terhadap seorang kanak-kanak berumur 11 tahun. Kita address isu itu, kita melihat isu itu sebagai satu isu yang penting kerana kerajaan negeri mengambil tindakan yang drastik untuk melaksanakan perkara-perkara untuk menjawab kepada isu itu.

Kita tidak melihat itu sebagai satu isu untuk berlakunya *marginalization* di kalangan masyarakat Kadazan, Dusun di Sabah. Hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, ianya berlaku di kalangan semua kaum yang berada di Sabah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih sahabat saya Yang terhormat bagi Beluran, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita dengar ucapan ketua pembangkang, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, memang ia cantik, pandai menggunakan kata-kata yang muluk-muluk kata orang Indonesia tapi sebenarnya sebagai sesuatu untuk mengelirukan fikiran. Dia menjurus perkara-perkara yang dibangkitkan itu kepada satu sudut yang sempit dan ini sebenarnya salah satu taktik pembangkang untuk menarik supaya rakyat boleh menyokong mereka. Tetapi rakyat di Sabah, berkali-kali pilihan raya tetap memilih Barisan Nasional dan sampai hari ini DAP tidak pernah dapat bertapak di Sabah.

Soal kemiskinan, daripada 50% dulu sehingga turun 23% itu menunjukkan kemajuan yang dibawa oleh Barisan Nasional. Sabah Baru... Sabah Baru ialah satu visi, hasrat kerajaan

Barisan Nasional yang hendak menentukan, menjayakan satu program pembangunan yang menyeluruh bagi Sabah. Alhamdulillah saya tengok, saya bukan orang Sabah tapi sekali sekala pergi ke Sabah, memang jauh perubahan, daripada zaman yang satu ketika dahulu sehingga zaman sekarang.

Maknanya Parti Barisan Nasional, kerajaan yang ada hari ini dan pemimpin-pemimpinnya telah berjaya sebenarnya memajukan dan memberikan pembangunan dan kemajuan kepada Sabah dan rakyatnya. Jadi saya rasa apa yang diuar-uarkan oleh ketua pembangkang Yang Berhormat bagi Ipoh Timor sebenarnya ialah sebagai sesuatu untuk menarik perhatian yang sebenarnya tidak akan laku di Sabah. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Kinabatangan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Yang Berhormat bagi Sri Gading, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya ketua pembangkang bercakap di luar Dewan bahawa UMNO *marginalize* Kadazandusun dan Murut. Kita mahu dia berani atau tidak. Minta pandangan Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, kita serah kepada pembangkang. Soalnya Tuan Yang di-Pertua, orang Sabah tidak perlu dihina kepintarannya. Kita boleh melihat, kita pernah melalui tiga kerajaan. Kerajaan yang dipacu oleh masyarakat bumiputera Islam, kerajaan yang dipacu oleh masyarakat bumiputera bukan Islam. Hari ini, kerajaan Sabah merupakan kerajaan Barisan Nasional yang tulen. Kita sudah melalui proses-proses politik yang begitu dalam sekali dan kita mengetahui, orang Sabah mengetahui sandaran atau harapan mereka untuk maju ke hadapan cuma di tangan Barisan Nasional dan bukannya politik ras yang dibawa oleh pembangkang.

Ini nyata sekali seperti kata Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi. Sudah berapa kali pilihan raya dan ramai calon daripada pembangkang PAS, DAP yang tidak dapat bertapak di Sabah. Apatah lagi sekarang ini apabila kerajaan Barisan Nasional begitu rancak membawa pembangunan, tidak ada. *Nobody can deny*. Kawasan saya Tuan Yang di-Pertua, setengah bilion jalan raya di buat oleh kerajaan Barisan Nasional. Saya bawa isu-isu soal pembangunan kerana banyak lagi perkara yang perlu di bawa.

Hakikatnya kerajaan membawa, meng*address* isu kemiskinan yang berlaku di Sabah.

■ 1440

Dan saya yakin rakyat Sabah apabila pilihan raya akan datang ini juga akan terus menyokong Barisan Nasional, akan terus mengharapkan bahawa Sabah Baru seperti yang di manifesto kan dalam pilihan raya tahun 1994 itu akan tercapai akhirnya. Tetapi kita *patient* kita tahu, kita melihat proses itu sedang berlaku di depan mata kita sekarang dan itulah hakikatnya, *you don't have to* pertikaikan perkecilkan *intelligent* orang Sabah dengan mengatakan bahawa disebabkan satu kes bunuh diri yang dikatakan kemiskinan bahawa kerajaan Barisan Nasional

marginalize kan kaum bumiputera bukan Islam di Sabah. Itu merupakan satu tuduhan yang melulu yang berbau politik yang tidak 'mengaddress' kepada isu yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, orang Sabah sudah lama berhenti bercakap tentang politik ras ini dan kita tahu bahawa ini merupakan politik yang dibawa oleh pembangkang yang mahu bertapak di kawasan kita di Sabah tetapi *the intelligent of the people of Sabah* tidak perlu dihina. Tuan Yang di-Pertua, harapan memang di tangan Barisan Nasional. Saya yakin pilihan raya *cum election* rakyat Sabah akan terus mengundi kerajaan Barisan Nasional kerana kita yakin tidak ada kerajaan lain. Kita sudah cuba berbagai-bagai kerajaan, berbentuk kerajaan namun akhirnya nanti rakyat akan terus berpegang di bawah kerajaan Barisan Nasional.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya dengar tadi hujah dibawa oleh Ketua Pembangkang, (KDM) Kadazan, Dusun, Murut. Saya melihat tetapi oleh sebab kekebalan Parlimen ini. Ucapan ini sebarnya berbau perkauman dan sebagai satu hasutan hendak melagakan antara suku-suku di Sabah untuk berlaga antara satu sama lain dengan harapan beliau pada sangkaan saya untuk memberikan satu beban berat kepada kepimpinan di peringkat negeri dan ini mereka akan ada *politic mileage* dialah untuk kepentingan politik.

Jadi saya rasa kita seperti mana Yang Berhormat bagi Beluran berkata kita sudah lama tidak bercakap tentang kesukuan. Jadi cakap-cakap seperti ini saya rasa sesuatu yang amat berbahaya bagi negeri Sabah di mana sepatutnya kita menjurus kepada lebih banyak perpaduan, keharmonian kaum. Saya harap agaknya Ketua Pembangkang boleh tarik baliklah ucapan berbau perkauman dan hasutan ini kerana tidak baik bagi rakyat Sabah.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Saya setuju Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Saya apabila sebut mengenai KDM yang menjadi *underclass* yang baru di Sabah tidak berniat untuk berbangkit apa-apa aspek kaum tetapi itu satu kenyataan. Saya ada di Dewan yang mulia ini berkata bahawa orang India di Semenanjung sudah menjadi satu *new underclass* di mana kemiskinan yang tertinggi, kadar jenayah mereka yang tinggi dan di Simpang Renggam peratus tahanan-tahanan keturunan adalah India yang tertinggi, sosioekonomi masalah mereka yang rumit, inilah kenyataan yang perlu kita akui dan serupa di Sabah.

Sekarang kita melihat bahawa masalah Kadazan, Dusun, Murut satu golongan yang menghadapi peminggiran bukan sahaja sosioekonomi malah politik pun dan sebab itu giliran Ketua Menteri berhenti. Apabila Kadazan, Dusun, Murut baru memegang 10 bulan sahaja, kenapa diberhentikan? Bukankah ini satu bukti pemikiran mustahak ialah untuk membetulkan penyakit ini daripada untuk bermain-mainkan politik semacam sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Kita betulkan sebab itu saya katakan bahawa kita *addressed the issue* tetapi kita tidak melihat isu melalui race, itu perbezaannya. Pembangkang memang *double standard* di Dewan ini ada di kalangan pembangkang yang bercakap tentang perpaduan, Ketua Pembangkang bercakap tentang perpaduan yang perlu wujud, tidak ada *victimization*, tidak ada penindasan ras di sini. Tetapi pada masa yang sama toleransi tidak ada, ada ahli pembangkang yang berkata tentang azan itu mengganggu tidur. Di mana toleransi kaum, di mana perpaduan yang mahu diwujudkan, perpaduan bentuk apa? Bentuk Cina yang lebih kepada menuju kepada Cina, lebih menuju kepada masyarakat India tidak, bukan itu bentuk perpaduan yang mahu diwujudkan di Malaysia.

Kita mesti ada toleransi yang tinggi. Sebab itu bila kita berkata tentang kemiskinan kita tidak boleh melihat kemiskinan sebagai satu isu ras, ia harus di *address*. Apatah lagi di Sabah ada 30 kumpulan etnik di Sabah, *how do you rationalize? How do you categorize* mana satu ras di mana satu kemiskinan? Tidak boleh melihat perkara sedemikian, tidak boleh melihat dalam sudut yang sedemikian.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat mungkin Ketua Pembangkang ini buta mata. Mata minda dia sudah tidak berfungsi. Dalam kabinet Malaysia kita ada kerajaan Dusun, menteri ada, di Sabah ada, dalam Parlimen ini Yang Berhormat bagi Beluran pun orang Dusun, saya orang Sungai, kami tidak terasa ada penindasan oleh kerajaan, dianaktirikan bahkan suara-suara yang dibawa oleh Ahli-ahli Parlimen daripada suku kaum ini mendapat perhatian daripada kerajaan sehingga kita boleh membangun. Mungkin Yang Berhormat perlu memberitahu Ketua Pembangkang bahawa dia tersalah ucapan, tarik balik.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Minta penjelasan, penjelasan. Saya tidak lihat ini sebagai satu masalah ras ini satu masalah nasional sebab itu *marginalization* kaum Kadazan, Dusun, Murut perlu dibetulkan. Tadi ucapan saya tahu inilah *whip party whip* semua boleh ikut tetapi di luar saya ada Ahli Parlimen Barisan Nasional yang kata kepada saya ucapan itu daripada Sabah baik, betul, jelas betul. Tetapi di dalam saya tahu mereka tidak berani untuk mengakui tetapi di luar mereka kata ini sangat betul sangat baik, teruskan. Itulah suara yang saya dapat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tadi Ketua Pembangkang pun bercakap bahawa ada orang Sabah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tadi saya ada sebut mengenai jawatan Ketua Menteri bukan jawatan dalam kabinet. Jawatan Ketua Menteri kenapa sekarang ada diskriminasi di mana Kadazan, Dusun dan Murut untuk 10 bulan sahaja tetapi UMNO ada empat orang yang menjadi Ketua Menteri kali *round* ketiga dan sekarang *permanent*, kenapa *permanent*? Kalau mahu *permanent*, kekal selepas peluang yang sepatutnya diberi kepada Kadazan, Dusun, Murut,

ada empat tahun barulah *permanent*. Ini baru adil adakah Ahli Parlimen Barisan Nasional rela berani buat begitu, empat tahun penuh untuk Kadazan, Dusun, Murut, barulah *permanent* bolehkah?

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur tidak ada hak bercakap bagi pihak orang Sabah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Apa hak, ini Parlimen Tuan Yang di-Pertua kita ada hak cakap depan semua rakyat Malaysia. Ini sempit. *Narrow minded*. Hak untuk semua.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: *You cannot generalize, you do not the feeling of the Sabahan*, ada di kalangan Ahli Parlimen DAP yang tidak tahu di mana orang Iban dikatakan orang Iban di Sabah, tidak tahu masalah di Sabah. Orang Iban di Sarawak ada di kalangan Ahli DAP yang tidak tahu yang cuma pura-pura tahu untuk *political mileage*. Begitu juga kita melihat peletakan jawatan Timbalan Ketua Menteri tidak dilihat secara suatu yang menghina dan menidakkan masyarakat kaum Cina di Sabah, tidak. Kita tidak melihat sedemikian tetapi sudut penglihatan, pandangan DAP ini semuanya berpaksikan kepada *mileage* politik itu masalahnya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua penjelasan, saya tidak cakap bagi bahawa mengenai Tiong Hua, saya tidak pernah berkata. *You put words into my mouth*. Ini apa yang dikatakan oleh Chong Kah Kiat bukan saya. Saya tidak cakap begitu.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya akan masuk Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kita sekarang ini membincangkan dunia membahaskan anggaran perbelanjaan tambahan ini.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ya Tuan Yang di-Pertua. Saya akur Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor menghina orang Sabah tadi. Kita bercakap kemiskinan Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin masyarakat Sabah akan terus memberi sokongan yang padu kepada Barisan Nasional kerana kita tidak melihat isu-isu yang ada di Sabah itu sebagai isu yang sebagai satu krisis yang melanda. Memanglah ada perkara-perkara yang Ahli Parlimen Barisan Nasional dari Sabah sendiri yang membawanya mengutarakannya di Dewan ini untuk perhatian Barisan Nasional. Isu kemiskinan merupakan isu yang dibawa. Isu pendatang haram, isu pendatang tanpa izin merupakan isu yang sering dibawa oleh Ahli Parlimen daripada Sabah, itu merupakan isu yang kita bawa.

■ 1450

Banyak lagi isu. Isu infrastruktur, isu air, isu *electricity*, isu sekolah, merupakan isu-isu yang kita bawa di Dewan ini. Yang kita harapkan agar mendapat perhatian yang lebih oleh kerajaan Barisan Nasional. Itulah seperti yang dikatakan tadi, tidak ada ras, tidak ada suku di dalam membawa isu sedemikian. Kita yakin Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sabah, *intelligentnya* tidak perlu dihina. Kita yakin bahawa mereka akan terus memberi sokongan kepada Barisan Nasional. Saya pergi kepada isu yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, dalam RMK-9, dikatakan RM3.7 bilion diperuntukkan oleh kerajaan untuk pembiayaan PKS untuk rakyat di Malaysia. Saya ingin tahu apakah mekanisme yang telah dirancang oleh kerajaan untuk menyalurkan kewangan RM3.7 bilion yang telah digariskan oleh dalam RMK-9? Saya mendapat surat baru-baru ini daripada Jawatankuasa Pengelola NGO Sekretariat Komuniti Bestari Malaysia. Adakah badan ini salah satu daripada agensi yang telah dilantik oleh Kementerian Kewangan untuk mengurus dana RM3.7 bilion bagi membantu PKS di seluruh Malaysia?

Saya ingin satu jawapan yang pasti daripada kementerian, kerana kita menerima surat-surat jemputan daripada badan ini untuk dikatakan satu badan yang akan mengurus dana RM3.7 bilion ini. Adakah ini satu badan yang telah dilantik oleh kerajaan? Kalau ia sedemikian, saya hairan mengapa kerajaan tidak menggunakan agensi dan jabatan yang ada sekarang ini terutama di bawah Kementerian Usahawan dan Koperasi untuk menyalurkan dana yang begitu banyak untuk manfaat masyarakat di Malaysia? Saya khawatir satu badan yang dipanggil sekali lagi Jawatankuasa Pengelola NGO Sekretariat Komuniti Bestari ini menggunakan badan ini untuk kepentingan mereka sendiri.

Saya tidak yakin, satu badan yang saya tidak tahu ada di kalangan mereka yang melantik calon-calon pembangkang, calon-calon yang bertanding di atas tiket bebas menentang calon Barisan Nasional pada pilihan raya negeri yang lalu telah dilantik sebagai penyelaras bersama NGO Anggun Bestari, cawangannya di Sabah. Ini perkara yang seharusnya diambil tindakan oleh kementerian, diselidik oleh kementerian. Mengapa tidak digunakan, disalurkan agensi yang sedia ada? Data mana yang akan digunakan oleh badan ini untuk memilih peserta? Untuk menyalurkan dana bantuan untuk PKS di Sabah? Adakah kementerian sedar akan perkara ini? Badan ini telah pergi di merata-rata kawasan di Sabah.

Yang terakhir saya membaca surat khabar, kawasan Beaufort yang diwakili oleh Timbalan Menteri Kerajaan Tempatan juga telah merasmikan pembentukan jawatankuasa ini dan apabila kita menyelidik dengan Kementerian Usahawan dan Pembangunan Koperasi, mereka tidak pernah mengetahuinya dan bukan di bawah kementerian. Jikalau nama Bestari itu, kita juga telah bertanyakan kepada Kementerian Penerangan, Komuniti Bestari sama ada Kementerian Penerangan mengetahui tentang badan ini, yang telah dipertanggungjawabkan oleh Kementerian Kewangan untuk menyalurkan dana. Mereka juga tidak mengetahuinya.

Saya takut, rakyat di Sabah akan diperalatkan oleh badan yang dipanggil Komuniti Bestari ini untuk kepentingan mereka. Sudah tentulah kakitangan kementerian yang berada di Sabah, kakitangan kementerian yang berada di Kuala Lumpur ini harus memantau perkara ini dengan lebih dekat dan memberi maklumat yang sebenarnya.

Apa pun, saya melihat Tuan Yang di-Pertua bahawa dana yang besar ini harus disalurkan mengikut kaedah yang terbaik. Harus disalurkan melalui jabatan dan agensi-agensi

yang ada agar dana ini dapat di manfaat oleh kumpulan yang disasarkan. Begitu juga, harus disalurkan kepada mereka yang benar-benar memerlukan yang sudah disenaraikan di dalam *database* kementerian, yang telah disenaraikan sebagai mereka yang memerlukan dan haruslah mengikut prosedur yang rasmi.

Saya ingin penjelasan daripada Kementerian Kewangan. Begitu juga saya ingin penjelasan dari kementerian terhadap pelaburan internet terutama melalui dana *features*, *euro*, *SwissCash*, *Arabic.net*, *labur.net*, yang sekarang ini mengutip pelaburan yang begitu banyak daripada pelabur-pelabur melalui internet dan dikatakan bahawa setiap pelaburan itu akan dipulangkan 10 peratus daripada pelaburan setiap bulan, setiap hari. Ini telah mendapat sambutan di kalangan profesional, di kalangan mereka yang bekerja dengan kerajaan, di kalangan mereka yang tidak bekerja, di kalangan mereka yang hidup susah pun telah cuba mengeluarkan sebanyak duit mereka untuk melabur di dalam pelaburan ini.

Saya ingin penjelasan daripada kementerian, adakah kementerian sedar akan perkara ini, pelaburan ini? Adakah ini tidak bercanggah dengan *deposit taking* yang tidak dibenarkan oleh kementerian. Kita mempunyai undang-undang. Adakah pelaburan ini juga tidak bercanggah dengan *money laundering*? Kita juga mempunyai akta untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menyalah gunakan *deposit taking* ini? Penjelasan ini harus diberikan, agar mereka yang melabur di dalam skim pelaburan ini tidak dianiaya, tidak akan berhadapan dengan kerugian di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya bawa dalam Dewan ini adalah tindakan Parlimen untuk *jammedkan* telekomunikasi yang ada di Dewan. Kita melihat bahawa Parlimen mengizinkan kita berinteraksi melalui e-mail. Memberikan kita *point-point* untuk akses kepada internet. Tetapi nampaknya Parlimen tidak mengizinkan kita untuk berhubung melalui SMS. Semua talian telefon di dalam Dewan ini telah *dijammedkan* oleh Parlimen dan adakah kementerian melihat bahawa perkara ini tidak harus berlaku dan memberikan kebebasan kepada kita di sini. *We are not small kids*.

Saya yakin bahawa tiada Ahli Parlimen di sini yang bercakap kuat, bertelefon secara kuat seperti di pasar dan tentulah kemudahan talian telefon yang ada di Dewan ini seperti yang lalu membolehkan kita untuk berhubung terus dengan masalah yang berada di kawasan kita melalui SMS dan sebagainya. Kerajaan akan melihat bahawa perkara kemudahan telefon dikembalikan di Parlimen dalam masa yang dekat.

Yang terakhirnya, kita banyak membaca tentang *security features* yang ada di lapangan-lapangan terbang antarabangsa yang lain umpamanya cecair dalam botol, *make up* dan sebagainya. Ini *liquids material* yang diperiksa begitu berhati-hati oleh lapangan-lapangan terbang di tempat lain. Tetapi saya tidak melihat ia dipraktikkan di lapangan terbang kita sama ada lapangan terbang internasional ataupun lapangan terbang domestik. Kalau ini merupakan satu keperluan *security* keselamatan dunia, saya ingin tahu mengapa lapangan terbang kita tidak

adopt kan polisi yang terbaru ini? Kalau ia satu *security* keperluan keselamatan, mengapakah lapangan terbang kita tidak menjadikan itu sebagai satu arahan, kerana kita lihat dari segi *surcharge collection*, apabila lapangan terbang yang lain mengenakan surcaj terhadap *anti-terrorist* di dalam lapangan terbang, kerajaan Malaysia - LTAB itu begitu cepat untuk turut terlibat di dalam *surcharge collection* untuk *anti-terrorism*. Tetapi nampaknya apabila ada unsur keselamatan yang dipraktikkan oleh lapangan terbang yang lain, ia tidak menjadi satu keperluan di dalam lapangan terbang kita.

■ 1500

Saya tahu bahawa sama ada ianya penerbangan *international* yang melalui lapangan terbang kita, ia juga subjek kepada sebarang unsur-unsur *terrorism* begitu juga lapangan terbang kita yang terbang dalam *domestic flight* juga *subjected* kepada unsur-unsur *terrorism*. Saya ingin penjelasan daripada kementerian terhadap perkara ini. Ya Yang Berhormat bagi Santubong.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya baru masuk tadi dengar Yang Berhormat berbincang soalan *hand phone* dalam Dewan. Tidakkah Yang Berhormat berpendapat bahawa apa sahaja kita hendak buat dalam Dewan ini sepatutnya bukan ditanya dengan pihak luar sama ada kerajaan ataupun pihak kementerian ataupun pihak Telekom, tetapi sepatutnya kita tanya dengan Dewan ini sendiri. Sekurang-kurangnya kita boleh tanya dengan Tuan Yang di-Pertua sama ada kita boleh menggunakan telefon.

Tetapi kalau Ahli Yang Berhormat betul-betul berkehendakkan penyambungan dan tidak *dibarkan* dengan izin penggunaan ataupun kemudahan *phone* digunakan dalam Dewan ini, sebagaimana dahulu kita tidak boleh pakai *internet* ataupun komputer, sekarang telah dibolehkan. Ini adalah hak dan keputusan yang sepatutnya dibuat oleh Ahli Parlimen itu sendiri iaitu ini selaras dengan kebebasan Dewan untuk membuat keputusan kepada apa sahaja yang mereka hendak buat. Jadi, bukankah ini sepatutnya kita sendiri yang mengambil keputusan, kita sendiri yang ambil tindakan supaya disetujui. Kalau usul diluluskan di Dewan ini mengatakan kita hendak *hand phone*, kita hendak telefon. Jadi pihak Telekom saya fikir tidak ada berkeberatan untuk menyambung. Jadi, pandangan Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Ya, saya membuat isu itu untuk mengajak Parlimen melihat kemudahan ini diberikan di dalam Dewan yang mulia ini. Kita tidak boleh disebabkan seorang dua yang mungkin menelefon mungkin mengganggu kerana deringan telefon itu berbunyi kuat dan mengganggu Dewan selepas itu kita *barkan* kemudahan itu kepada kesemua Ahli Parlimen yang ada. Saya yakin Tuan Yang di-Pertua, Ahli Parlimen di Dewan ini Ahli Parlimen yang *responsible* yang tahu akan peraturan dan boleh menggunakan alat komunikasi yang ada ini dengan sebaik-baiknya. Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah yang demikian saya menyokong pindaan *supplementary* bajet ini terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Serdang.

3.02 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Akta Perbekalan Tambahan (2006) 2007. Sebelum saya menyentuh mengenai masalah di kawasan saya, saya hendak memberi sedikit pandangan dan ulasan terhadap Yang Berhormat Ketua Pembangkang tadi. Hujah-hujah beliau tadi di kawasan Machap itu merupakan satu penghinaan kepada pengundi Machap dan ... sokongan kepada Barisan Nasional.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Saya cakap tidak boleh, *you* cakap boleh? Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya hak asasi rakyat telah menentukan melalui proses demokrasi melalui seorang satu undi untuk menentukan calon sebagai wakil rakyat. Maka, proses itu dijalankan, kalau tidak dijalankan Ketua Pembangkang DAP tidak ada di dalam Dewan ini. Ini satu hakikat yang telah dilakukan oleh Malaysia sejak tahun 1959. Maka itu masih penting dengan proses pemilihan melalui demokrasi di dalam negara kita ini. Kalau ada syak wasangka terhadap prosedur demikian, patutnya....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar dan setuju kalau negara kita ada mengikut undang-undang yang mengehendkan perbelanjaan di pilihan raya di peringkat negeri kepada RM100 ribu, tetapi berpuluh-puluh juta dibelanjakan di Machap dan kalau adakah *rule of law* sebenarnya keputusan di Machap diisytiharkan *null and void*, tidak sah oleh kerana sudah melanggar undang-undang melalui *election expenses*, tetapi tidak ada *rule of law*. Sebab itu apa yang tidak sah pun boleh diteruskan dikekalkan. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada hal sebegini berlaku, panggil polis untuk siasat dan melalui undang-undang mahkamah. Ini satu prosedur kehakiman yang telah diamalkan. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya proses demokrasi telah dijalankan satu-satu pilihan raya kecil. Ini keputusan yang sepatutnya diakur oleh semua pihak melalui pengundian. Kalau tidak setuju, cara mana untuk menjalankan sistem demokrasi di negara kita ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bangun*]

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Saya tidak bagilah. Tetapi, bagi *chance* saya untuk memberi pandangan....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sedikit sahaja.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: ... Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya anggapkan hujah-hujah daripada Ketua Pembangkang terhadap di kawasan Machap itu sebagai satu langkah menghina kepada rakyat jelata di Machap. Sebenarnya kerajaan berkuasa untuk memberi peruntukan kepada satu-satu kawasan untuk mengatasinya masalah yang dihadapi

untuk meningkatkan lagi infrastruktur kawasan tersebut. Adakah pihak DAP tidak bersetuju untuk memberi projek-projek atau peruntukan kepada kawasan-kawasan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sekarang ada banjir di.....

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Maka sebab itu Ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional sentiasa menyuarakan masalah yang dihadapi....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]... sekarang... berilah....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: pihak kerajaan akan menimbangkan segala permohonan daripada pihak rakyat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sudah lebih daripada 10 tahun masalah ini tidak boleh selesai. Mahu tunggu *by election* kah?

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, ikut peraturan. Saya tidak bagi jalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Hendak orang mati ADUN Barisan Nasional mati baru boleh selesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional yang dilantik oleh kerajaan itu terus untuk memperjuangkan masalah yang dihadapinya. Bukan satu masalah yang telah diselesaikan oleh Ahli Parlimen itu, maka tidak ada lagi masalah yang berlaku. Seperti di kawasan saya, jalan sudah buat tetapi ada satu hari itu rosak, maka saya suarakan di dalam Parlimen untuk memperjuangkan hak asasi rakyat. Inilah caranya proses sistem demokrasi yang telah diamalkan begitu lama kerana ada sistem demokrasi Parlimen di Malaysia....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.....

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: maka Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli dari DAP berpeluang dapat menduduki sebagai Yang Berhormat Dewan Rakyat ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau kata demokrasi, penjelasan.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tidak payahlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ahli-ahli... ini apa.....

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Nanti baru cakap.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini apa penjelasan....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *You* cakap liar sahaja.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa demokrasi ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kalau demokrasi bolehlah beri penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi tahu kemudian.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tadi pun sudah bagi penjelasan.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Demokrasi Malaysia masih....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *Don't abuse* demokrasilah....

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: ... masih kuat dijalankan yang mesti dipupuk oleh rakyat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Cakap sahaja demokrasi.....

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Maka itu sebab....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Cakap lompat-lompat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Maka itu sebab....

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: pilihan raya kecil di Machap dijalankan bagi peluang kepada pihak parti pembangkang untuk menjalankan ceramah-ceramahnya, peluang ceramah-ceramah atau dasar-dasar parti tersebut bagikan pandangan kepada rakyat, selepas itu rakyat akan tentukan. Tetapi, semasa undi dijalankan, tidak ada paksa untuk undi siapa. Itu hak asasinya seseorang untuk menentukan kebebasan untuk mengundi siapa. Maka itu calon Barisan Nasional di Machap telah dapat sokongan melalui proses sistem demokrasi sepanjang masa. Maka itu Ahli Dewan Undangan Negeri Bahau tidak setuju DAP keluar dari DAP. Itulah sebab.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat bagi Serdang pun keluarlah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat bagi Serdang pun keluarkan? Dahulu DAPkan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nafikan pada 34 tahun ini saya jadi Ahli DAP, tetapi saya sedar, DAP tidak boleh beri kebaikan muafakat kepada rakyat di kawasan Serdang.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]:*

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Sepanjang 34 tahun saya jadi wakil rakyat, rakyat Serdang telah menikmati pelbagai projek daripada kerajaan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Itu hak kita. Pembangunan hak kita.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Kalau tidak ada wakil rakyat perjuangankan, tidak boleh buat apa-apa lagi sebab bentangkan mesyuarat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Yang di-Pertua: Duduk Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Seperti bekalan tambahan di.... semata-mata untuk.....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kawasan Perdana Menteri pun menghadapi masalah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat... Yang Berhormat bagi Serdang....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*. untuk rakyatnya.

Tuan Yang di-Pertua: Nak beri peluang? Penjelasan?

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tidak payahlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Takutkah?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Takut?

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tidak takut punya. Sayadi kawasan

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Sampuk]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Kawasan Perdana Menteri pun menghadapi masalah banjir.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat menghinakan.

■ 1510

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat. Sila duduk.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Menghina Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Yang paling agung itu bertanding dalam pilihan raya, pilihan raya akan menentukan siapa wakil rakyat akan dicalon. Bagi saya, saya rela bertanding semula di kawasan Serdang

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Bersorak]*

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]:berhadapan dengan calon DAP tetapi tiap kalinya DAP kalah. Apa sebab, rakyat sekarang tahu...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Kena tipu.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: walaupun saya pernah sekali menjadi ahli DAP tetapi sebab saya bersetuju dengan dasar kerajaan maka saya masih bertanding balik di kawasan itu, rakyat masih sokong. *[Tepuk]* Apa sebab? Ini kerana prinsip saya telah memperjuangkan rakyat di kawasan itu. Ini adalah satu hakikat. Maka itu sebab DAP tiap kali kalah, kalah di kawasan Serdang. Inilah hakikatnya, sebab sistem demokrasi telah dijalankan, maka itu kita mesti menghormati. *[Disampuk]* Kalau melalui sistem undi di satu-satu kawasan itu tidak boleh diterima maka apa sebabnya dia berada di dalam Dewan sebagai wakil di Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah mengenai....

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Okey, Tuan Yang di-Pertua, saya

Tuan Yang di-Pertua: Dari sudut itu, cukuplah, ya.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Okey, terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Tumpukan kepada belanjawan.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini, saya berharaplah ada tiga kawasan di Jalan Persekutuan Laluan 3215 sedang menghadapi kesesakan, kemalangan yang berlaku. Masih terdapat kecacatan. Oleh itu saya harap pihak kerajaan untuk mengambil perhatian.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Ini kerana Laluan 3215 ini merupakan satu

Seorang Ahli: Hoi! Diamlah.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: ...jalan raya yang tidak mengikut standard JKR tetapi dikategorikan sebagai jalan JKR R3, standard R3. R3 ertinya hanya untuk jalan raya kecil sahaja tetapi sebenarnya laluan ini telah dijadikan jalan Persekutuan. Patut ia dinaikkan taraf, mempertingkatkan lagi tahap JKR R3, R4 atau R5 mungkin sampai R6, ikut peraturan JKR. Tetapi sehingga kini, masih tidak dapat. Tetapi pada 8 Oktober 2003, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah menyatakan di dalam Dewan ini bahawa pihak kementerian memang sedar kesesakan lalu lintas yang berlaku di Jalan Persekutuan laluan 3215 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 8 Jun 2004, Yang Berhormat Menteri juga telah menyatakan bahawa pihak kementerian telah melantik juru perunding untuk mengkaji sebahagian jalan, di mana sepatutnya dua lorong dua hala tetapi sebahagian daripada Laluan 3215 hanya satu lorong dua hala, begitu sempit, tidak setaraf dengan jalan Persekutuan. Maka itu, reka bentuk telah siap direka pada tahun 2004 tetapi apa sebabnya lambat untuk melaksanakan walaupun Yang Berhormat Menteri menyatakan setiap jalan raya mesti selesa dan selamat untuk pengguna. Tetapi apa sebab, mengapa demikian, ia tidak lagi. Saya pun hairan sebab, Tuan Yang di-Pertua, ini reka bentuk jalan tersebut sudah siap oleh juru perunding tetapi masih belum diusahakan dan dilaksanakan. Oleh sebab itu sebagai wakil rakyat di kawasan itu, saya terpaksa menyatakan melalui Dewan ini supaya pihak kerajaan akan menyatakan bahawa masalah belum selesai lagi. Silalah uruskan minta peruntukan untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain lagi yang berkaitan dengan pihak Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. telah mengumumkan pada 17 Mac 2006 tentang kadar tarif air bagi penghuni rumah pangsa, rumah kos sederhana, apartmen dan kondominium di Putrajaya, Kuala Lumpur dan Selangor akan dikurangkan daripada RM1.20 dan 70 sen bagi setiap liter padu dikurangkan kepada 7 sen yang beri kadar tarif air domestik yang rendah seperti pengguna di kediaman teres. Tetapi cadangan telah disuarakan begitu lama masih belum tahu. Bilakah kadar tarif di rumah pangsa, kondominium, apartmen dapat dikurangkan seperti mana dinyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, kerana juga satu lagi ini berkaitan dengan meter pukal atau *bulk meter* di rumah pangsa, di rumah apartmen, di rumah kondominium sepatutnya ditukar menjadi meter individual. Ini berkaitan dengan kadar tarif tersebut supaya pemindahan tarif yang terlibat

dengan kod-kod tarif 17 dan kod 18 ke kod 10 jadi domestik caj. Jadi, bilakah pemeriksaan akan dijalankan kerana ini terlibat dengan beribu-ribu rakyat yang tinggal di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor. Maka, itu saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan bila dapat tarif dapat dinikmati oleh rakyat di apartmen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah sungai dicemarkan. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor baru-baru ini mendedahkan bahawa syarikat pengurusan sisa kumbahan iaitu IWK menjadi penyumbang utama berlaku pencemaran sungai di negeri Selangor. Ini pasti menimbulkan rasa tidak selesa di kalangan pengguna bukan sahaja para pengguna di negeri Selangor terganggu, bahkan pengguna-pengguna di negeri lain yang urusan penyelenggaraan pembedungannya yang diletak di IWK, pasti tertanya-tanya mengapa perkara ini boleh berlaku.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Yang Berhormat bagi Serdang. Yang Berhormat bagi Serdang, adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan walaupun IWK adalah agensi kerajaan juga tetapi kalau mereka melanggar undang-undang dan peraturan yang kerajaan tetapkan maka saya kira harus bertindak untuk mendenda mereka ataupun untuk mengutip ganti rugi di atas pencemaran yang berlaku di negeri Selangor. Saya amat sedih, Tuan Yang di-Pertua, sebab akhir-akhir ini Selangor kesian, dengan banjirnya, dengan pencemaran airnya. Jadi, apakah agensi yang sepatutnya menjaga kebersihan dan sebagainya tetapi mereka pula bertindak lebih daripada syarikat swasta yang merosakkan alam sekitar.

Dan, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat, dalam ucapan Yang Berhormat kita tekankan bahawa tindakan undang-undang harus diambil kepada syarikat-syarikat yang melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih, Yang Berhormat. Pihak kementerian patut ambil tindakan. Tetapi ini kita serahkan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor kerana pencemaran sungai telah menjadikan gangguan bekalan air yang bersih. Ini adalah satu masalah. Tetapi IWK memikul tugas penting bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menikmati persekitaran yang bersih dan sihat menerusi sistem pembedungan yang diselenggarakan dengan baik.

Dengan demikian saya rasa kecewa kerana seperti Sungai Langat di kawasan seperti rawatan air Batu 11 Cheras. Tahun lalu dua kali dicemarkan tanpa menghentikan operasi dan gangguan air di kawasan Balakong. Dan, lagi pada tahun lalu dua kali lagi di Semenyih, rawatan air Semenyih terlibat dengan Putrajaya, air tidak ada lagi. Selepas pencemaran sungai itu maka terpaksa loji itu di tutup, penduduk-penduduk di sekitar kawasan Putrajaya dan Serdang tidak lagi mendapat bekalan air. Ini satu lagi masalah penting.

Tetapi pada awal tahun ini, di dapati lagi kena rawatan loji air di Batu 11 Cheras lagi tercemar. Maka itu, terpaksa tutup operasinya dan bekalan air terganggu, ini adalah satu masalah yang penting. Tetapi yang sebenarnya saya pun tidak tahu Kempen Mencintai Sungai telah berjalan beberapa tahun dan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit. Tetapi tiada hasil, masih lagi terdapat sungai-sungai yang masih tercemar di mana gangguan bekalan air yang bersih di kawasan negeri Selangor ini. Maka saya minta, apa cara dan langkah yang lebih sempurna lagi untuk mengatasi pencemaran sungai ini.

■ 1520

Saya anggap bahawa masalah pencemaran yang semakin meruncing, sudah sampai masanya untuk dijadikan program...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar [Larut]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin Bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Serdang. Saya rasa Yang Berhormat, masalah pencemaran sungai ini, saya tidak tahulah kita sudah bercakap di sini berkali-kali termasuk kes daripada Serdang.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Jabatan Alam Sekitar ini patut kita gerakkan balik. Macam *slow* sikitlah, tidak bertindak. Kalau Jabatan Alam Sekitar ini mengadu masalah penguat kuasa dan sebagainya, mesti dilakukan sesuatu. Pencemaran ini bukan perkara main-main. Kami boleh *receive* kesihatan, gangguan, ketenteraman cara hidup dan macam-macam. Akhirnya esok kita tidak tahu mana kita hendak tinggal, Tuan Yang di-Pertua. Sebab kita memerlukan kecantikan air sungai dan sebagainya tapi kalau Jabatan Alam Sekitar masih berdiam diri walaupun undang-undang ada, saya rasa masalah ini tidak selesai. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Apakah kita perlu lakukan sesuatu supaya Jabatan Alam Sekitar ini bertindak dengan lebih serius lagi. Hendak buat atau tidak buat, itu saja. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ini satu tanggungjawab yang sepatutnya dijalankan lebih baik oleh jabatan yang berkenaan. Tetapi sebenarnya masalah yang sering berlaku yang jadikan gangguan rakyat dan jadikan isu sosioekonomi di negara kita ini. Jadi sepatutnya program pemuliharaan sungai sebagai agenda utama adalah penting dijalankan. Saya juga minta satu penjelasan dari kerajaan bahawa bilakah tender atau tawaran akan dipanggil untuk menjalankan projek penyerahan air daripada Pahang ke Selangor. Banyak kenyataan yang dikeluarkan baru-baru ini telah mengelirukan orang ramai di negeri Selangor dan juga kita tidak mahu bangkitkan satu masalah isu yang di mana akan dijadikan isu politik di antara Pahang dan Selangor.

Oleh itu, saya mintalah pihak kementerian memberitahu status atau kedudukan yang sebenarnya projek yang dijalankan begitu lama kerana atas kekurangan air pada masa akan datang di negeri Selangor. Ini adalah projek yang penting perlu dijalankan dan bilakah ini

tawaran akan dipanggil untuk menjalankan projek demikian? Bilakah projek ini akan diselesaikan supaya dapat memberi bekalan air terus daripada Pahang.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setiap hari Parlimen yang berbahas di dalam Dewan Rakyat ini terutama sekali dari perbahasan Titah Ucapan, perbahasan bajet negara atau Perbekalan Tambahan. Setiap Ahli-ahli Parlimen mengemukakan soalan-soalan yang meminta pandangan-pandangan dan untuk mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan. Tetapi semasa penggulungan daripada Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, semasa untuk menggulung dan untuk memberi jawapan kepada soalan-soalan yang dibangkit oleh Ahli Parlimen tersebut tetapi masa tidak cukup bagi Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen untuk menjawab secara *detail*.

Oleh yang demikian ini, ia dijadikan satu isu. Banyak soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional, soalnya mendapat jawapan. Bagi setiap langkah yang diambil terutama sekali dasar-dasar kerajaan, perlu diberi satu penjelasan dengan lebih lanjut lagi supaya wakil-wakil Barisan Nasional boleh balik ke kawasan untuk memberi penjelasan. Oleh yang demikian itu, ini satu isu yang hendaklah diperbetulkan. Kalau soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Parlimen Barisan Nasional kepada pihak kerajaan untuk mendapat penjelasannya melalui forum ini, patutnya bagi masa yang cukup untuk memberi penjelasan supaya setiap soalan yang dikemukakan dapat satu jawapan dan boleh sampaikan kepada rakyat. Ini satu saluran kalau wakil rakyat Barisan Nasional telah menyuarakan banyak masalah di sini tidak mendapat jawapan, maka tidak tahu langkah apa yang diambil oleh kerajaan pada masa akan datang dan dengan demikian juga, masalah akan timbul.

Ini adalah satu perkara yang hendaklah dikaji semula cara mana untuk memberi jawapan semasa menggulung dasar untuk memberi jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Walaupun kadang-kadang masa tidak cukup dan akan diberi secara bertulis, tetapi surat 'bertulis' sampai juga. Oleh itu, prosedur demikian itu hendaklah dikaji semula supaya dapatlah institusi Parlimen yang dijalankan begitu baik ini lebih sempurna lagi pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil peluang di dalam perbahasan ini. Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur bahawa di dalam beberapa aspek kita tahu bahawa negara kita telah diuruskan dengan baik. Soal yang berkaitan dengan ekonomi negara telah bertambah baik, urus tadbir dan juga didapati bahawa FDI juga telah meningkat. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, didapati ada beberapa perkara yang juga menjadi pemerhatian rakyat dan juga menjadi rintihan rakyat. Terutama perkara yang pertama yang saya ingin katakan ialah soal yang berkaitan dengan pendatang asing tanpa izin (PATI).

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa soal pendatang asing tanpa izin ini boleh membawa mengganggu-gugat soal yang berkaitan dengan keselamatan, kesejahteraan,

keharmonian hidup rakyat dan juga kesihatan. Kita tahu bahawa soal untuk menangani pendatang asing tanpa izin ini memerlukan kerjasama soal yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan juga kerjasama yang kukuh dan kuat di antara agensi-agensi kerajaan.

Tetapi yang kelihatan di bawah Tuan Yang di-Pertua, didapati bahawa keadaan ini masih lagi sungguh berleluasa dan didapati bahawa di tempat saya sendiri, di depan mata penguat kuasa-penguat kuasa didapati bahawa terlalu banyak pendatang asing tanpa izin yang bukan saja sekarang ini boleh mengganggu-gugat soal yang berkaitan dengan keselamatan dan juga kita tahu bahawa jenayah-jenayah yang melibatkan mereka ini. Saya rasa ini memerlukan satu pemerhatian dan tindakan yang tegas daripada pihak kerajaan kerana kita khuatir bahawa ini boleh mengurangkan keyakinan rakyat kepada kerajaan. Kita juga tahu bahawa berbagai-bagai perundangan kita telah luluskan yang mana kita tahu kesemuanya itu kalau dijalankan dengan baik dan juga penguatkuasaannya itu secara keras dan serius, maka perkara-perkara ini kita dapat atasi.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa kita juga khuatir bahawa dari segi aspek kesihatan bahawa pendatang asing tanpa izin ini membawa penyakit-penyakit yang masih lagi penyakit-penyakit yang kita kira penyakit-penyakit yang terkebelakang. Contohnya penyakit-penyakit seperti penyakit demam kepialu, kolera dan kita tahu juga bahawa sekarang ini di Indonesia, di negara jiran kita bahawa mereka ini telah diserang oleh wabak selesema burung yang mana kita tahu bahawa 2/3 daripada kematian itu berlaku di Indonesia.

Jadi itu juga dikhuatiri bahawa ada di antara daripada mereka ini daripada golongan-golongan ini kalau tidak ada pemeriksaan kesihatan yang betul dan sebagainya, perkara-perkara ini boleh direbakkan kepada negara kita dan ini boleh menyebabkan kerugian yang amat besar dan belanja yang amat besar untuk menangani masalah-masalah ini. Kita tahu dengan jelas misalnya penyakit tuberkulosis meningkat, yang dahulunya kadarnya memang amat menurun tetapi oleh kerana permasalahan-permasalahan ini, penyakit ini meningkat kembali.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga membawa perhatian soal pendatang asing tanpa izin ini juga membawa imej yang tidak baik. Kita tahu misal kata gejala di mana mereka golongan yang meminta sedekah Tuan Yang di-Pertua, yang kita dapati berkeliaran di bandar. Apakah status kerakyatan mereka? Apakah tindakan tegas yang diambil oleh imigresen?

Kita tahu kalau rakyat asing ataupun pelancong asing datang ke negara kita, ini akan melihatkan imej kita yang begitu rendah. Di suatu aspek kita mengatakan bahawa negara kita maju dan rakyat kita makmur dan sebagainya, tetapi didapati bahawa ramai peminta-peminta sedekah dan kita tahu kebanyakan mereka ini adalah warganegara asing. Bukan itu sahaja, mereka terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah contohnya baru-baru ini kita tahu iaitu berita yang masih hangat bahawa seorang kanak-kanak telah diculik dan kanak-kanak diculik mungkin untuk tujuan kerja-kerja meminta sedekah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soal pendatang asing tanpa izin ini adalah satu perkara yang amat serius dan kita sering dengar keluhan yang begitu kuat daripada rakyat bawahan supaya masalah ini dapat diselesaikan dengan segera dan supaya kita tidak lagi menghadapi banyak masalah sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat juga merasa keluh kesah, contohnya isu mat rempit. Walaupun kita tahu bahawa polis sedang meningkatkan penguatkuasaan, didapati bahawa masalah ini dilakukan dengan terang-terang. Kita menuntut bahawa satu Akta atau Undang-undang yang lebih tegas supaya perkara ini dapat kita atasi dengan segera. Kalau tidak, kita dapati bahawa mula-mula mereka hanya membawa motosikal dengan cara berbahaya kepada diri mereka dan juga kepada pengguna jalan raya yang lain tetapi sekarang mereka telah terlibat pula dalam aktiviti-aktiviti yang berbentuk jenayah.

Kita tahu bahawa perkara ini juga iaitu soal gejala buruk mat rempit ini juga boleh dikaitkan dengan soal dadah. Ini juga satu perkara yang saya rasa telah banyak diperbincangkan dan memerlukan suatu pemerhatian yang cukup serius. Kita tahu bahawa penggunaan dadah seperti syabu digunakan oleh golongan muda dengan berleluasa dengan tujuan hiburan dan sebagainya juga digunakan sebelum sesuatu kejadian jenayah itu dilakukan.

Ini juga menuntut penguatkuasaan, pencegahan dan juga kerjasama daripada agensi-agensi yang berkaitan supaya kerjasama dapat diwujudkan dengan lebih baik.

Semalam Tuan Yang di-Pertua, apabila saya membaca berita yang dikeluarkan dalam surat khabar, hati saya terluka apabila saya membaca bahawa sekarang ini bilangan golongan wanita yang merokok telah meningkat dua kali ganda. Kalau dahulu golongan wanita yang merokok hanya 4% daripada semua perokok tetapi sekarang ini golongan wanita yang merokok telah meningkat kepada 8% iaitu sebanyak 480,000 orang.

Kita juga tahu bahawa Dewan Yang Mulia ini juga telah meluluskan berbagai-bagai program kesihatan, pencegahan dan sebagainya, tak nak lah dan sebagainya. Kita ingin tahu apa jadinya dengan program-program ini. Kita dapati bahawa bukan sahaja program ini gagal tetapi kita khawatir bahawa apabila lebih ramai kaum wanita itu merokok, ini juga boleh menyebabkan masalah sosial, masalah kesihatan dan juga berbagai-bagai masalah. Saya rasa ini menunjukkan satu petunjuk yang tidak baik, memerlukan satu perubahan yang serius, bagaimana masalah merokok ini dapat ditangani.

Sahabat-sahabat saya contohnya daripada Sepang, ada membangkitkan soal berkaitan dengan alam sekitar. Saya bersetuju bahawa soal pencemaran alam sekitar ini harus diambil tindakan dengan tegas dan serius. Kita selalu berkata soal berkaitan dengan alam sekitar tetapi sungai kita semakin lama semakin berada di tahap yang sungguh sakit sehingga sungai kita lama-kelamaan akan menjadi sumber air yang tidak selamat. Lama-kelamaan kos untuk merawat air akan menjadi lebih tinggi dan kita khawatir apabila kos merawat air semakin lama

semakin tinggi disebabkan punca-punca air dan sumber-sumber air yang sudah tercemar, yang akan membayar kepada kos ini ialah rakyat juga.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya rasa harus ada aktiviti yang lebih hebat daripada kementerian sendiri dan kementerian juga harus peka soal yang berkaitan dengan impak alam sekitar apabila sesuatu pembangunan itu berlaku. Impak alam sekitar yang berlaku kepada penduduk setempat. Contohnya baru-baru ini yang saya bangkitkan ialah impak alam sekitar dan impak sosial yang berlaku di Kampung Changkat.

Perkara ini seharusnya memerlukan pemantauan yang berterusan. Kita tidak mahu pihak kementerian hanya mengambil keputusan supaya perkara-perkara ini dibiarkan 100% kepada kontraktor sahaja tanpa diberi pemantauan yang wajar supaya keselamatan dan juga kesejahteraan rakyat di mana pembangunan itu berlaku tidak terjejas. Kita banyak melihat kalau sesuatu tindakan itu memerlukan kerjasama banyak agensi selalunya tindakan yang demikian gagal.

Kita tahu bahawa ini berlaku kerana tidak ada kerjasama yang baik di antara agensi-agensi yang terlibat. Saya contohkan suatu perkara yang begitu mudah, misalnya Majlis Tindakan Daerah. Majlis Tindakan Daerah ialah satu forum yang paling penting di mana sesuatu permasalahan itu dapat diselesaikan di peringkat akar umbi, di peringkat bawah. Tetapi sayangnya saya dapati bahawa sekiranya sesuatu Majlis Tindakan Daerah sekurang-kurangnya daerah yang melibatkan saya, kita dapati bahawa ketua-ketua jabatan sebagai contoh YDP itu sendiri jarang hadir. Yang mereka hantar hanyalah wakil-wakil kecil.

Itu sebabnya kebanyakan permasalahan di peringkat akar umbi yang mana dibincangkan di peringkat Majlis Tindakan Daerah, tidak dapat diselesaikan dan kita tengok pula walaupun Tuan Pegawai Daerah bertindak sebagai koordinator, tetapi kalau kita tengok skala dalam kerajaan ini kadang-kadang YDP itu lebih tinggi daripada mereka, jadi sukar kepada mereka untuk menegur.

Itu sebabnya saya merasakan bahawa kerajaan harus memastikan bahawa perlunya kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan dan ketua-ketua jabatan yang terlibat harus hadir. Barulah tindakan di peringkat akar umbi itu berkesan. Kalau tidak, permasalahan ini bukan sahaja tidak dapat diselesaikan tetapi diulang-ulang dari masa ke semasa walaupun perubahan tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa soal yang berkaitan dengan kesihatan oleh kerana kita sekarang ini menuju kepada negara maju, dan banyak perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek kesihatan ini memerlukan konsep pencegahan yang kuat. Kita sudah berubah. Kalau kita tengok di negara-negara maju, mereka sudah berubah daripada konsep

perawatan *charity medicine* sahaja. Tetapi mereka itu harus kukuh dan kuat dalam soal berkaitan dengan aspek perubatan pencegahan.

Oleh itu, saya melihat kesemua pakar kesihatan sehingga pada hari ini tidak diberi pengiktirafan yang setaraf dengan pakar-pakar klinikal yang mempraktikkan *charity medicine* ataupun perubatan rawatan. Mengapa ini berlaku? Tidakkah kita tahu bahawa soal berkaitan dengan merokok memerlukan kepakaran seorang pakar pencegahan awam, pakar kesihatan awam.

Soal berkaitan dengan HIV, menularnya HIV, berkaitan denggi, bukankah kepakaran kesihatan awam itu yang penting? Sehingga hari ini kita tahu bahawa pakar kesihatan awam hanya menerima 80% elaun kepakaran berbanding dengan pakar-pakar rawatan dari pakar klinikal seperti yang telah saya katakan tadi.

Ini saya rasa satu perkara yang serius dan perjuangan mereka adalah suatu perjuangan yang sungguh lama. Saya harap sesuatu perlu dilakukan, perubahan dilakukan agar mereka ini diberikan ganjaran serupa dengan pakar-pakar perubatan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya utarakan dan saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] : Yang Berhormat bagi Ipoh Barat.

3.39 ptg.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan beberapa perkara. Di antaranya ialah pembinaan rumah-rumah kos rendah di Jalan Sungai Pari Buntung, Ipoh di mana dikatakan lebih kurang 1,000 rumah kos rendah flat telah dibina.

Tahun lalu, apabila saya membangkitkan perkara ini, kerajaan telah memberitahu bahawa kerajaan bercadang selepas pembinaan ia akan dijual atau akan disewakan kepada pihak-pihak yang tertentu.

■ 1540

Saya difahamkan sekarang walaupun sudah lebih satu tahun hanya lebih kurang 20% sahaja telah disewakan kepada pihak-pihak yang ingin menyewa dan yang baki itu lebih kurang 75% tidak ada penghuni-penghuni dibenarkan masuk atau untuk menyewa atau membeli, walhal dasar kerajaan pada masa itu adalah *flat-flat* kos rendah ini dibina untuk pihak-pihak yang berpendapatan rendah. Apakah dasar dan sebab rumah-rumah ini belum lagi diberi kepada pihak-pihak yang ingin menduduki di tempat tersebut walaupun pihak-pihak berkenaan telah membuat permohonan kepada kerajaan dan kerajaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, minggu dulu saya ada telah bangkitkan mengenai Orang Asli di Kampung Sungai Chang di Bidor. Pada hari itu menteri berkenaan telah

memberi jawapan kepada saya dan mengatakan bahawa perkara itu adalah satu perkara berkenaan dengan *state matter* dan Kerajaan Persekutuan tidak terlibat.

Saya hairan, Tuan Yang di-Pertua, hari kemudiannya cepat-cepat dia pergi ke kampung tersebut, dia jumpa dengan Orang-orang Asli di sana dan selepas itu dia membuat satu rekaan dan buat satu cerita yang baru mengatakan bahawa walaupun dalam Parlimen beliau mengatakan beliau tidak ada kena-mengena dengan projek tersebut dan tidak tahu mengenai isu Orang Asli di Bidor, Perak itu tetapi beliau pergi ke tempat tersebut bukan sahaja telah berjumpa dengan pihak-pihak di sana di mana Orang-orang Asli telah memberi bantahan-bantahan mengatakan bahawa cadangan kerajaan negeri untuk membangunkan tempat turun-temurun Orang Asli itu lebih kurang 93 hektar itu, satu *ancient place* untuk Orang-orang Asli dan langsung tidak dibenarkan oleh Orang-orang Asli.

Walaupun sedemikian, selepas mendapat pandangan dan berbual-bual dengan mereka, beliau membuat satu *statement* kepada surat khabar mengatakan bahawa pada pandangan beliau dan pada pandangan Kerajaan Persekutuan, berkata bahawa projek tersebut di Sungai Chang itu adalah baik dan sepatutnya Orang-orang Asli patut juga terlibat dalam kemakmuran negara dan sepatutnya sudi untuk memberi tanah seluas 93 hektar itu untuk membangunkan sebagai satu tempat *botanical garden* yang terunik di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan, nombor satu macam mana di Parlimen beliau boleh mengatakan bahawa beliau tidak tahu apa-apa mengenai hal tersebut dan cepat-cepat dalam 24 jam lari ke tempat kawasan tersebut selepas saya membangkitkan perkara di sini dan terus membuat satu kesimpulan yang salah. Nombor dua, apakah pendirian Kerajaan Persekutuan? Walaupun saya tahu bahawa pada hari itu juga saya sudah beritahu bahawa Kerajaan Persekutuan telah memberitahu pandangan mereka kepada Orang Asli di sana bahawa baik kalau tanah itu diserahkan kepada kerajaan supaya dibuat satu *botanical garden*.

Tetapi yang mustahak adalah tanah itu kepunyaan Orang Asli. Tanah itu kita sebenarnya patut mendapat kebenaran daripada mereka. Bukan kalau dia tidak memberi, dia sahaja di paksa, dikatakan dia akan diheret ke mahkamah atau pokok-pokok durian dan pokok-pokok rotan yang ada di sana semua akan dihapuskan. Apakah satu diskusi dengan pihak-pihak Orang Asli di sana adalah untuk kepentingan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan?

Walaupun Raja Muda Perak telah pergi ke tempat tersebut lebih kurang enam, tujuh bulan dan masa itu beliau berpendapat bahawa tempat itu sangat sesuai, akan tetapi saya difahamkan pandangan beliau telah berubah selepas Orang Asli telah mengatakan bahawa mereka tidak berniat untuk membangunkan tempat tersebut. Lagi satu, kenapa kita perlu ada satu dasar untuk membangunkan? Seolah-olahnya pembangunan akan membawa kebaikan kepada semua.

Kita mesti memahami aspek Orang Asli – dia unik, dia *different*. Kita sepatutnya mendengar hasrat mereka. Tanah ini kepunyaan mereka. Sebenarnya kita patut mendapat

kebenaran dan bukan memaksa mereka memberi tanah-tanah tersebut kepada membangunkan *botanical garden*.

Tuan Yang di-Pertua, pada 9 hari bulan, empat Orang Asli telah melaporkan kepada pihak polis kerana laporan-laporan di surat khabar-surat khabar *Utusan Malaysia* yang membawa cerita yang tidak benar dan saya hendak tahu apakah tindakan yang telah diambil terhadap pemberita surat khabar Utusan Malaysia dan adakah empat Orang Asli yang membuat kenyataan *police report* di Balai Polis Bidor itu, tindakan susulan telah diambil.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu mengenai... Perkara ini telah dibangkitkan tetapi saya rasa perkara ini berbangkit-bangkit selalu. Ini mengenai ASTRO, Tuan Yang di-Pertua. Kerap kali bila ada *lightening* atau ada hujan lebat, tiba-tiba tidak ada saluran, tidak ada *airing of this reception* dan perkara ini selalunya, macam semalam di Ipoh lebih kurang setengah jam tidak ada. Apakah *compensation* yang akan diberi kepada pihak-pihak yang *subscribe* kepada ASTRO kerana jika tidak membayar yuran tiap-tiap bulan, satu hari lambat, dia bukan sahaja kena caj lambat bayar, dia juga akan dibatalkan perkhidmatan. Apakah ini dibenarkan? Apakah pandangan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi?

Sebagai akhirnya, saya hendak kata mengenai Kementerian Pelajaran, Tuan Yang di-Pertua. Ini mengenai kekurangan guru-guru di sekolah Cina dan Tamil. Saya rasa perkara ini saya telah bangkitkan beberapa kali dan mengatakan juga demonstrasi-demonstrasi yang telah diadakan di Ipoh pada tahun dulu, lebih daripada 400 ibu bapa telah datang ke Jabatan Pelajaran dan memberi memorandum-memorandum yang tertentu. Di antaranya mengatakan kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah Tamil dan Cina di negeri Perak.

Saya difahamkan walaupun satu sesi sudah habis dan sesi yang baru tahun ini telah mula, akan tetapi tidak ada cukup guru juga. Apakah tindakan oleh kerajaan supaya lebih guru-guru yang berkelayakan akan dilantik? Kita ada banyak orang yang keluar daripada universiti yang ingin menjadi guru. Apakah sebab kerajaan tidak ingin melantik mereka untuk mengisi tempat-tempat ini, lebih-lebih lagi di sekolah Tamil dan Cina. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Lipis.

3.47 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon menyokong untuk Anggaran Perbelanjaan Tambahan ini terutamanya saya melihat Parlimen ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Parlimen Pertama kita mempunyai lebih kurang 104 orang Ahli Parlimen pada masa itu dan ia bertambah dari masa ke semasa dan sehinggalah kepada Parlimen Kesebelas kita mempunyai 219 orang Ahli Parlimen. Ini tidak termasuk Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimanapun kita lihat kemudahan-kemudahan yang ada di Parlimen ini masih tidak bertambah. Bangunannya masih bangunan yang sama dan apa sahaja proses yang berlaku masih lagi di dua bangunan podium dan bangunan menara. Jadi kalau kita lihat dari segi keselesaan tempat, kalau kita lihat anggota-anggota pentadbiran, Tuan Yang di-Pertua, apabila mereka berbincang dengan pegawai-pegawai mereka, mereka tidak ada bilik khas. Kadang-kadang mungkin apa-apa yang diperbincangkan sebelum menjawab pertanyaan dan sebagainya ini, perkara-perkara yang sulit dan sebagainya, jadi saya mencadangkan supaya bilik-bilik khas ini disediakan.

Begitu juga dengan bilik-bilik khas untuk Ahli-ahli Parlimen, mungkin hendak menjalankan urusan-urusan yang lain supaya mereka tidak perlu meninggalkan kawasan Parlimen ini. Kini mungkin ada empat bilik sahaja yang agak terbuka untuk Ahli-ahli Parlimen, namun saya percaya perkara itu tidak mencukupi. Berdasarkan pertambahan Ahli Parlimen ini, dengan ruang yang ada, rasanya mungkin tidak lama lagi Dewan ini sendiri pun selepas pertambahan Dewan Parlimen Keduabelas, mungkin akan ada pertambahan lagi Ahli Parlimen kerana berlaku perubahan kawasan di Sarawak dan selepas itu Dewan ini akan menjadi penuh dan kita mungkin terpaksa memikir bagaimana hendak mengubah suai Dewan lagi.

■ 1550

Dan dari segi staf-staf yang menyokong Ahli Parlimen juga untuk menjalankan tugasnya rasa saya staf ini perlu juga ditambah dari semasa ke semasa. Kini berlaku perubahan, alhamdulillah untuk Parlimen Kesebelas ini kita telah mendapat pegawai-pegawai penyelidik tapi mereka ini bersifat sementara iaitu bersifat kontrak .

Mungkin ada juga keperluan supaya pegawai penyelidik ini dilantik sebagai pegawai-pegawai tetap. Dengan cara ini mereka boleh memberi komitmen yang lebih kepada kerja mereka tidaklah terpaksa memikir selepas dua, tiga tahun ke mana mereka hendak pergi dan sebagainya.

Dan dari segi kemudahan pula rasa saya perlu ditambahkan, terutama macam sekarang ini kalau kita lihat pegawai-pegawai kerana kita selalu bersidang sampai larut malam. Tetapi pegawai-pegawai terpaksa juga menunggu sampai larut malam, mereka ni tak ada tempat nak balik dan sebagainya. Kalaulah ada perumahan di kawasan ini rasanya perlu, ini bagi menjaga integriti Parlimen dan seterusnya menjamin Parlimen sentiasa dihormati .

Berikutnya saya ingin menyentuh pula tentang Kementerian Pelajaran. Dari segi Kementerian Pelajaran saya melihat ITNM atau Institut Terjemahan Negara Malaysia rasa saya terletak di bawah Kementerian Pelajaran. Dia ditubuhkan menyambung sebahagian tugas daripada Dewan Bahasa dan Pustaka dalam bidang terjemahan negara.

Jadi diwujudkan institut ini pertamanya untuk menjalankan kerja-kerja terjemahan. Terutamanya pada masa itu berkaitan dengan terjemahan dalam bidang Sains dan Teknologi yang kita rasa pada masa itu sangat diperlukan. Namun begitu, sekarang ni oleh kerana sekolah

bidang Sains dan Teknologi telah bertukar kepada bahasa Inggeris mungkin kerja-kerja terjemahan itu beralih pula dalam bidang-bidang yang lain.

Bagaimanapun saya tak nampaklah ITNM atau Institut Terjemahan Negara Malaysia berfungsi cara yang betul. Mungkin mereka ni diletak di bawah Akta Syarikat dan saya rasa kerja-kerja ini bukanlah kerja yang boleh mendatangkan keuntungan. Setakat inilah di Malaysia saya tak tau lah di tempat-tempat lain.

Jadi sebab itulah, untuk mereka untuk meniaga dalam bidang terjemahan ini rasa saya tak nampak dengan jelas. Buku-buku yang di terjemah juga saya rasa tak nampak sangat dalam pasaran . Jadi saya mohon agar Kementerian Pelajaran memikir balik tentang perkara ini. Dan melihat balik fungsi dan tanggungjawab Institut Terjemahan Negara Malaysia ini, adakah mereka mampu berdiri sendiri sebagai sebuah syarikat ataupun terpaksa duduk sebagai sebuah perbadanan dalam kerajaan agar tugas dan tanggungjawab mereka lebih efisien.

Dan dari segi bidang perguruan pula saya berharaplah supaya apa saja yang dibuat, apa saja dari segi penstrukturan semula yang dibuat sepatutnya perlu memikir tentang kebajikan dan tentang masa depan guru-guru dan jangan melemah semangat sesiapa.

Kadang-kadang kita di peringkat atas, kita berfikir tetapi kita tidak melihat apa yang berlaku di peringkat akar umbi. Jadi kita hanya buat saja perubahan dan kita mengharap orang lain ikut perubahan kita dan kalau mereka tak nak ikut, kadang-kadang ketua dia atas memaksa. Jadi keluhan-keluhan begini kita harap tidak kedengaranlah di dalam institut perguruan.

Dan tadi kalau kita lihat Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan dalam bulan lima nanti ada pengumuman yang baik tentang bidang perguruan ini. Saya berharap perkara ini berlaku kerana bagi saya untuk sesebuah negara maju dan membangun sektor perguruan, guru-guru perlu diberi tempat yang baik. Kerana kita yang ada di sini pun asalnya di latih dan diajar oleh guru.

Berikutnya saya ingin menyentuh juga tentang KEMAS. Tuan Yang di-Pertua, KEMAS merupakan satu agensi kerajaan yang bertanggungjawab di peringkat akar umbi. Namun begitu kadang-kadang apa yang saya fikirkan, KEMAS ini mereka tidak cukup kakitangan. Masih ada lagi kakitangan yang bersikap kontrak walaupun ada yang telah menjadi pegawai kerajaan yang di lantik secara tetap.

Namun begitu kadang kala pegawai-pegawai yang telah di lantik tetap pun tidak memahami hasrat kenapa KEMAS ini diwujudkan, dan apakah peranan yang perlu di mainkan oleh KEMAS ini. Kerana bagi saya KEMAS ini adalah satu agensi yang paling dekat dengan masyarakat dan paling dekat dengan penduduk luar bandar. Ia haruslah diberi peranan yang jelas terutamanya mengendalikan hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat.

Dan sekarang ini kita lihat, Kementerian Luar Bandar ini mereka banyak projek yang dilaksanakan di peringkat luar bandar tetapi mereka tidak mempunyai agensi yang paling dekat. Jadi di luar bandar agensi yang paling dekat saya rasa..

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]:...saya rasa KEMAS selain daripada Jabatan Orang Asli dan sebagainya. Jadi kita berharaplah kerajaan memberi perhatian perkara-perkara ini.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Lipis saya nak rujuk tentang dan nak mintak pandangan Yang Berhormat tentang KEMAS .

Yang Berhormat kata KEMAS perlu melibatkan diri kepada program-program kemasyarakatan. Dalam masa yang sama KEMAS terlibat dengan tadika-tadika dan sebagainya. Dan seperti Yang Berhormat kata KEMAS serba kekurangan dari segi kewangan dan sebagainya. Dari segi soal tadika misalnya, KEMAS ada tadika Kementerian Pelajaran ada prasekolah, Kementerian Perpaduan ada tadika perpaduan. Terlampau banyak penglibatan dalam program-program prasekolah ini tetapi objektifnya sama.

Kalau kita lihat di antara pra sekolah di sekolah kerajaan dengan KEMAS nampak jauh lebih baik di prasekolah. Kerana seperti Yang Berhormat beritahu tadi KEMAS kekurangan kewangan dan sebagainya. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju kalau KEMAS tadi di kawasan yang ada prasekolah tidak perlu lagi ada tadika KEMAS .

KEMAS perlu tumpukan di kawasan-kawasan yang tidak ada sekolah yang mempunyai pra sekolah. Dengan itu wang KEMAS itu baik digunakan untuk program-program kemasyarakatan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Kerana tak logik dalam satu kampung ada tadika KEMAS dan dalam masa yang sama ada prasekolah di sekolah kebangsaan. Dari segi suasana sekolah lebih baik kalau anak-anak tadi belajar di prasekolah tak payah belajar di tadika KEMAS.

Jadi tumpuan kepada KEMAS biar program-program kemasyarakatan, tidak di tadika-tadika.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat, ada saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tapi ada juga kita boleh pertimbangkan semula.

Sebenarnya saya rasa peranan yang dimainkan oleh KEMAS ini sepatutnya berbeza dengan peranan yang dimainkan oleh prasekolah tabika KEMAS. Prasekolah ini bagi saya adalah paras umur yang betul-betul nak masuk sekolah dah. Kerana mereka berada di sekolah selama setahun sahaja dan selepas itu terus ke sekolah .

■ 1600

Tapi bagi tabika KEMAS sepatutnya sebelum itu lagi, sebelum daripada prasekolah itu lagi. Di mana didikan awal dan sebagainya dalam konsep bermain. Ini kerana kanak-kanak pada peringkat umur ini belajar sambil bermain dan sambil makan. Jadi dengan cara itu barulah dapat dipulihkan. Tapi apa yang merisaukan saya kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua ialah guru-guru

atau pun pengajar-pengajar di tabika KEMAS ini. Sejauh mana mereka terlatih untuk mengendali

...

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: ...kanak-kanak pada peringkat umur itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak beri jalan kepada Yang Berhormat bagi Maran.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Jadi itu yang menjadi perkara yang sedang saya fikirkan, sila Yang Berhormat bagi Maran..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat bagi Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Parlimen Lipis. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Lipis kerana serius tentang masalah KEMAS ini, tabika KEMAS dan juga terima kasih kepada kerajaan kerana usaha yang dibuat amat baik untuk kita menyediakan modal insan bagi memenuhi hasrat kerajaan. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat kerana saya ditemui oleh beberapa orang guru KEMAS. Di mana sekarang ini saya dimaklumkan syarat baru telah di tetapkan oleh KEMAS.

Di mana guru-guru yang hendak mengajar ini sebagainya mesti ada lima kredit SPM. Dan saya di maklumkan mereka ini dikehendaki kalau tidak ada lima kredit ini dikehendaki ambil periksa semula SPM sedangkan sebahagian daripada guru ini sudah lama bekerja. Pengalaman mereka telah banyak. Tidak semestinya guru yang ada semua *A1* sebagainya mempunyai kerja yang baik. Tetapi mereka yang berpengalaman kadang-kadang lebih baik kerjanya dengan orang yang baru tetapi mempunyai kelayakan yang tinggi. Saya hendak mencadangkan kepada kerajaan kerana ini telah menjadi kerisauan kepada guru-guru sebahagian guru-guru ini, saya hendak mencadangkan kalau boleh supaya KEMAS pihak kerajaan menetapkan bagi mereka yang telah bekerja pengalaman sekian tahun supaya mereka ini diberikan pertimbangan khas untuk terus kekal sebagai guru KEMAS.

Sementara orang baru yang hendak masuk baru diberikan syarat baru. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat tidak boleh beri pandangan kerana Yang Berhormat bukan daripada kementerian tapi masukkan kalau boleh sebahagian ucapan saya kalau, berikan sokongan kepada saya supaya kita mempertahankan peranan guru-guru ini yang telah lama bekerja dengan KEMAS. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat daripada Maran. Sebenarnya bagi saya Tuan Yang di-Pertua, sepatutnyalah kita tidak mudah menukar-nukar orang. Walau pun kita ada syarat-syarat yang baru tetapi guru-guru atau pun pembimbing-pembimbing, pemaju-pemaju masyarakat dalam bidang tabika di KEMAS ini perlu

kita beri perhatian. Dan bagi mereka sebenarnya kadang-kadang kita tidak perlulah memaksa mereka ini mesti ada lima kredit, mesti ambil peperiksaan semula dan sebagainya kerana guru, bagi saya guru ini bukan sahaja dari segi pengetahuan dari segi akademiknya tetapi *attitude* untuk menjadi guru itu biasa patutnya mesti ada.

Bukan sahaja guru di dalam KEMAS tapi semua gurulah. Bagi saya sebab itulah sebenarnya untuk menjadi guru tidak semestinya kelayakan akademik menjadi perkara yang utama kerana perkara ini boleh dipelajari dan sebagainya tetapi *attitude* untuk menjadi guru. Jadi bagi guru-guru KEMAS tadi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Maran, yang telah sendiri menjadi pemaju masyarakat bidang tabika, tabika KEMAS kanak-kanak dipanggil dan sampai mereka bersara. Tidak bolehlah kita sampai kontrak lima kredit kita hendak gugurkan dia atau pun kita paksa ambil peperiksaan dan sebagainya. Sebab terutamanya kalau bermain dengan kanak-kanak ini, rasa saya hendak mengajar kanak-kanak ini bukanlah sesuatu perkara yang mudah kerana memerlukan kesabaran dan sebagainya. Dan rasa saya KEMAS ini tidak sahaja dengan tabika. Walau pun tabika KEMAS ini merupakan satu daripada yang popular di kampung-kampung dan peringkat luar Bandar. KEMAS ada kelas-kelas yang lain dan sebagainya sebagai Pegawai Pemaju Masyarakat. Dan nama KEMAS di sini sebenarnya Jabatan Kemajuan Masyarakat, pembinaan modal insan dan sebagainya.

Namun begitu saya hendak mencadangkan kepada Kementerian emajuan Luar Bandar oleh kerana KEMAS tadi merupakan satu-satunya sebenarnya jabatan atau agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar yang ada di daerah-daerah terutamanya. Jadi kita letakkan mereka di situ ada *technician*, jurutera dan sebagainya terutama untuk mengendalikan projek-projek yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Kemajuan Luar Bandar. Sekarang ini kalau kita lihat projek-projek tersebut ditumpangkan kepada pejabat daerah ataupun Jabatan Kerja Raya. Dan kadang kala Jabatan Kerja Raya dan pejabat daerah ini mereka mempunyai banyak perkara yang perlu dilakukan.

Sebab itulah kadang-kadang kita lihat pemantauan terhadap projek-projek yang diberi oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar ini tidaklah seberapa kalau dilaksanakan oleh pihak..... sebab itulah saya hendak cadangkan supaya tambahan pegawai dibuat di KEMAS terutamanya dalam mengendalikan projek-projek yang lain di luar bandar. Dengan pendekatan modal insan yang kita amalkan sekarang ini peranan KEMAS itu sepatutnya dipertingkatkan lagi kerana dia merupakan agensi yang digunakan untuk memajukan masyarakat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Maran, Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Ya, sila.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Sedikit sahaja saya hendak beri pandangan. Menyentuh projek di luar bandar yang melibatkan KEMAS. Saya minta...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan yang di-Pertua, kalau boleh Yang Berhormat kemukakan kepada kerajaan kementerian kerana saya perhatikan banyak pejabat-pejabat KEMAS, tabika-tabika KEMAS ini yang keadaannya memang tidak sempurna, kalau boleh saya minta kita cadangkan supaya kementerian ini merancang betul-betul supaya tabika-tabika KEMAS ini bukan sekadar menumpang di balai raya dan sebagainya wujudkan khas. Kerana ini pendidikan asas yang perlu dibuat. Dan begitu saya minta Yang Berhormat kalau boleh minta Kementerian Luar Bandar ini, di Maran contohnya pejabat KEMAS tidak ada lagi. Saya minta supaya pejabat baru disediakan bagi KEMAS Maran. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Maran itu dan saya memasukkan ucapan atau celahan daripada Yang Berhormat bagi Maran itu sebagai ucapan saya. Kerana bagi saya dua perkara yang mesti ada dalam kita hendak memajukan masyarakat.

Pertamanya kemudahannya. Kalau sudah duduk di balai raya lama, menumpang rumah orang dan sebagainya dan lebih itu bagaimana kita hendak semangat untuk membangunkan modal insan. Dan yang keduanya adalah dari segi guru-guru dan jurulatih juga mestilah berkelayakan dan sebagainya. Sekarang saya hendak pergi pula kepada Kementerian Pertanian, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Saya hendak tambah satu lagi, dua itu tidak cukup saya rasa hendak memajukan masyarakat. Satunya fizikal dari segi tempat tadi yang Yang Berhormat bagi Maran sebut, saya sokong. Fizikal *development*, tempat yang selesa. Yang keduanya guru yang terlatih. Yang ketiganya peralatan yang cukup kalau hendak masuk satu lagi, duit yang cukup. Dua perkara, setuju tidak? Apa pandangan Yang Berhormat bagi Lipis?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Jadi kita tidak apa kita setuju dengan apa yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas situ, di mana duit cukup peralatan, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh ya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas pula silap. Mungkin selepas ini Yang Berhormat bagi Pasir Mas pun jadi kawan kita daripada pembangkang dia mungkin datang ke kerajaan sebab itu saya selalu sebut Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Jadi...

Dato' Ahmad Raja Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Minta penjelasan sedikit Yang Berhormat bagi Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Ya.

Dato' Ahmad Raja Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya terkejut ini sebab apabila dikatakan pejabat KEMAS menumpang di balai-balai raya, saya, ini satu perkara yang

perlu diberikan pemerhatian yang serius oleh pihak KEMAS, adakah lagi. Yang kita tahu pejabat KEMAS ini, sekoman-komannyalah di pejabat penghulu atau pejabat daerah tapi kalau pejabat KEMAS menumpang di balai raya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahulah mungkin di Sipitang pun tidak ada lagi.

Di mana ini Yang Berhormat kalau boleh, kalau dia ada kita kena perbetulkan kerana mereka merupakan satu nadi agensi terpenting sebagai penghubung kerajaan dengan rakyat. Jadi minta Yang Berhormat bagi Lipis, kalau ada kita kenalah minta perkara ini diselesaikan. Saya, ini perkara yang cukup serius kalau ada pejabat KEMAS masih ada lagi terpaksa menumpang, yang saya tahu tidak ada. Bahkan lagi kita berbangga pada hari ini kerana ada Pusat Giat KEMAS yang didirikan di kawasan-kawasan Parlimen. Barangkali saya rasa Yang Berhormat bagi Lipis mungkin pusat jagaan *nursery* dengan izin atau pun tabika KEMAS.

■ 1610

Kalau yang ini saya hendak cadangkan sedikit Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kehilangan seorang kanak-kanak bernama Yin. Kita kena ambil iktibar, itu yang ada keluarga bawa pergi ke *shopping* kompleks, hilang. Ini bagaimana yang di bawah jagaan oleh agensi-agensi lain, anak-anak orang ini. Apakah langkah-langkah keselamatan kita tak tahu. Yang Berhormat hantar anak atau cucu Yang Berhormat misal kata tiba-tiba hilang. Tak boleh main-main ini.

Jadi barangkali kita boleh cadangkan, saya hendak cadangkan minta supaya Yang Berhormat mungkin bersetuju kelas-kelas tadika, kelas-kelas bimbingan, *nursery* milik kerajaan terutamanya mesti ada satu langkah-langkah keselamatan sekurang-kurangnya kawalan supaya tidak berlaku berulang kehilangan kanak-kanak seperti yang berlaku ke atas Yin yang hari ini kita bersyukur.

Tuan Yang di-Pertua sepatutnya kami ini Ahli-ahli *Backbenchers* dengan izin hendak buat sesuatu hendak menyebarkan poster sebenarnya betul kerana kita memang simpati. Tapi alhamdulillah mungkin barangkali usaha-usaha itu ada kebaikan sudah jumpa. Jadi alhamdulillah. Jadi mungkin Yang Berhormat setuju supaya kelas-kelas tadika KEMAS ini selain kita hendak pastikan bangunannya bangunan yang baik, keselamatannya juga turut dibuat dan ditempatkan di bangunan-bangunan yang lebih teratur dan tersusun bukan lagi menumpang. Jadi maknanya bukanlah pejabat Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut. Memang saya katakan tadi bukan pejabat kecuali di Maran rasanya pejabat KEMAS tak ada lagi. Ya, pejabat KEMAS tak ada lagi di Maran. Kita harap.....

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Jadi kita perlukan pejabat baru.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua, boleh? Saya timbulkan tadi masalah tabika. Yang Berhormat bagi Larut mungkin tak berapa jelas. Ada sebahagian tabika ini ditempatkan di balai raya, jadi menumpang. Sedangkan tabika KEMAS pra sekolah ini kita hendak beri pendidikan anak-anak. Sebab itu kalau pendidikan asas kita tak berikan perhatian yang serius macam mana anak-anak hendak selesa belajar. Sudah tentu kita tak dapat melahirkan modal insan yang baik. Sebab itu saya hendakkan supaya kementerian berikan perhatian kalau boleh wujudkan, kita tahu memang selagi ada manusia selagi itulah anak akan lahir. Maksudnya sekolah perlu ada. Sekolah yang sempurna, yang selesa perlu ada dan yang kedua tadi pejabat KEMAS tadi. Dahulu pejabat KEMAS ada di Jengka dan bangunan itu ada sekarang ini bila kita sudah pecahkan sempadan Kuala Krau dengan Maran ini maka sudah berasinglah dan di Maran itu adalah pejabat lama. Saya hendak minta kerajaan berikan perhatian sebab tenaga pekerja KEMAS ini orang yang banyak pengalaman dan telah banyak berjasa kepada kerajaan. Saya minta supaya buatlah bangunan yang baru yang lebih cantik. Terima kasih.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Bagi saya KEMAS ini sebenarnya disusun mengikut kawasan Parlimen. Begitu juga macam di Lipis dahulu kita ada kawasan Parlimen Lipis sahaja termasuk Cameron Highlands. Jadi sekarang ini kita ada Parlimen Lipis dan Parlimen Cameron Highlands. Tapi sebahagian daripada Cameron Highlands itu terletak dalam daerah Lipis. Jadi di Lipis itu terpaksa juga bukan sahaja dalam Parlimen Lipis KEMAS terpaksa berkhidmat tetapi juga dalam Parlimen Cameron Highlands. Jadi ini kadang-kadang menyebabkan ada kecelaruan sedikit. Jadi apa yang kita harapkan supaya KEMAS ini dapat disusun semula mengikut kawasan Parlimen yang ada dan bangunan-bangunan pejabat perlu dibuat semula bagi mengikut pada susunan kawasan Parlimen itu.

Jadi dari segi pertanian di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ini saya mengucapkan tahniah kerana ada peruntukan untuk Skim Usahawan Tani Komersial Siswazah. Walaupun ada skim-skim lain yang dibuat. Namun begitu apa yang saya harapkan Bank Pertanian ini betul-betullah memberi perhatian yang serius dalam membangunkan usahawan tani komersial siswazah ini kerana saya rasa banyak juga siswazah di tempat saya yang masih menganggur dan sebagainya yang minta hendak menjalankan perniagaan atau mulakan program pertaniannya, bila saya cadangkan pergi ke Bank Pertanian ada kata ada masalah untuk mendapatkan itu kerana mereka hendakkan kolateral. Mereka hendakkan ada penjamin dan lain-lain.

Jadi kesannya sukar untuk mereka hendak memulakan program ini dan saya berharap supaya perkara ini dari segi syarat-syaratnya difikirkan semula dan dipertimbangkan supaya memudahkan proses dan dengan cara ini mereka ini dapat menjalankan program tersebut.

Begitu juga saya hendak sentuh Kementerian Pengangkutan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan ini sekarang ini kalau kita lihat projek kereta api membaik pulih landasan dan sebagainya dan mengukuhkan landasan. Bagi saya ini sangat perlu dan sekarang kita sudah dengar ada projek *double tracking*. Ini telah disambung semula daripada Padang Besar ke Kuala Lumpur, daripada Kuala Lumpur mungkin ke Singapura.

Jadi saya minta Kementerian Pengangkutan memberi perhatian juga kepada sistem pengangkutan kereta api yang ada di Pantai Timur daripada Tumpat ke Gemas yang mana ia juga menjadi satu daripada sumber perkhidmatan rasa saya. Begitu juga oleh kerana ada lagi tempat-tempat di Pantai Timur ini terutama dalam kawasan Parlimen Lipis yang tidak diliputi oleh perkhidmatan jalan raya sepenuhnya jadi mereka juga bergantung kepada perjalanan kereta api.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Jadi apa yang saya harapkan selain daripada membaik pulih landasan kereta api ini perlu juga dilihat pada jadual perjalanan kereta api. Sila Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Lipis. Saya terpaksa bangun apabila dengar kereta api. Sejak saya jadi Ahli Parlimen ini sudah lima kali saya naik kereta api daripada Kuala Lumpur sentral sampai ke Wakaf Bharu kerana selesa. Dia bagi bilik. Satu bilik dengan isteri kunci bilik boleh tidur. Selesa Tuan Yang di-Pertua. Insya-Allah Tuan Yang di-Pertua tak lama lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau tak kunci tak boleh tidur?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tak boleh tidur. Selesa ada karpet, ada bilik air yang cukup, tempat sembahyang. Tapi saya minta KTM tolong tukar kepala kereta api itu. Cari yang canggih sebab pernah saya tergendala pukul 11.00 pagi sampai. Biasa 7.30 atau pukul 9.00. Paling lewat pukul 9.00.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Fasal kepalalah?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tapi ini dekat pukul 12.00 rupanya tanya-tanya pihak kereta api kepala tak baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kepala tak baik.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Lokomotif.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tukar sebab ini sudah menjadi *transport* yang dikatakan *public transport*.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Lokomotif.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ha?

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Lokomotif.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak suruh jadikan sebahagian ucapan saya ini kepada Yang Berhormat bagi Lipis. Tren ataupun kereta api yang dok berjalan daripada Gua musang ke Wakaf Bharu dia ada dua local mereka panggil atau *internal*. Yang ini ada tandas tak ada air. Tengok lebih kurang dengan reban ayam macam mana. Minta maaf dengan izin. Reban ayam macam mana?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Fahamkah itu? Tak faham itu.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Faham. Jadi kita hendak supaya tukar biar selesa sebab pelancong-pelancong 2007 ini saya jumpa atas kereta api. Naik kereta api dia seronok. Saya tanya *are you happy? Yes, I'm happy*, dia kata. Dia seronok tapi biarlah selesa kereta api kita sebagai *transport* yang untuk dijadikan sebagai *public* dan untuk *international*. Ini baru *world class*. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kepala hendak tukar.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Jadi minta masukkan celahan itu sebagai ucapan saya masukkan. Memang benar saya rasa kereta api ini selain daripada landasan dan sebagainya gerabak dan lokomotif itu juga perlu diperbaiki. Saya pernah sebenarnya juga mengalami nasib yang sama dengan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya naik kereta api daripada Kuala Lumpur ke Wakaf Bharu naik mel malam. Pergi selesa sampai tepat pada masanya.

■ 1620

Hanya kadang-kadang oleh kerana jalannya yang tidak baik, landasan yang tidak baik di sebelah Pantai Timur, jadi kadang-kadang kita tersentak. Tengah tidur lena ia mengengjut, bila mengengjut kita terjaga. Jadi sampai di sana, agak letih sikitlah. Tapi bila balik, saya pun terlena mungkin kerana keletihan, tidur sedang elok, saya terjaga pada pukul 4.00 pagi. Tengok-tengok masih lagi tidak bergerak. Saya tengok Stesen Tampin ataupun sebelum Tampin, selepas itu saya terlelap balik. Terjaga pukul 6.00 pagi, Stesen Tampin lagi, masih lagi di Tampin. Saya kata apa pukul 5.00 pagi sampai pukul 6.00 pagi? Pada pukul 7.00 pagi pun saya tunggu, masih lagi di Tampin sampai pukul 8.00 pagi. Lepas itu saya bertanya mengapa. Rupanya kerana lokomotifnya rosak. Lokomotif rosak dan terpaksa datang pula daripada Kuala Lumpur untuk tarik.

Jadi saya sampai ke Seremban pada pukul 10.00 atau 11.00 lebih. Jadi kebetulannya dalam kereta api oleh kerana sudah lama sangat, ada yang menggunakan air. Bekalan air dalam kereta api sudah kering, jadi kita susah untuk menggunakan tandas dan sebagainya. Sampai di Seremban, pegawai di dalam kereta api kata, "Encik, kalau hendak turun dan hendak cepat, lebih baik turun di Seremban, naik pula komuter. Naik komuter lebih laju lagi sebab kereta api ini tidak tahu lagi pukul berapa, pukul 1.00 atau pukul 2.00 baru bertolak. Jadi siapa tunggu memang

naya". Jadi kita terpaksa pula memunggh barang-barang dan sebagainya. Jadi rasa saya, Kementerian Pengangkutan kena fikirkan juga perkara ini, maknanya ia dibuat seimbang.

Perkhidmatan kereta api sebenarnya di sebelah Pantai Timur seperti di Kelantan dan di Pahang memang untuk *local* itu masih sangat diperlukan. Jadi kita berharaplah jadual kereta api dibuat dengan memikirkan tentang keperluan masyarakat setempat. Kerana ini bagi saya merupakan perkhidmatan masyarakat yang sangat perlu kita adakan kerana tempat-tempat ini masih belum ada lagi kemudahan jalan raya yang sempurna. Kalau ada pun, mungkin tidak memenuhi masa yang hendak digunakan oleh masyarakat dan sebagainya untuk pergi ke bandar.

Jadi rasa saya setakat itu dahulu sebab ada kawan-kawan lain hendak bercakap. Jadi saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

4.22 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk membahaskan rang undang-undang yang berkaitan dengan Akta Perbekalan Tambahan 2006 yang melibatkan sejumlah wang lebih kurang RM19 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, setiap kali kita membahaskan tentang perbelanjaan, kita akan mempersoalkan tentang sistem penyampaian dan sistem pengagihan. Apakah wang yang telah dibelanjakan itu berbaloi atau tidak dan sebagainya? Dari segi sistem pengagihan, kadangkala kita terdengar bahawa ada kementerian-kementerian yang mengadu bahawa tidak ada cukup peruntukan diagihkan kepada kementerian tersebut. Walaupun Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat diberikan lebih kurang RM425 juta masih tidak cukup lagi kerana banyak perkara yang perlu dilakukan untuk memberi bantuan kepada masyarakat ataupun individu-individu yang bermasalah sama ada OKU, sama ada ibu tunggal ataupun mereka yang sakit teruk dan sebagainya.

Pada masa yang sama, kita juga lihat bahawa terdapat juga kementerian-kementerian yang dapat peruntukan yang sebegitu rupa dan yang juga untuk memberi bantuan kepada anak-anak muda, kanak-kanak sekolah dan sebagainya seperti di dalam Kementerian Pelajaran. Maka mungkin dari segi pengagihan itu, kita hendak meminta agak pihak kementerian yang bertanggungjawab dari segi pengagihan itu dapat diselaraskan supaya tidak ada pertindihan di antara kementerian-kementerian yang berkaitan.

Apabila kita soal tentang sistem pengagihan, kita hendak melihat agar peruntukan yang disampaikan itu memang berbaloi. Dalam erti kata lain, masyarakat tempatan ataupun rakyat jelata hendak melihat wang yang telah dibelanjakan itu adalah duit rakyat cuma kerajaan dipertanggungjawabkan dan diberi amanah untuk mengurus tadbir duit rakyat ini. Maka mereka

mengharapkan agar perbelanjaan yang telah dibelanjakan itu akan mendatangkan pulangan sama ada pulangan dalam bentuk perkhidmatan ataupun dalam bentuk projek yang telah dilaksanakan. Itu memang berguna kepada masyarakat ataupun rakyat jelata.

Maka dari sini kita hendak melihat bagaimanakah pihak kementerian membuat penilaian ke atas perbelanjaan yang telah dilakukan. Kadang-kadang kita lihat bahawa sekiranya sesebuah kementerian itu telah habis menggunakan peruntukan yang telah diagihkan itu, maka diberikan prestasi bahawa ini mencapai penilaian 100% kerana wang yang diperuntukkan itu habis digunakan, maka prestasinya 100%. Padahalnya apakah apabila wang peruntukan itu habis digunakan, apakah hasilnya itu memang memberi manfaat kepada rakyat jelata? Itu persoalan yang perlu kita lihat dan pertimbangkan dari segi penilaian prestasi kementerian-kementerian dalam menggunakan duit yang diperuntukkan itu.

Dalam masa yang sama, saya hendak masukkan tentang polis iaitu peruntukan yang diagihkan kepada kementerian yang berkaitan...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya berminat apabila Yang Berhormat bagi Kelana Jaya menyebut tentang utilisasi bajet atau *budget utilization* bagi kementerian-kementerian. Di mana saya teringat ketika saya berkhidmat dengan jabatan, *budget utilization* ini menjadi satu *key performance indicator* kepada agensi ataupun jabatan yang memohon bajet tersebut.

Antaranya ialah kerana kerajaan telah terpaksa membuat satu pinjaman. Contohnya RM1 dan jika RM1 tadi tidak dimanfaatkan ataupun tidak diutilisasikan oleh jabatan ataupun agensi, maka ia akan menimbulkan satu kerugian kepada pihak kerajaan yang terpaksa meminjam RM1 tadi disebabkan oleh faedah atau kadar-kadar *interest* yang lain.

Jadi di sini apabila Yang Berhormat bagi Kelana Jaya menyebut tentang 100% perbelanjaan oleh sebuah agensi kerajaan itu tidak membayangkan sebenarnya mereka telah *perform* ataupun telah berprestasi, perlu kita kembangkan lagi atau perlu kita memperbesarkan lagi supaya bajet utilisasi ini mesti dijadikan satu *key performance indicator* untuk menggerakkan jabatan dan agensi kerajaan bekerja ke arah melaksanakan perancangan-perancangan yang telah mereka lakukan. Kemudian hasil daripada itu, apakah utilisasi bajet tadi boleh memulangkan hasil-hasil yang diharapkan oleh agensi tersebut.

Saya kira masih lagi penting. 100% perbelanjaan terhadap peruntukan yang diperuntukkan atau disediakan oleh kerajaan masih lagi sebagai *priority* (keutamaan). Kemudian selepas itu mesti letakkan apakah hasil-hasil daripada pelaksanaan bajet kerajaan itu tadi. Boleh Yang Berhormat bersetuju dengan saya? Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu yang membantu saya untuk memberi penerangan yang lebih jelas tentang utilisasi peruntukan yang telah disediakan itu. Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Sebab itulah saya minta agar pihak kementerian

yang berkaitan dan yang bertanggungjawab dalam mengagihkan peruntukan itu dapat dilihat semula cara pengagihan dan penilaian prestasi serta juga hasil peruntukan yang telah digunakan itu.

Dalam bidang polis Tuan Yang di-Pertua, contohnya kita ada juga menyediakan peruntukan untuk Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk diberikan kepada pihak Polis Diraja Malaysia di dalam memperkasakan lagi pasukan polis di dalam negara kita.

Cuma satu perkara yang saya hendak bertanya, apakah peruntukan yang diberikan itu benar-benar dapat dilihat hasilnya dari segi pengagihan ataupun dari segi memperkuat lagi dan meyakinkan lagi anggota-anggota polis kita dalam menjalankan tugas mereka. Seperti contohnya dalam kawasan-kawasan tertentu di mana kepadatan penduduk adalah tinggi, maka kita perlu lebih banyak tenaga polis dikerahkan ke kawasan itu.

Saya hendak memberi contoh di mana saya lihat di kawasan daerah Hulu Langat, di daerah Hulu Selangor, daerah Sepang dan daerah Sabak Bernam. Nisbah anggota polis dengan penduduk adalah 1 nisbah kurang daripada 400 penduduk di keempat-empat daerah tersebut.

■ 1630

Tetapi di kawasan daerah Petaling, anggota polis adalah satu nisbah 7,000 lebih kalau mengikut data yang diberikan kepada kita pada tahun 2004. Saya tidak tahu sejauh mana kementerian itu dapat mengagihkan sumber-sumber tenaga ini mengikut taburan yang lebih saksama, lebih baik, lebih sempurna supaya pengagihan ataupun kerahan tenaga anggota polis itu dapat dimanfaatkan kepada semua masyarakat dan bukannya satu kawasan itu mendapat anggota polis yang cukup, satu kawasan kekurangan anggota yang begitu tinggi. Seinggakan anggota-anggota kadang-kadang terasa tekanan kerja terlalu tinggi, tidak dapat menjalankan tugas dengan baik kerana mereka terpaksa menjaga keselamatan, ketenteraman masyarakat di mana bilangan penduduk adalah terlalu tinggi, contohnya di daerah Petaling.

Maka saya rasa pihak yang bertanggungjawab juga harus melihat taburan anggota polis haruslah seimbang di semua kawasan supaya ia tidak memberi tekanan kepada anggota kerana bebannya terlalu berat untuk dipikul oleh segelintir ataupun satu golongan anggota yang tenaganya kurang untuk menjaga satu populasi yang begitu tinggi. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita faham bahawa memang adanya kekurangan dan kelemahan dalam pasukan Polis Diraja Malaysia, kita mengaku adanya kelemahan dan kita juga tahu bahawa pihak Polis Diraja Malaysia cuba berusaha untuk mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan, mempertingkatkan lagi mutu kerja mereka.

Saya tidak akan membantah sekiranya pihak kementerian ataupun pihak institusi pentadbiran kerajaan memberi kenaikan gaji kepada polis kerana ianya salah satu cara sebagai satu pengiktirafan kepada pengorbanan, usaha dan jasa bakti yang telah dicurahkan oleh pihak polis. Jadi pada masa yang sama saya terkilan apabila saya diberitahu bahawa alat-alat kelengkapan tidak cukup diberikan kepada anggota polis.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Misalnya saya diberitahu, dimaklumkan oleh pihak polis di daerah IPD Petaling Jaya. Anggota polis beribu-ribu orang tetapi peralatannya seperti peralatan keselamatan untuk anggota polis, hanya terdapat tiga helai baju ataupun jaket kalis peluru di balai tersebut. Maka sekiranya berlaku keganasan ataupun berlaku pertempuran antara anggota polis dengan penjenayah, siapakah yang akan diberi peluang untuk memakai baju, jaket kalis peluru itu. Apakah pegawai yang tinggi ataupun anggota yang di hadapan yang terpaksa membalas tembakan dengan penjenayah di hadapan. Apakah nyawa mereka tidak penting? Dan dari segi alat komunikasi di dalam perkhidmatan polis, saya rasa semua ini perlu dinaiktarafkan lagi supaya apa yang telah dikaji dinaikkan tetapi kelengkapan-kelengkapan haruslah diberi perhatian supaya anggota polis mempunyai keyakinan yang tinggi untuk menjaga dan mempertahankan ketenteraman masyarakat kita dan senjata yang dipakai.

Kita tahu bahawa sekarang ini penjenayah memakai senjata api yang begitu canggih, mereka ada *machine gun*, mereka ada M16. Kalau anggota polis hanya memakai pistol yang *revolver* itu, macam mana hendak lawan dengan pihak penjenayah? Maka saya rasa perkara-perkara ini perlulah diberi pertimbangan supaya dalam pengagihan peruntukan patutlah diberi keutamaan dan apakah bidang yang perlu diberi keutamaan untuk mengagihkan peruntukan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem penyampaian juga saya hendak kaitkan tentang kontrak-kontrak yang diberikan oleh kementerian. Bukan hanya Kementerian Kewangan, tetapi semua agensi kerajaan.

Kita adakan sistem kontraktor, melantik kontraktor, memberi tender dan kita ada *negotiate* tender, ada *selective* tender, ada *open* tender, ada *close* tender dan sebagainya. Saya tidak kisah bagaimanakah seseorang kontraktor itu mendapat kontrak yang tertentu tetapi akhirnya yang penting adalah hasil kerja tersebut dan apabila kontrak telah diberikan. Apabila seseorang kontraktor telah menghabiskan kerja, sistem pembayaran janganlah tunggu sehingga setengah tahun, satu tahun barulah pembayaran dibuat kepada kontraktor. Dalam hal yang sama juga kontraktor kita ini diberikan tugas kerana untuk meringankan beban kerajaan supaya dapat mempercepatkan proses pelaksanaan projek-projek dan merangsang aktiviti di kawasan tempatan serta merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih *vibrant* dan kita masih ada kelemahan dan kekurangan yang wujud dalam sistem kontraktor yang dijalankan terutama sekali dari segi pemantauan.

Tadi saya mempertahankan kontraktor tentang pembayaran tetapi sekarang ini kita juga hendak mempersoalkan apakah kontraktor-kontraktor yang dilantik itu dapat menjalankan tugas dengan baik? Apakah kerja-kerja yang telah dilaksanakan itu memuaskan? Apakah produk yang dihasilkan itu berbaloi, betul-betul ada kualiti? Maka saya minta pihak institusi pentadbiran

kerajaan supaya mengkaji semula sistem pemantauan ke atas kontrak-kontrak yang diberikan. Saya hendak beri contoh, Tuan Yang di-Pertua. Di dalam kawasan saya sebuah sekolah telah dibina baru sahaja siap dibina tahun lepas bulan Ogos.

Sekolah Kebangsaan Kampung Lindungan, berdekatan dengan PJS 8 dan PJS 10, baru sahaja siap bulan Ogos diserahkan kepada Jabatan Pelajaran dan digunakan pada bulan September dan Oktober dan separuh bulan November. Tetapi dua bulan yang lepas mereka datang jumpa saya hendak minat peruntukan, minta sumbangan untuk memperbaiki bangunan sekolah, untuk memperbaiki padang sekolah. Nampaknya bila kita pergi ke tempat itu, adanya padang sekolah tetapi tidak ada rumput, yang ada hanyalah batu bata. Bagaimanakah budak-budak sekolah hendak menjalankan pendidikan jasmani?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dekat padang itu memang tidak ada rumput... memang letak batu bata?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Batu bata, kemudian sisa-sisa *construction*, sisa-sisa pembangunan, pembinaan ada di situ. Namanya padang sekolah tetapi tidak boleh sepak bola. Mungkin pendapat Yang Berhormat bagi Bera betul kena tukar nama padang batu bata bukan padang sekolah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Jangan lupa di Jerai di kampung kami, depa main bola di bendang kerana padang bola tidak ada tetapi sekarang ini dia main futsal, depa buat main bola atas ini. Jadi Yang Berhormat bagi Kelana Jaya, kita cadang supaya tidak ada kawasan lapang, kita buat kawasan main bola atas simen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, sekarang masalah dibangkit, padang ini dibina tidak lama, rosak dan hendak dibaiki ini bukan berkaitan dengan apa, tidak sama dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Sajalah hendak menyesuaikan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Okey, Tuan Yang di-Pertua apa yang saya hendak tekankan di sini ialah dari segi pemberian, penganugerahan kerja-kerja kontrak ini bagaimanakah kita memantau hasil kerja tersebut? Apakah mereka telah sendiri memberitahu pihak kementerian ataupun pihak jabatan kerja saya telah siap maka pembayaran dibuat. Tidak sampai setengah tahun bulan Ogos tahun lepas, dua bulan yang lepas tidak sampai setengah tahun projek siap tetapi hendak minta peruntukan, minta sumbangan untuk memperbaiki paip air bocor dan air mengalir ke dalam kelas. Pihak kontraktor kata paip yang kita beli itu mempunyai kualiti yang baik. Siapakah yang menjaga kualiti paip atau bekalan bahan-bahan binaan, siapa yang bertanggungjawab?

Apakah kita pula pihak PIBG diminta untuk mencari sumbangan derma daripada orang ramai untuk memperbaiki sistem paip air dan juga padang sekolah, mana adil? Oleh sebab itu

saya minta pihak kementerian supaya kontrak-kontrak yang diberikan itu pastikan semua kerja siap dan kualiti kerja itu adalah bertaraf mengikut spesifikasi yang ditentukan, barulah kita membuat bayaran. Dan kalau kerja tidak sempat siap, tidak sempurna maka janganlah bagi ...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Minta penjelasan.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Dan sebelum itu saya pun hairan, pernah saya cakap dalam Parlimen ini bahawa apabila kita membina sekolah dan sebagainya pastikan adanya kemudahan-kemudahan yang minimum disediakan, contohnya di antara bangunan sekolah. Kalau ada bangunan sekolah, kita tahu bahawa pelajar-pelajar kena beralih dari satu kelas ke satu kelas untuk mengikuti kelas yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Putatan, boleh duduk sekejap?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Maka kena lalu kawasan lapang. Kalau perlu lalu kawasan lapang binalah laluan pejalan kaki berbumbung supaya bila hujan budak-budak sekolah tidak kena hujan dan tidak basah. Kalau basah dan sakit, siapa yang jaga? Takkanlah kita hendak rujuk balik kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat lagi minta bantuan kewangan dan sebagainya, minta bantuan perubatan, tidak adil.

■ 1640

Maka semua spesifikasi itu kena dikaji semula supaya hendak menghasilkan sesuatu bangunan. Saya tidak minta sekolah itu dibina mengikut taraf dunia, tak payah. Taraf kebangsaan, cukup. Taraf kebangsaan yang boleh digunakan sebaik mungkin, itu sahaja. Ya, saudara.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya dari Kelana Jaya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terpanggil...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kelana Jaya ataupun saya tidak panggil Yang Berhormat...[Ketawa]. Yang Berhormat sendiri sudah bangun.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: ..dengan ucapan Yang Berhormat tadi, soal kontraktor-kontraktor yang membina sekolah ini Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah membawa perkara yang sama dalam perbahasan saya pada minggu yang lepas. Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat soal kontraktor-kontraktor yang kononnya menyiapkan kerja projek-projek sekolah ini. Adakah sistem pemeriksaan *Certification of Works Completion* dilaksanakan dengan cara yang betul? Oleh sebab di kawasan saya ada parit yang tidak mengikut spesifikasi bangunan sekolah. Parit dibina dekat dengan tiang sekolah manakala bumbung itu jatuh di lain tempat. Jadi, bagaimana? Saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Macam mana saya hendak jelaskan? Inilah kesilapan kontraktor yang dilantik. Kalau kontraktor itu tidak ada kualiti, tidak dapat jalankan tugas, kita buang sahajalah. Kita gugurkan dari senarai kontraktor. Tidak kisahlah dia Kelas F,

Kelas A, Kelas B, Kelas C, Kelas D ke? Kalau tidak dapat buat kerja yang memuaskan, kita janganlah memasukkan dia. Mungkin ada kontraktor dia daftarkan dengan nama yang lain, nama syarikat lain, tetapi orang yang sama dan saya minta pihak kementerian supaya melihat perkara ini. Kalau seseorang itu tidak dapat melaksanakan kerja dan sekiranya syarikatnya telah digugurkan dalam senarai kontraktor dan dia tubuhkan syarikat yang lain, maka pihak kementerian harus juga memantau dan meneliti dia adalah orang yang sama terlibat, maka kita tidak perlu beri dia sijil yang baru untuk pergi ke Kelas yang lain. Itu saya minta kementerian supaya melihat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ada lagi dua perkara Tuan Yang di-Pertua. Ringkas sahaja. Tuan Yang di-Pertua, hujan di luar Dewan baru berhenti. Semasa tadi hujan lebat, hati saya pun tidak senang. Sebenarnya saya hendak balik kawasan tengok apakah yang agaknya berlaku di kawasan saya? Sebab semalam, saya baru sahaja melawat ke pangsapuri di mana terdapat pangsapuri yang tiap-tiap kali hujan, walaupun kawasan di dalam kawasan daerah Petaling dan dikatakan kawasan yang maju di negeri Selangor. Negeri Selangor dikatakan negeri yang maju di negara kita. [Disampuk]. Tetapi dari hal-hal yang berlaku macam ini, saya rasa susah hatilah. Bila hujan, memang ada banyak perkara. Bumbung terbang, pintu tercabut...betul!!! Pintu tercabut, cermin habis pecah. Ini di kawasan Desa Ria, Desa Mentari dan Kg. Lindungan di kawasan saya. [Disampuk]. Bila tanya pemaju, pemaju kata ini bukan salah kita, kita telah siapkan kerja. Ini adalah salah Tuhan katanya, kerana itulah kawasan laluan angin. Kawasan laluan angin, tiap-tiap kali angin hujan, angin akan bertiup kuat, maka setiap kali bila hujan, maka bumbung terbang. Pintu tercabut. Memang berlaku dalam dua, tiga hari.

Tiap-tiap malam, saya pergi sampai pukul 1.00, pukul 2.00 malam, pergi tengok kawasan. Pergi *console* penduduk-penduduk di situ, kena beri sumbangan lagi. Saya tidak tahulah bagaimana pihak kementerian bertanggung jawab sama ada jabatan pihak berkuasa tempatan, pemaju yang memberi kelulusan dan juga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kalau dikatakan itu adalah kerana bencana alam, mungkin Kementerian Sains dan Teknologi dan sebagainya akan mengkaji apakah itu tempatnya laluan angin? Maka tidak boleh dibina pangsapuri-pangsapuri yang bertingkat 14. Malahan semalam tempat yang saya lawati itu hanya 5 tingkat sahaja, pun berlaku juga. Sebenarnya bagi saya bukan kerana kawasan laluan angin. Kalaupun kawasan gempa bumi, kalau strukturnya bagus, *foundationnya* bagus, bila ada gempa bumi yang bergerak sedikit pun, bangunan tidak akan runtuh. Kalau katanya ini kerana bencana alam, di Jepun kalau ada gempa bumi, semua bangunan di seluruh negara Jepun habis runtuh. Tetapi kita hendak lihat kualitinya.

Kualiti kerja patut diberi perhatian dan juga mungkin pihak kementerian yang berkaitan yang mengkaji cuaca, yang mengkaji geografi, tanah dan sebagainya, mungkin juga hendak mempersoalkan apakah kepakaran dalam kementerian-kementerian yang tertentu? Kita

membayar gaji, kita membayar emolumen dan sebagainya. Apakah kepakaran mereka? Apakah pihak Kementerian atau Jabatan Alam Sekitar yang menganalisis, memberi komen sebelum pemaju diberi kebenaran untuk memajukan dan sebagainya telah menjalankan tugas dengan baik. Dengan mengikut profesionalisme mereka supaya sebelum sesuatu pemajuan dilakukan, maka adanya komen, maka adanya perdebatan yang telah diberikan kepada pihak berkuasa tempatan, maka hanyalah selepas itu sahaja barulah kelulusan diberikan untuk pemajuan. Maka perkara ini saya rasa haruslah diambil perhatian oleh kementerian.

Perkara yang terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah penggunaan sumber kementerian-kementerian. Kita tahu bahawa misalannya dalam Program Latihan Khidmat Negara, Kementerian Pertahanan melaksanakan dan menjaga PLKN ini. Kita tahu bahawa sekarang ini Kementerian Pertahanan tidak mempunyai sumber yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan semua peserta di negara kita untuk mengikuti PLKN. Di negara kita adanya *peer group* remaja sebaya yang berumur 18 tahun seramai 450,000 orang. Hanya 100,000 orang yang terpilih untuk mengikuti PLKN. Maka ada 350,000 orang tidak ada peluang.

Mungkin ada yang dikatakan bahawa saya bernasib baik kerana dipilih, ada yang kata saya tidak bernasib baik kerana tidak dipilih. Walau bagaimanapun, program PLKN ini adalah bagus untuk semua dan janganlah hanya dimanfaatkan oleh segelintir sahaja, hanya 100,000 orang sahaja. Manakala 350,000 orang tidak diberi peluang. Walau bagaimanapun, kita faham bahawa Kementerian Pertahanan tidak mempunyai sumber yang cukup. Tidak ada *facility*, tidak ada prasarana, tidak ada kemudahan yang mencukupi untuk menampung semua remaja. Yang Berhormat Sabak Bernam hendak bercakap? Okey, sedikit.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Saya anggap isu PLKN ini sebagai isu yang sangat penting dan kritikal dalam pembangunan generasi anak kita yang akan datang.

Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat. Bagi saya, PLKN ini yang boleh membina patriotisme jati diri anak-anak kita, sepatutnya dipilih dan dikenal pasti daripada peringkat sekolah di mana anak-anak kita ini nampak berisiko dan mungkin berisiko tinggi. Mereka ini dipilih daripada golongan yang di sekolah itu telah pun diberikan ruang dan peluang seperti pengawas dan menjadi pemimpin. Kerana mereka ini, kita jelas watak dia.

Seperti kata Yang Berhormat, bilangannya pun dalam 100,000 orang. Mereka yang keluar daripada SPM ini, lebih 416,000 orang. Jadi bagi saya, peluang tempat seperti ini harus diberikan kepada anak-anak kita yang kita nampak mungkin ada masalah dalam konteks jati diri dia, ketahanan dirinya, patriotisme. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Tuan Yang di-Pertua, sama ada mereka telah pernah menjadi pengawas, pengakap di sekolah tidak mengapa. Bagi saya, yang penting adalah semua remaja yang umurnya sebaya, diberi peluang untuk memperkasa atau memperlengkapkan diri dari segi perwatakan dan membina

semangat dan jati diri yang waja dan sebagainya. Semuanya perlu diberi peluang. Tetapi cara bagaimana, akan saya pergi lebih mendalam dalam hal ini. Tetapi saya bersetuju, semua harus diberi peluang. Tidak kisah melibatkan pengawas dan sebagainya.

Tetapi ada cara-caranya yang tertentu yang boleh kita memperbanyakkan lagi peluang kepada remaja kita untuk memperlengkapkan diri mereka. Dalam hal kekurangan Kementerian Pertahanan dan ada juga ura-ura atau cadangan yang mengatakan bahawa wanita atau remaja perempuan tidak sesuai untuk mengikuti PLKN. Maka hendak di *readjust* semula, 60 peratus lelaki, 40 peratus perempuan dan sebagainya. Kerana kursus atau modul-modul di dalam PLKN ini, mungkin dari segi latihan fizikalnya mungkin terlalu tidak begitu sesuai bagi golongan perempuan.

■ 1650

Walau bagaimanapun, bagi saya ada caranya untuk menyelesaikan masalah ini dan cadangan saya adalah kita mempelbagaikan pakej PLKN di bawah agensi-agensinya yang berlainan kerana Kementerian Pertahanan tidak akan mampu untuk menangani semua masalah ini dan cadangan saya untuk mempelbagaikan ini adalah mungkin lebih baik daripada serampang dua mata. Iaitu kita tahu bahawa kita kekurangan remaja belia untuk menyertai pasukan polis. Kita sentiasa hendak mempromosikan pasukan polis, profesion polis kepada golongan muda supaya dapat bersama-sama mengatasi masalah keselamatan tempatan dan sebagainya.

Pada masa yang sama, Kementerian Kesihatan tentang bidang kejururawatan. Kita juga kekurangan jururawat. Sampai ada hospital yang kekurangan jururawat. Katakan mungkin kawan-kawan yang tertentu yang tidak minat dalam jururawat dan juga polis dan bagi jururawat ada pihak hospital swasta mengambil jururawat dari luar negara. Maka untuk menyelesaikan masalah ini, dan semua ini adalah badan-badan beruniform. Jururawat pun ada uniform sendiri, polis juga ada uniform dan saya cadangkan bahawa kementerian mempelbagaikan PLKN satu pakej di bawah polis, satu pakej di bawah kejururawatan. Maka remaja kita boleh membuat pemilihan hendak ikut pakej PLKN di bawah Kementerian Pertahanan ataupun hendak mengikuti pakej PLKN di bawah Kementerian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Ya, saya akan gulung. Di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan satu pakej mungkin lebih ramai remaja perempuan hendak memilih mengikuti pakej PLKN di bawah Kementerian Kesihatan iaitu dalam bidang kejururawatan. Mereka semua ini diberi *exposure*, diberi pendedahan. Maka, apabila remaja kita diberi pendedahan, tentang kepolisan, kejururawatan, satu hari nanti mungkin ini menjadi minat mereka. Maka mereka mohon menjadi polis dan satu golongan lagi mohon untuk menjadi jururawat. Maka saya rasa ini dapat menyelesaikan pelbagai masalah dan dalam bidang kejururawatan pun kita perlukan jururawat lelaki. Mungkin dalam pakej kejururawatan PLKN di

bawah Kementerian Kesihatan, kita boleh agihkan 80% perempuan, 20% lelaki dalam pakej PLKN di bawah Kementerian Kesihatan.

Maka kita dapat menarik minat supaya semua orang sama-sama bertanggungjawab semasa mencintai negara kita masyarakat kita. Maka kita akan dapat menarik minat belia-belia pada satu hari nanti mohon menjadi polis, mohon menjadi jururawat dan kita tidak perlu bergantung kepada negara lain atau pun pekerja-pekerja dari luar negara untuk menjaga keselamatan kita. Itulah sahaja saya hendak bangkitkan dan saya minta pihak kementerian yang bertanggungjawab pertimbangkanlah cadangan-cadangan saya dengan seriusnya. Dengan itu saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bera.

4.53 ptg.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merujuk terus kepada isu yang akan dibangkitkan iaitu kepentingan kerajaan di dalam perniagaan hari ini ataupun kepentingan kerajaan di dalam syarikat-syarikat GLC. Kalau kita lihat sekarang bahawa kepentingan kerajaan di dalam syarikat-syarikat perniagaan adalah terlalu besar. Pada hari ini lebih 100 syarikat mempunyai kepentingan-kepentingan kerajaan sama ada melalui Khazanah Nasional ataupun melalui Menteri Kewangan yang diperbadankan. Modal berbayar juga adalah begitu besar melebihi RM100 bilion dan saya dimaklumkan bahawa lebih daripada 30% modal berbayar di dalam syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham terdiri daripada syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan kerajaan.

Persoalannya kenapa kerajaan terlibat begitu aktif di dalam perniagaan seperti ini. Adakah kerajaan pada hari ini ingin memperoleh pendapatan dari segi dividen melalui perniagaan ataupun kita perlu bergantung kepada cukai-cukai yang sepatutnya dibayar oleh korporat-korporat dan juga cukai secara lain. Saya lihat dengan keadaan yang begitu besar penglibatannya, kita tidak nampak bagaimana pemantauan dilakukan terhadap syarikat-syarikat ini. Modal yang digunakan untuk penglibatan ini tentulah menggunakan wang kerajaan dan wang kerajaan tentunya melibatkan wang-wang rakyat.

Tetapi, kita tidak jelas bagaimana pemantauan di buat terhadap syarikat ini. Selain daripada Ahli Lembaga Pengarah, yang dilantik tidak ada satu badan khusus untuk melihat bagaimana kewangan ini dan juga bagaimana syarikat ini dari segi perniagaan yang dirancang untuk memberikan keupulangan kepada kerajaan. Ada pihak yang baru-baru ini mencadangkan supaya perlu diwujudkan satu Jawatankuasa Kabinet misalnya untuk memantau perjalanan syarikat ini kerana ia melibatkan wang rakyat. RM100 bilion lebih bukan merupakan satu kewangan yang kecil, lebih besar daripada sebuah kementerian lebih besar daripada itu. Ada juga pihak yang mencadangkan supaya di bawah satu kementerian diwujudkan satu jawatan

khusus sama ada Timbalan Menteri dan sebagainya untuk memantau dengan rapi apa yang dilakukan oleh syarikat-syarikat GLC ini.

Kita lihat GLC sudah agak lari daripada objektif sebenar. Tujuan kerajaan menubuhkan GLC misalnya sepatutnya syarikat-syarikat yang melibatkan diri dalam industri yang baru, industri-industri yang mempunyai kepentingan rakyat, industri-industri yang strategik. Tetapi, apa yang berlaku penglibatan GLC sekarang terlibat dalam hampir semua bentuk perniagaan. GLC terlibat dalam bidang pembinaan, terlibat di dalam hospital, terlibat di dalam bidang pembuatan malah terlibat di dalam bidang perhotelan. Jadi objektif ini agak berbeza dari tujuan sebenar diwujudkan GLC-GLC. Kita lihat di dalam industri-industri strategik misalnya. Kadang-kadang terdapat satu kekeliruan. Kita tidak tahu, kita tidak jelas arahan ini.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya habiskan ayat ini, saya bagi. Kita tidak jelas arahan ini. Kita mengatakan bahawa di dalam industri strategik misalnya, air port, lapangan terbang. Kita tidak boleh swastakan kerana ia bidang strategik yang perlu dipegang oleh kerajaan. Tetapi, dalam masa yang sama, kita menswastakan hampir keseluruhan pelaburan di negara kita. Jadi, apakah rasionalnya? Saya tidak nampak rasionalnya kerana dari segi tujuan, dari segi objektif sudah tidak jelas. Arah tuju juga tidak jelas. Okey, saya beri kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Saya hendak balik kepada intro Yang Berhormat menyebut tentang pelaburan jumlah yang besar oleh pihak kerajaan terhadap pembangunan GLC ataupun syarikat-syarikat yang berhubung kait dengan kerajaan ini. Yang Berhormat bagi Bera, senarai GLC-GLC yang ada dalam negara kita ini kalau kita lihat, kesemuanya berada dalam satu rumah, berada di bawah satu bumbung dan bumbung ini yang menggabungkannya adalah Kementerian Kewangan yang berkuasa penuh terhadap GLC-GLC yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Yang Berhormat pula menyebut tentang ini, penjelasan, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat menyebut tentang satu mekanisme pemantauan pula tentang bagaimana pentadbiran urusan GLC-GLC ini dapat dipantau secara rapat oleh pihak kerajaan.

■ 1700

Adakah Yang Berhormat menyimpulkan bahawa Kementerian Kewangan, kalau tidak keterlaluan saya katakan gagal dalam memantau pembangunan ataupun perjalanan GLC-GLC ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya tidak ingin menuduh Kementerian Kewangan gagal dan sebagainya tetapi hanya meletakkan seorang ahli lembaga pengarah

mewakili Kementerian Kewangan tidak mencukupi. Dan, lebih-lebih lagi saya jelaskan tadi bahawa penglibatan wang kerajaan dalam GLC ini terlalu besar melebihi RM100 bilion. Dengan itu perlu ada satu jawatan yang khusus, tidak kira sama ada Jawatankuasa Kabinet atau apa sahaja, mekanismenya yang bertujuan khusus untuk menjaga dan memantau GLC ini.

Mungkin diletak di bawah Kementerian Kewangan ataupun seorang Timbalan Menteri yang khusus untuk melihat kepada GLC ini. Ini kerana kita takut jika berlaku kerugian penglibatan kewangannya adalah begitu besar dan ianya melibatkan wang rakyat. Saya hendak pergi kepada hala tuju tadi, fokus tadi. Ada terdapat sedikit yang tidak selari, ada kontradiksi. Misalnya dari segi, tadi saya sebut tentang industri strategik, sekarang industri yang melibatkan kepentingan rakyat.

Kita setuju TNB, GLC, saya bersetuju kerana ia melibatkan kepentingan, ia melibatkan kepentingan rakyat tetapi dalam masa yang sama, syarikat-syarikat air misalnya diberi kepada syarikat swasta, tidak ada kepentingan Kerajaan Persekutuan, misalnya di dalam syarikat-syarikat air. Sepatutnya perkara-perkara yang melibatkan kepentingan, kepentingan orang ramai mesti dipegang oleh kerajaan sama ada air, api, *public transport*, perumahan. Sekarang kita sudah ada, syarikat perumahan negara, itu adalah satu perkara yang baik. Tetapi saya tidak nampak kenapa air misalnya diserahkan kepada syarikat-syarikat swasta.

Jadi, inilah satu perkara yang perlu dinilai kembali oleh kerajaan. Adakah perlu GLC terlibat di dalam semua bentuk perniagaan ataupun menumpukan kepada syarikat-syarikat yang saya sebut tadi mempunyai kepentingan-kepentingan, iaitu misalnya di dalam industri baru, perlu kerajaan terlibat, seperti industri bioteknologi, industri angkasa, perlu kerajaan terlibat. Perkara-perkara yang melibatkan kepentingan rakyat, air, api dan sebagainya.

Sebab apabila kerajaan terlibat kepentingannya ialah tidak melihat kepada keuntungan semata-mata. Kalau kita lihat sekarang apabila kita serahkan kepada pihak swasta jadi akhirnya timbullah elemen-elemen keuntungan yang akhirnya tidak memberikan keuntungan kepada rakyat. Tetapi kemungkinan ada agenda lain, mungkin GLC begitu banyak terlibat kerana ingin menjaga kepentingan bumiputera. Mungkin wujudnya GLC begitu banyak kerana untuk mewujudkan vendor-vendor bumiputera dan melahirkan *entrepreneur* bumiputera. Tetapi sehingga hari ini adakah GLC ini berjaya melahirkan vendor-vendor bumiputera dan juga *entrepreneur*, usahawan-usahawan bumiputera.

Saya ingin tahu sama ada, apakah syarikat GLC diberikan satu syarat supaya ada sasaran tertentu untuk melahirkan kaum-kaum bumiputera, ataupun usahawan bumiputera ini. Ini kerana kita dapat mendengar banyak rungutan daripada syarikat-syarikat GLC sendiri seperti TNB, Telekom, Proton dan sebagainya, yang mempunyai masalah di dalam melahirkan bumiputera-bumiputera ini kerana minat GLC di dalam bidang perniagaan, akhirnya mereka sendiri menubuhkan anak-anak syarikat yang akhirnya bersaing dengan syarikat-syarikat bumiputera.

GLC menubuhkan anak-anak syarikat dan akhirnya syarikat inilah yang bersaing dengan vendor bumiputera ataupun akhirnya GLC ini menjadi orang tengah kepada vendor-vendor bumiputera ini. Jadi, saya ingin supaya pihak kerajaan melihat kembali objektif penubuhan GLC ini. Perlukah melihat di dalam semua ataupun kalau ada objektif bumiputera tadi, adakah berjaya setakat ini. Kalau tidak, saya rasa pihak kerajaan patut memikirkan kembali sama ada perlu meneruskan GLC-GLC ini ataupun sebaliknya pula menjualkan GLC ini kepada bumiputera-bumiputera yang mampu untuk mengendalikannya.

Saya ingin beralih kepada

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]: Minta penjelasan, ya. Memandangkan banyak masalah yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Bera, adakah Yang Berhormat mencadangkan akhirnya, dengan izin, *government has no business to be in business and business has no business to be in government*.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ya, itulah yang diperkatakan, bahawa *government has no business to get involved in business*. Dan, sekarang inilah yang berlaku, *government* terlibat di dalam perniagaan secara langsung. Saya hendak beralih kepada penglibatan agensi-agensi kerajaan. Agensi kerajaan juga seperti GLC, mereka juga akhirnya lari daripada objektif asal dan akhirnya agensi-agensi terlibat di dalam bidang-bidang perniagaan yang bukan *core business* mereka sendiri.

Saya hendak beri contoh yang paling saya tahu ialah FELDA, contoh yang terbaik. FELDA, tujuannya, objektifnya ditubuhkan FELDA adalah untuk menyusun semula masyarakat, mewujudkan masyarakat Melayu yang akan terlibat di dalam perladangan dan sebagainya. Akhirnya sehingga ke hari ini FELDA agak berjaya. Saya kira satu rancangan yang berjaya, bukan agak berjaya, berjaya. Tetapi akhirnya FELDA lari daripada objektif asal dan akhirnya terlibat di dalam bidang perniagaan yang tidak ada kaitan dengan *business* asalnya.

FELDA pada hari ini, misalnya terlibat di dalam perkara-perkara lain, seperti pembinaan, FELDA menubuhkan FELDA *Construction*, FELDA mula menubuhkan FELDA *Engineering*, FELDA menubuhkan syarikat angkut, FELDA menubuhkan syarikat perkapalan yang akhirnya rugi, ditutup. FELDA pada hari ini ingin menjadi peneroka di dalam bidang perhotelan, FELDA akhirnya ingin terlibat di dalam membuka restoran-restoran Melayu di negara-negara asing dan sebagainya. Nampak gayanya FELDA juga sudah tidak terlibat, terkeluar daripada *core-businessnya*. *Core-businessnya* ialah sepatutnya perladangan dan dalam masa yang sama memastikan bahawa peneroka-peneroka mendapat tempat yang baik di felda-felda.

Peneroka generasi pertama, peneroka anak-anak peneroka generasi kedua yang ini perlu diberi perhatian oleh FELDA. Tetapi kerana ingin terlibat di dalam semua perniagaan, akhirnya FELDA seperti GLC tadi, lari daripada objektif yang asal. Saya hendak beri contoh, apa

kesannya. Di kawasan saya Bera, saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana ingin menyelesaikan masalah air di tempat saya, di Bera. Saya rasa di Pahang, di Maran, di seluruh negeri Pahang, patut Pahang juga berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri:

RM150 juta di luluskan untuk menukar paip-paip air lama dan menggantikan tangki-tangki yang lama membuat tangki-tangki yang baru untuk menyelesaikan masalah air di dalam kawasan-kawasan FELDA. [Disampuk] RM185, di tambah RM185. Di tempat saya kita mendapat RM15 juta pada Jun tahun 2006, tetapi kerana minat yang begitu mendalam oleh FELDA di bidang perniagaan pemasangan paip ini FELDA memberinya kepada FELDA *Engineering*. FELDA *Engineering* sub kepada FELDA *Construction*. FELDA *Construction* sub kepada *main contractor*, kontraktor utama dan kontraktor utama sub balik kepada kontraktor kelas-kelas F. Akhirnya kerana terlampau banyak

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: [Bangun]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sekejap, ya. FELDA *Engineering* tentu ingin mendapat keuntungan. Saya ambil contoh, saya hendak beri contoh. Mungkin satu projek nilainya RM100 ribu, pemasangan paip itu. RM100 ribu misalnya.

■ 1710

FELDA *Engineering* tentu ingin ambil 10% tinggal 90% - RM90,000 serah kepada FELDA *Engineering*. FELDA *Engineering* serah kepada FELDA *Construction*. *Construction* mesti mahu mengambil keuntungan, serah pula kepada *main contractor*, mahu ambil keuntungan lagi. Akhirnya serah kepada kontraktor kelas F. Mungkin daripada RM100,000 sampai ke bawah sudah jadi RM70,000. Bila jadi RM70,000 akhirnya projek terbengkalai tidak dapat disiapkan.

Yang menjadi mangsa adalah peneroka-peneroka lagi. Itu kalau tak disiapkan. Kalau disiapkan, saya percaya tentulah mutu paip dan sebagainya akan menjadi yang paling rendah kerana setiap orang akan mencari keuntungan. Inilah masalahnya apabila syarikat-syarikat agensi-agensi ini mula melibatkan diri di dalam bidang peniagaan.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bera. Saya tertarik dengan apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat tentang penglibatan kontraktor-kontraktor kecil ini dan juga FELDA.

Di kawasan saya ada 12 buah FELDA. Saya bersetuju memang kadang kala projek-projek ini juga diambil oleh FELDA buat sendiri. Sedangkan kita telah banyak membicarakan tentang kegagalan kontraktor kelas F dan sebagainya. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat supaya dalam masa yang sama kontraktor kelas F ini bangun dan sebagainya sebagai kontraktor yang berjaya tetapi dalam masa yang sama ada pula pihak lain atau agensi yang mahu mengambil peranan untuk melaksanakan projek-projek ini.

Apakah caranya, bukan kita... saya berterima kasih kepada pihak kerajaan bahkan kita ucapkan terima kasih, jasa yang telah dimainkan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dalam

membina FELDA. Sehingga sekarang kita lihat banyak dari segi pencapaian taraf hidup masyarakat FELDA cukup berjaya dan membanggakan kita.

Tetapi kita tidak mahu dengan adanya agensi ini, merosakkan pula sebahagian daripada masyarakat kita di luar bandar. Apakah pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya setuju sepatutnya FELDA menubuhkan suatu badan untuk menyelaraskan kontraktor-kontraktor kelas F di dalam FELDA ini. Bukan akhirnya menubuhkan syarikat-syarikat yang sama minatnya dan sama bidang perniagaannya dengan kelas-kelas F tadi. Apa yang berlaku ialah menubuhkan syarikat-syarikat yang akhirnya bersaing dengan bumiputera kalau tidak pun mencari keuntungan. Saya difahamkan orang FELDA kata ramai orang FELDA kata mengatakan lebih baik wang itu tidak keluar. Lebih baik wang itu adalah berlegar di dalam kawasan FELDA sahaja. Tetapi soalnya yang gagal ialah menghasilkan bumiputera di kalangan peneroka-peneroka itu sendiri.

Saya rasa FELDA misalnya seperti juga dengan agensi lain mesti terlibat dengan kor *business*, mesti balik kepada objektif asal iaitu terlibat dalam kor *business*. Tak kira sama ada FELDA, RISDA, FELCRA, dahulu kita tengok di kampung-kampung Pemas Edar ada di kampung-kampung kerana tujuannya untuk melahirkan peniaga-peniaga runcit di kalangan orang Melayu.

Tetapi oleh kerana syarikat ini terlalu ghairah untuk mendapatkan keuntungan dalam bidang perniagaan, akhirnya melebarkan sayapnya terlibat di dalam semua perkara. Tabung Haji misalnya,

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Bangun*]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tabung Haji, misalnya, kor *business* dia adalah *business* haji. Tetapi terlibat di dalam perkara-perkara lain yang baru, perladangan, *travel agent*, patutnya *travel agent* berikan kepada syarikat *travel agent* bumiputera untuk mendapat sebahagian perniagaan daripada Tabung Haji.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Memberi isyarat meminta laluan*]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya bagi, saya bagi. Sekejap. ...daripada Tabung Haji tetapi Tabung Haji sendiri tubuh syarikat *travel agent* di dalam Tabung Haji dan akhirnya syarikat bumiputera tidak dapat bergantung kepada Tabung Haji dan malangnya setiap tahun Tabung Haji menaikkan tambang mengerjakan fardu haji.

Saya difahamkan, tidak tahu benar ataupun tidak, biar pihak menteri menjawab, daripada RM5,000 dahulu sudah naik menjadi RM9,600 dan saya difahamkan Tabung Haji akan menaikkan lagi tambang haji tambah RM500 lagi, jadi apa maknanya? Terima kasih. Larut silakan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera kerana masih ada masa untuk bercakap soal GLC walau pun saya faham Yang Berhormat juga terpaksa memberi perhatian kepada perkara yang lain.

Saya amat setuju kalau diberikan contoh seperti Tabung Haji. Kita tahu bila kita menyimpan wang di dalam Tabung Haji ini orang sudah tidak fikir lain cuma hendak pergi ke Mekah untuk menunaikan fardu haji. Tetapi masalahnya sekarang ini kebanyakan anak-anak syarikat Tabung Haji terpaksa menjalankan perniagaan sehinggakan kadang-kadang bidang yang diceburi itu macam kata Yang Berhormat tadi, tidak bersesuaian dengan peranan.

Patutnya kalau perladangan macam kita tahu sekarang Tabung Haji melalui anak syarikatnya telah membuka tanah yang begitu luas di negara jiran beratus-ratus ribu ekar. Mudah-mudahan kita harap wang ini dapat digunakan untuk keperluan kita. Tetapi apabila timbul soal kenaikan tambang untuk ke Mekah, ini menjadi suatu rungutan.

Mahu tidak mahu oleh kerana kos sebagaimana yang telah disebutkan tadi, oleh kerana Tabung Haji terpaksa membiayai kerana kenaikan bahan api dan sebagainya. Tetapi pada asalnya fungsi Tabung Haji ini ialah untuk menentukan bahawa pengurusan mereka yang hendak ke Mekah. Ini sebagai contoh.

Kelmarin, saya kebetulan membincangkan soal ini dengan rakan saya yang menerajui sebuah agensi. Dia juga secara tidak langsung memberitahu saya

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat berucap kah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Bukan mahu minta penjelasan. Kami sebut penjelasan bukan berucap sebab benda kalau saya tidak jelaskan, tergantung.

Tuan Yang di-Pertua pun kena faham juga benda itu kalau tergantung. Dia pun terkejut apabila mengambil alih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham. Saya faham Yang Berhormat sekarang berucap.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, penjelasan saya, dia pun sendiri merungut. Contohnya FELCRA sendiri tiba-tiba terlibat dengan agensi pelancongan – *travel agent*. Sedangkan FELCRA ini adalah merupakan sebuah agensi perladangan. Kalau menguntungkan, suatu hal, tetapi kalau merugikan, bagaimana? Jadi memanglah, kita berharap supaya CEO dengan izin ketua eksekutif yang ditempatkan di sini semua adalah merupakan suatu peranan mewakili kerajaan untuk menentukan arah mana yang sepatutnya yang mereka lakukan.

Ini mungkin saya rasa Yang Berhormat setuju supaya pihak atasan yang memimpin agensi-agensi ini bila melihat peranan yang relevan, yang rasional ke arah mana yang perlu

mereka lakukan. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat barangkali Yang Berhormat bersetuju supaya dirombak balik struktur agensi milik kerajaan atau GLC ini yang betul-betul bersesuaian supaya mereka tidak bertindih, tidak bersaing dengan syarikat-syarikat tempatan yang baru hendak cari makan, terutama di kawasan Tuan Yang di-Pertua pun begitu juga. Yang hendak cari makan tiba-tiba terpaksa bersaing dengan syarikat-syarikat gergasi ini. Itu sudah tentu tidak mencapai sasaran matlamat kita sebenarnya. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya setuju. Saya setuju tidak ada sebab langsung misalnya FELCRA terlibat di dalam *travel agent*. Kalau betul seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Larut. Tidak ada sebab. Sebab itu saya kata kita kembali kepada asal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat boleh gulunglah.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Sedikit lagi, kembali kepada asal. Inilah yang saya katakan. Akhirnya yang rugi adalah rakyat. Yang rugi adalah *shareholders*, yang rugi adalah Tabung Haji. Tabung Haji *declare* untung besar. MAS untung besar. TNB untung besar tetapi tarif naik, tambang naik, Tabung Haji tambang naik dan sebagainya.

Soal FELDA tadi, saya lebih kepada FELDA sebab saya tahu banyak tentang FELDA. Patutnya kebajikan peneroka dijaga. Apabila tanam semula dibuat di FELDA. Patutnya FELDA tubuhkan suatu jawatankuasa untuk menyelaras tanam semula yang dibuat. Tetapi FELDA minta supaya

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Bangun dan meninggalkan Dewan*]

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya ingat dia hendak tanya. FELDA arahkan siapa yang ingin tanam semula hendak dapat duit yang dipotong semasa bayaran kembali dahulu sebanyak RM17,000 lebih kurang hendaklah melantik anak syarikat FELDA untuk menguruskan tanam semula. FELDA juga ingin mencari keuntungan dan tubuhkan satu anak syarikat yang dinamakan Technoplant. Technoplant tidak dijalankan sendiri. Technoplant menyerahkan kepada syarikat-syarikat swasta yang lain.

Peneroka kata kalau serahkan kepada syarikat swasta lain lebih baik bagi RM17,000 kepada dia orang, duit ini bukan duit FELDA. Ini duit yang dipotong tiap-tiap bulan mulai daripada bulan pertama mereka menjadi peneroka, lebih baik serahkan RM17,000, mereka boleh melantik syarikat swasta itu. Tidak perlu Technoplant lantik syarikat swasta dan akhirnya yang rugi adalah peneroka itu sendiri.

Technoplant mencari keuntungan, syarikat swasta juga mencari keuntungan. Sebab itulah timbul masalah dari segi mutu tanaman yang ditanam semula oleh syarikat Technoplant ini.

■ 1720

Jadi inilah perkaranya kalau terlalu ghairah ingin terlibat di dalam bidang perniagaan, akhirnya tidak ada apa-apa yang jadi.

Sedikit lagi, *last*. Saya hendak bangkitkan perkara ini sebab merupakan perkara yang menjadi satu masalah di dalam FELDA sekarang iaitu pinjaman perumahan. Ada Syarikat FELDA Properties tetapi tidak menjalankan tugas dengan baik. Akhirnya, pinjaman perumahan FELDA diumumkan beratus-ratus juga untuk pinjaman perumahan tetapi sukar untuk pinjaman perumahan. Peneroka-peneroka FELDA tidak dapat pinjaman perumahan dengan begitu senang. Mereka terpaksa mencari penjamin. Susah untuk mencari penjamin sekarang. Akhirnya rumah FELDA yang lama tidak diganti. Tiba-tiba datang penyelamat.

Pada hari ini saya rasa di Maran pun berlaku di mana syarikat swasta masuk ke FELDA dan menawarkan kepada peneroka untuk membina rumah dengan harga RM40,000 dan syarikat-syarikat swasta ini boleh menguruskan pinjaman bank dan sebagainya. Pada hari ini banyak rumah yang dibina oleh swasta tadi dan saya takut akhirnya penipuan akan berlaku.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Penipuan mungkin akan berlaku, Yang Berhormat bagi Sri Gading, mungkin akan berlaku. Jadi masalah ini berlaku kepada peneroka. Peneroka beritahu bukan tidak mahu ambil pinjaman FELDA tetapi pinjaman FELDA menyusahkan mereka. Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita mendengar panjang lebar. Kita mendengar satu persatu. Kita mendengar daripada satu perkara ke satu perkara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Itu tidak payah sebut, Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, petang-petang begini, Tuan Yang di-Pertua, saya fasal tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat bagi Bera. Boleh dikatakan dia menjadi pejuang peneroka-peneroka FELDA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pujian itu tidak perlu. Apakah soalnya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kita kena puji, Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat bagi Bera menzahirkan apa yang terbenam dan tertanam dalam kalbu peserta-peserta FELDA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, tidak ada bahan lain untuk kemukakan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Banyak bahan ini, Tuan Yang di-Pertua. Dia melahirkan apa yang terbuku di hati sanubari peneroka-peneroka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bera, ada apa-apa lagi hendak sambung?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya akan bertanya kepada Yang Berhormat bagi Bera.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik, tanya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia memberikan kebenaran kepada saya untuk mencelah ucapannya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya yang jaga dan kawal masa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana, yang juga membenarkan saya berucap. Jadi oleh sebab apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Bera itu adalah sesuatu yang sebenarnya kalau tidak diperbetulkan, dia akan merugikan FELDA dan peneroka. Saya hendak bertanya Yang Berhormat bagi Bera, segala yang diucapkan tadi siapa yang sepatutnya mengambil tindakan untuk membetulkannya?

Apakah ucapan Yang Berhormat bagi Bera hanya berlalu di angin lalu? Tidak ada orang yang mencatat, tidak ada orang yang mendengar, tidak ada orang yang akan mengulas dan tidak ada agaknya tindakan yang akan dibuat dan kalau itu berlaku, maknanya apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Bera...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...sudah tidak menjadi perkara yang menguntungkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukankah Yang Berhormat bagi Sri Gading sudah buat catatan? Kalau tidak ada, macam mana boleh tanya dia?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya bertanyalah ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi apakah segala butiran yang telah dikemukakan? Soal-soal ini apakah akan diambil perhatian dan tindakan oleh pengerusinya? Ini semua Lembaga Pengarah FELDA yang punya keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi, itu saya punya pertanyaan. Saya belum habis, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cukupkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bera faham.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat bagi Bera boleh faham. Kalau dia faham macam Tuan Yang di-Pertua faham, saya pun tidak ada masalahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada faham ya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dengan itu tadi saya hendak minta apa tindakan yang mesti dibuat dan diambil oleh pengurusannya, oleh pengerusinya, oleh Lembaga Pengarahnya – dia yang bertanggungjawab, Tuan Yang di-Pertua, kalau berlaku sesuatu. Macam ini, duit bantuan ini tadi. Duit bantuan ini bukan daripada geran kerajaan, bukan daripada FELDA, tetapi daripada titik peluh darah peneroka yang disimpan daripada awal dia menjadi peneroka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: RM17,000 bagi kepada syarikat lain, syarikat lain bagi kepada syarikat lain. Akhirnya dia dapat benda yang tidak baik...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: ...dia tidak ada jaminan hasil akan baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat bagi Bera tidak cakap, Yang Berhormat pun tidak tahulah. Cukuplah, duduklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya pun tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Mengapa tidak cakap?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Dia sudah cakap, saya tidak payah cakaplah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi Yang Berhormat bagi Bera, tolong bagi saya sedikit penjelasan tentang apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Bera, apa tindakan selanjutnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, silakan Yang Berhormat bagi Bera.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau hendak balik, boleh balik sekarang. *[Ketawa]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tahniah kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading, seorang pejuang peneroka. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading ambil kesempatan sahajalah. *[Ketawa]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tidak. Yang Berhormat bagi Sri Gading ini daripada muda pun berjuang untuk FELDA ini, saya tahu. Saya bersama dengan dia dari awal lagi. Jadi kita berharap, saya seperti Yang Berhormat bagi Sri Gading berharap...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua pun harus ambil tahu, Tuan Yang di-Pertua. Di Kulai banyak FELDA, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya lebih faham daripada Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua ini pun pejuang FELDA juga. Jadi saya pun sama seperti pandangan Yang Berhormat bagi Sri Gading bahawa apa yang kita perkatakan pada hari ini mesti diambil tindakan oleh pihak pengurusan. Saya sendiri amat memuji Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Dia akan mengambil apa sahaja yang kita maklumkan kepadanya. Tetapi kadang-kadang apabila diturunkan ke bawah, perkara yang kita maklumkan dan dipersetujui oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak dilaksanakan. Pelaksanaan ini menimbulkan satu masalah.

Akhir sekali, ini tentu Tuan Yang di-Pertua tahu. Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soal kebajikan tadi, saya rasa kerana terlampau mementingkan perniagaan tadi, dia lupa perkara kebajikan ini. Peneroka FELDA hidup berhutang daripada mula masuk FELDA sampai mati sebab saya hendak bagi contoh. Apabila mereka masuk menjadi peneroka, mereka berhutang. Selepas hutang dibayar, selepas 25 tahun membayar hutang, sudah mendapat hak milik tanah, mereka terpaksa menanam semula.

Apabila menanam semula, FELDA kata boleh kalau hendak dapatkan saraan sara hidup, buat dengan Technoplant tadi. Akhirnya mereka bersetuju kerana duit mereka dipegang oleh FELDA, maksimum RM17,000 tadi. Akhirnya mereka menyerah semula kepada Technoplant tadi dan mereka memulakan hutang baru. Pada mulanya RM500, sekarang RM750 atau RM1,000 sebulan.

Bermakna selepas kelapa sawit mengeluarkan hasil, selepas empat tahun ditanam, paling minimum tiga tahun dan mungkin empat tahun, kelapa sawit mengeluarkan hasil empat tahun, peneroka akan mula membayar semula hutang-hutangnya. Inilah putaran hutang yang ada pada peneroka yang tidak akan putus-putus. Daripada mula sampai mati kerana tanam semula dengan hutang yang baru. Akhirnya mereka kekal sebagai penghutang. Sebab itulah saya katakan bahawa FELDA mesti memikirkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat, hutang akan selesai apabila mereka ditanam? *[Ketawa]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ha, ya. Hutang akan selesai tetapi anak cucu dia akan tanggung hutanglah. Jadi Yang Berhormat, sebab itu saya katakan bahawa jikalau agensi kerajaan kembali kepada asas tujuan penubuhan, kebajikan akan diutamakan. Tetapi sama ada GLC ataupun agensi kerajaan apabila terlibat di dalam perkara yang bukan asas, bukan perkara *core business*, akhirnya kebajikan diabaikan. Yang rugi adalah rakyat. Dengan itu saya menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya bagi Yang Berhormat bagi Pasir Putehlah.

5.29 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh dan selamat sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang bijaksana memilih dan memberi peluang kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi hanya lima minit, bolehkah?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Dalam 20 minit.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Dalam Peruntukan Tambahan bagi 2006, tambahan kedua pengurusan dan juga pembangunan ini, saya cuba ambil lebih kurang 20 minit. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh selesaikan dalam 10 minitkah?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak boleh. Esoklah sambung.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tidak. Belum *start* lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa 25 kementerian yang memohon tambahan kedua ini melibatkan RM19 bilion lebih, hampir RM20 bilion. Jadi ini menunjukkan bahawa ia satu peruntukan yang perlu. Bagi saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bolehlah sambung pada hari esoklah. *[Ketawa]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.